




Undang-Undang Permainan

21/22



Download
Laws of the Game App

Official translation of Football Association of Malaysia (FAM)

IFAB[®]

THE INTERNATIONAL FOOTBALL ASSOCIATION BOARD



FIFA[®]



The International Football Association Board


Münstergasse 9, 8001 Zurich, Switzerland

T: +41 (0)44 245 1886, F: +41 (0)44 245 1887

www.theifab.com

This booklet may not be reproduced or translated in whole or in part in any manner without the permission of The International Football Association Board.

Effective from 1st July 2021





Undang-Undang Permainan 2021/22

Kandungan

Perihal Undang-Undang	9
Nota dan modifikasi	16
Nota Undang-Undang Permainan	17
Modifikasi umum	20
Garis panduan bagi pemberhentian sementara	22
Garis panduan bagi penggantian ulangan	26
Undang-Undang Permainan 2021/22	29
1 Padang Permainan	31
2 Bola	41
3 Pemain-Pemain	45
4 Peralatan Pemain	53
5 Pengadil	59
6 Lain-Lain Pegawai Perlawanan	69
7 Jangka Masa Permainan	77
8 Permulaan dan Permulaan Semula Permainan	81
9 Bola di dalam dan di luar Permainan	85
10 Penentuan Keputusan Perlawanan	87
11 Ofsaid	93
12 Kesalahan dan Kelakuan Tidak Bersopan	97
13 Sepakan Percuma	113
14 Sepakan Penalti	117
15 Lontaran ke Dalam	123
16 Sepakan Gol	127
17 Sepakan Penjuru	131

Protokol Video Assistance Referee (VAR)	134
FIFA Quality Programme	145
Pindaan Undang-Undang 2021/22	148
Ringkasan panduan pindaan Undang-Undang	149
Perincian keseluruhan pindaan Undang-Undang	152
Glosari	166
Badan-badan bola sepak	167
Terminologi bola sepak	168
Terminologi pengadil	178
Panduan praktikal pegawai perlawanan	180
Pendahuluan	181
Posisi, pergerakan dan kerjasama	182
Bahasa badan, komunikasi dan wisel	196
Lain-lain panduan	202





Perihal Undang-Undang



Falsafah dan semangat Undang-Undang

Bola sepak adalah sukan terhebat di dunia. Ia dimainkan di seluruh benua, di setiap negara dan di pelbagai peringkat. Secara faktanya, Undang-Undang Permainan adalah sama untuk semua peringkat bola sepak di seluruh dunia, dari FIFA World Cup™ hingga ke perlawanan dalam kalangan kanak-kanak di ceruk pendalaman. Ini adalah kekuatan cukup besar yang mesti terus dimanfaatkan untuk kebaikan bola sepak.

Bola sepak perlu mempunyai Undang-Undang bagi memastikan nilai 'adil' - ini adalah asas penting 'sukan yang indah ini' dan merupakan ciri penting dalam 'semangat' permainan itu sendiri. Perlawanan terbaik adalah perlawanan yang jarang memerlukan penglibatan pengadil kerana pemain saling hormat-menghormati; pegawai perlawanan dan Undang-Undang.

Undang-Undang bola sepak relatifnya lebih mudah berbanding sukan berpasukan lain, tetapi lantaran banyak situasi 'subjektif' serta unsur kemanusiaan pada pengadil, ada keputusan yang boleh dipertikaikan serta memerlukan perbincangan. Sesetengah pihak berpendapat 'perbincangan' ini menjurus kepada kerancakan dan keseronokan tetapi, sama ada keputusan tersebut betul atau salah, 'semangat' permainan mengharapkan agar keputusan yang dibuat mesti sentiasa dihormati oleh semua. Semua yang berkewajipan, terutama jurulatih dan ketua pasukan mempunyai tanggungjawab yang jelas terhadap permainan untuk menghormati pegawai perlawanan dan keputusannya.

Undang-Undang tidak mungkin dapat menangani kesemua elemen situasi yang berlaku, untuk itu, jika tiada sebarang peruntukan yang termaktub di dalam Undang-Undang, maka IFAB menjangkakan pengadil akan bertindak bijak dalam menanganinya berdasarkan 'semangat kesukanan' – ini meliputi persoalan seperti, "Apakah yang permainan bola sepak ini perlukan/jangkakan?"

Undang-Undang juga mesti melindungi pemain dari aspek keselamatan dan kemudaran. Beberapa tahun kebelakangan ini, elemen kebajikan pemain merupakan faktor utama sehingga berlakunya beberapa pindaan seperti pelaksanaan penggantian tambahan semasa masa tambahan dan pengenalan hentian masa untuk minum dan rehat. Pendamik COVID-19 menjadikan berlakunya pindaan sementara pada Undang-Undang 3 memberi peluang khususnya perlawanan tahap tinggi mempunyai pilihan menambah bilangan maksima pemain gantian dari tiga kepada lima pemain. Ujian juga telah dimulakan bagi penggantian tambahan 'pemain yang mengalami atau dikhuatiri mengalami 'gegaran kepala' agar diberikan keutamaan aspek kebajikan pemain yang terlibat dengan kecelakaan tersebut tanpa menjejaskan isu-isu berkaitan.

Kemalangan di dalam permainan adalah tidak dapat dielakkan, namun Undang-Undang perlu dengan sehabis baiknya menyakinkan bahawa permainan ini adalah selamat dengan keseimbangan di antara keselamatan pemain dengan semangat sukan. Ini memerlukan pengadil melaksanakan Undang-Undang dengan tegas terhadap pemain yang terlalu agresif dan berbahaya. Undang-Undang tidak akan melindungi permainan yang berbahaya menerusi frasa disiplin seperti 'cabaran melulu' dan 'membahayakan keselamatan pemain lawan' atau 'penggunaan daya yang berlebihan'.



Pengurusan Pindaan Undang-Undang

Bola sepak sewajarnya menarik dan menghiburkan dalam kalangan pemain, pegawai perlawanan, jurulatih, seterusnya penonton, peminat, pentadbiran, tanpa mengira usia, agama, budaya, etnik, jantina serta yang kurang upaya.

Justeru itu, untuk meminda Undang-Undang, IFAB dan badan-badan yang terlibat dalam proses membuat keputusan mesti mewujudkan keyakinan bahawa pindaan berkenaan memberi kesan berfaedah kepada permainan itu sendiri; ini bermaksud sesuatu aspek yang berpotensi untuk dipinda perlu diuji terlebih dahulu.

Bagi setiap cadangan pindaan, fokus adalah kepada keadilan, integriti, kehormatan, keselamatan, penglibatan yang memberasangkan dalam kalangan pemain, peminat dan aplikasi teknologi mengikut keperluan yang akan menyemarakkan lagi permainan ini.

IFAB akan terus berhubung dengan warga bola sepak dunia agar pindaan-pindaan terhadap Undang-Undang memberi manfaat kepada bola sepak di setiap peringkat dan di seluruh dunia, seterusnya integriti permainan, Undang-Undang serta pengadil terus dihormati, dihargai dan dilindungi.

Masa hadapan

Pada tahun 2021 dan 2022, IFAB secara berterusan bersama dengan pakar-pakar penasihat melaksanakan perundingan secara meluas, dengan fokus utama kepada kebajikan pemain akibat penularan pendamik serta maklum balas dari ujian percubaan situasi 'gegaran kepala'.


IFAB sentiasa teruja berhubung dengan masyarakat dari seluruh dunia serta sentiasa berharap akan terus menerima pandangan atau persoalan yang berkaitan dengan Undang-Undang Permainan. Malahan, banyak pindaan adalah hasil dapatan cadangan dan usul yang diterima dari pelbagai pihak dari seluruh dunia.

Kami berharap untuk terus berhubung dengan mudah dan meluas di masa-masa akan datang, untuk itu teruskan menyemak perincian dan lama web kami:

www.theifab.com.

Sila kemukakan sebarang usul pandangan atau persoalan kepada:

lawenquiries@theifab.com.



Nota dan modifikasi

Nota Undang-Undang Permainan

Bahasa Rasmi

IFAB menerbitkan Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris, Perancis, Jerman dan Sepanyol. Jika berlaku sebarang kemusykilan, maka Bahasa Inggeris akan dijadikan rujukan utama.

Lain-lain Bahasa

PB kebangsaan yang melakukan terjemahan boleh merujuk templat paparan edisi Undang-Undang 2021/22 terbitan IFAB dengan menghubungi:

info@theifab.com.

PB kebangsaan yang menghasilkan terjemahan Undang-Undang menggunakan format ini dikehendaki menghantar naskah salinan kepada IFAB untuk tujuan perkongsian ramai di laman sesawang.

Sistem Ukuran

Jika wujud perbezaan unit kiraan di antara sistem imperial dan metrik, maka sistem metrik akan diguna pakai.

Aplikasi Undang-Undang

Undang-Undang yang sama diguna pakai di semua perlawanan di peringkat konfederasi, negara, bandar dan desa, serta sebahagian modifikasi yang diluluskan oleh IFAB (rujuk Modifikasi umum Undang-Undang), kandungan Undang-Undang tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan kebenaran IFAB.

Tenaga pengajar yang membimbing pegawai perlawanan atau orang lain perlu memberi penegasan, iaitu:

- pengadil sewajarnya melaksanakan Undang-Undang berlandaskan 'semangat' permainan bagi menjamin permainan yang adil dan selamat

- semua pihak perlu menghormati pegawai perlawanan serta keputusan yang diambil olehnya, dengan kefahaman bahawa pengadil adalah manusia yang tidak terlepas dari melakukan kesilapan

Pemain memikul tanggungjawab besar terhadap imej permainan dan kapten seharusnya memainkan peranan utama dalam menjamin pelaksanaan Undang-Undang oleh pengadil dihormati.

Panduan

Pindaan utama Undang-Undang adalah bergaris kuning dan diwarnakan di sisi tepi.

Pindaan editorial adalah digariskan.

YC = kad kuning (amaran); RC = kad merah (perintah keluar).



Modifikasi umum

Kesejagatan Undang-Undang Permainan bermaksud permainan ini secara asasnya sama di seluruh pelosok dunia dan semua peringkat. Seiring dengan usaha mewujudkan 'keadilan' dan persekitaran yang selamat di mana ianya dimainkan, Undang-Undang seharusnya mempromosikan keterlibatan dan kerianan.

Sejak dahulu, IFAB merestui PB kebangsaan melaksanakan beberapa modifikasi secara fleksibel terhadap 'pengurusan' Undang-Undang bagi kategori-kategori spesifik. Namun, IFAB amat yakin bahawa PB kebangsaan kini perlu diberi lebih pilihan dalam menguruskan aspek modifikasi yang memberi impak baik kepada bola sepak negara masing-masing.

Permainan dan kepengadilan seharusnya dilangsungkan secara 'sama rata' di atas padang, baik dari perlawanan akhir Piala Dunia FIFA hingga ke peringkat pendalaman. Bagaimanapun, keperluan domestik sesebuah negara akan menentukan panduan tersendiri seperti tempoh masa perlawanan, bilangan pemain yang perlu turut serta dan apakah tindakan ke atas salah laku pemain.

Penyelarasan yang terhasil dari AGM IFAB ke-131 di London pada 3 Mac 2017 secara sepakat bersetuju bahawa PB kebangsaan (serta konfederasi dan FIFA) kini mempunyai pilihan, sama ada menggunakannya, melakukan modifikasi menyeluruh atau sebahagian aspek 'pengurusan' Undang-Undang Permainan di mana mereka bertanggungjawab:

Bagi peringkat remaja, veteran, orang kurang upaya dan akar umbi:

- saiz padang permainan
- saiz, berat dan bahan buatan bola
- jarak antara tiang-tiang gol dan ketinggian palang gol dari tanah
- durasi dua tempoh masa (seimbang) dalam perlawanan (dan dua tempoh masa seimbang dalam masa tambahan)
- penggunaan penggantian berulang
- pelaksanaan penggantungan sementara bagi beberapa/semua kesalahan amaran

Bagi semua peringkat kecuali pertandingan yang melibatkan pasukan utama kelab dalam liga teratas atau pasukan 'A' kebangsaan:

- bilangan penggantian setiap pasukan dibenarkan sehingga maksimum lima, kecuali di peringkat remaja di mana bilangan maksimum diputuskan oleh PB kebangsaan, konfederasi atau FIFA.

Sebagai tambahan, kebenaran diberikan kepada PB kebangsaan menguruskan secara fleksibel perkara-perkara sebagai penambahbaikan dan membangunkan bola sepak domestik, AGM IFAB telah meluluskan pindaan-pindaan berikut berkaitan 'kategori' dalam bola sepak

- bola sepak wanita tidak lagi sebagai kategori berasingan dan kini ianya berada di status yang sama dengan bola sepak lelaki
- had umur bagi peringkat remaja dan veteran dimansuhkan – PB kebangsaan, konfederasi dan FIFA mempunyai hak fleksibiliti bagi menetapkan had umur mengikut kategori masing-masing
- setiap PB kebangsaan akan menentukan pertandingan yang direka khas bagi peringkat bola sepak 'akar umbi'

Kelulusan bagi modifikasi lain

PB kebangsaan berhak untuk meluluskan modifikasi yang berbeza-beza bagi pertandingan yang berlainan – tidak perlu untuk memohon kebenaran secara menyeluruh atau memohon kesemuanya. **Walaupun bagaimanapun, tiada modifikasi lain yang dibenarkan tanpa kelulusan IFAB.**

PB kebangsaan diminta untuk memaklumkan IFAB mengenai maklumat penggunaan modifikasi ini, peringkat penggunaan dan terutama alasan mengapa pengubahsuaian sedang digunakan, dapat memberi idea/strategi pembangunan yang mana IFAB boleh berkongsi untuk membantu perkembangan bola sepak di negara-negara lain

IFAB juga sangat berminat untuk mendapatkan maklum balas modifikasi yang berpotensi terhadap Undang-Undang Permainan yang mampu menggalakkan penyertaan, menjadikan bola sepak sukan yang menarik dan berkembang pesat di seluruh pelosok dunia

Panduan penyingkiran sementara (sin bins)

AGM IFAB ke-131 di London pada 3 Mac 2017 telah meluluskan pelaksanaan penyingkiran sementara (sin bins) bagi semua atau beberapa kesalahan amaran/kad kuning (YCs) bagi peringkat remaja, veteran, kurang upaya serta peringkat akar umbi, tertakluk kepada kelulusan JK Pertandingan PB kebangsaan, konfederasi atau FIFA, yang mana berkenaan.

Rujukan bagi penyingkiran sementara terkandung di dalam:

Undang-undang 5 – Pengadil (Kuasa dan Tugas):

Tindakan Disiplin

Pengadil berkuasa menunjukkan kad kuning atau merah dan, di mana peraturan pertandingan membenarkan, menyingkir sementara pemain dari memasuki padang pada permulaan permainan sehingga perlawanan tamat, termasuklah pada rehat separuh masa, masa tambahan dan semasa sepakan dari tanda penalti.

Penyingkiran sementara adalah apabila pemain melakukan kesalahan amaran (YC) dan serta-merta digantung bermain sementara hingga ke fasa permainan seterusnya. Falsafah di sebalik 'hukuman serta-merta' ialah ianya memberi kesan signifikan dan impak positif semerta pada perilaku pemain yang bersalah dan berpotensi juga untuk pemain-pemain sepasukannya.

PB kebangsaan, konfederasi atau FIFA perlu meluluskan (penerbitan di dalam peraturan pertandingan) berkaitan penyingkiran sementara berdasarkan garis panduan berikut

Pemain sahaja

- Penyingkiran sementara terpakai untuk semua pemain (termasuk penjaga gol) tetapi bukan kesalahan amaran (YC) oleh pengganti atau pemain yang telah digantikan

Isyarat Pengadil

- Pengadil akan memberi isyarat penyingkiran sementara dengan menunjukkan amaran (YC) berserta dengan jelas mengisyaratkan kedua-dua tangannya ke arah kawasan penyingkiran sementara (kebiasaannya kawasan teknikal)

Tempoh masa penyingkiran sementara

- Tempoh masa penyingkiran sementara, sama bagi semua kesalahan
- Tempoh penyingkiran adalah di sekitar 10–15% dari jumlah masa permainan sebenar (cth. 10 minit bagi perlawanan 90-minit; 8 minit bagi perlawanan 80-minit)
- Tempoh penyingkiran bermula setelah permainan dimulakan semula dan pemain berkenaan telah keluar dari padang permainan
- Pengadil perlu menambah tempoh penyingkiran sementara mana-mana masa yang ‘terbuang’ bagi sesuatu pemberhentian di mana ‘tambahan masa’ akan dilaksanakan di penghujung separuh masa permainan (cth. penggantian, kecederaan dll...)
- Jawatankuasa pertandingan perlu menetapkan individu yang perlu membantu pengadil mengawal tempoh masa berkenaan – ia boleh menjadi tanggungjawab seorang delegasi, pegawai ke-4 atau penolong pengadil neutral; boleh juga dari pegawai pasukan
- Setelah berakhir tempoh penyingkiran sementara tersebut, pemain berkenaan boleh memasuki padang dari garisan tepi setelah menerima isyarat pengadil, walaupun ketika bola di dalam permainan
- Pengadil berkuasa menentukan bilakah pemain berkenaan dibenarkan masuk semula ke padang permainan
- Pemain yang disingkir sementara tidak boleh digantikan sehingga tempoh berkenaan berakhir (tidak jika pasukannya telah menggunakan kesemua penggantian yang didaftarkan)
- Jika tempoh berkenaan tidak dilengkapkan kerana tamatnya separuh masa pertama (atau tamat separuh masa kedua di mana perlawanan masa tambahan akan dilaksanakan) tempoh berkenaan disambung bermula dari separuh masa kedua (permulaan masa tambahan)
- Pemain yang masih dalam tempoh penyingkiran sementara setelah permainan tamat, dibenarkan untuk turut serta dalam sepakan dari tanda penalti.

Kawasan penyingkiran sementara

- Pemain yang disingkir sementara mestilah berada di dalam kawasan teknikal (jika disediakan) atau bersama jurulatih/staf teknikal pasukannya, kecuali melakukan 'aktiviti memanaskan badan' (kondisi sama seperti pemain simpanan)

Kesalahan ketika penyingkiran sementara

- Sekiranya pemain yang disingkir sementara melakukan kesalahan amaran (YC) atau perintah keluar (RC) semasa tempoh penyingkiran sementara, tidak akan dibenarkan terlibat dalam permainan seterusnya serta tidak boleh digantikan.

Tindakan disiplin selanjutnya

- JK Pertandingan/PB kebangsaan akan memutuskan sama ada hukuman penyingkiran sementara perlu dilaporkan kepada pihak berwajib dan sama ada tindakan selanjutnya akan dilaksanakan spt. penggantungan kerana mengumpul beberapa penyingkiran sementara, seperti juga amaran (YCs)

Sistem penyingkiran sementara

Sesuatu pertandingan boleh menggunakan salah satu sistem penyingkiran sementara berikut:

- Sistem A – kesemua kesalahan amaran (YCs)
- Sistem B – bagi kesalahan amaran (YCs) tertentu, bukan kesemuanya

Sistem A – penyingkiran sementara bagi kesemua kesalahan amaran (YCs)

- Kesemua amaran (YCs) dihukum dengan penyingkiran sementara
- Pemain yang menerima amaran (YC) ke-2 dalam perlawanan yang sama:
 - akan disingkir sementara kali kedua dan tidak boleh terlibat dalam fasa permainan seterusnya
 - boleh digantikan di akhir tempoh masa penyingkiran kedua jika pasukannya belum melengkapkan bilangan maksimum penggantian (ini adalah kerana pasukan berkenaan telah 2 kali dihukum dengan penyingkiran sementara oleh pemain yang sama)

Sistem B – penyingkiran sementara bagi beberapa kesalahan amaran (YCs)*

- Senarai kesalahan amaran (YC) yang telah ditentukan akan dihukum dengan penyingkiran sementara
- Semua kesalahan amaran selain yang telah ditentukan akan dihukum dengan amaran (YC)
- Seorang pemain yang telah menjalani penyingkiran sementara dan kemudiannya menerima amaran (YC) boleh meneruskan permainan
- Seorang pemain yang menerima amaran (YC) dan seterusnya menerima penyingkiran sementara boleh bermain setelah menamatkan tempoh masa penyingkiran berkenaan
- Pemain yang menerima penyingkiran sementara kali kedua dalam perlawanan yang sama akan disingkir sementara tetapi tidak lagi boleh terlibat dalam permainan seterusnya semula. Pemain ini boleh digantikan setelah tamat tempoh masa penyingkiran kedua jika pasukannya masih belum melengkapkan bilangan maksimum penggantian tetapi pemain yang menerima amaran (YC) bukan penyingkiran sementara tidak boleh diganti atau digantikan
- Pemain yang menerima amaran kedua (YC) dalam perlawanan yang sama akan diperintah keluar (RC) dan tidak boleh meneruskan permainan dan tidak boleh diganti atau digantikan

**Sesetengah pertandingan berkemungkinan sesuai melaksanakan penyingkiran sementara bagi insiden amaran yang berkaitan dengan tindakan salah laku pemain, spt*

- *Simulasi*
- *Sengaja melambat-lambatkan permulaan semula pasukan lawan*
- *Membantah secara lisan atau melalui bahasa badan*
- *Menghalang serangan yang baik dengan cara memegang, menarik, menolak atau memegang bola*
- *Semasa sepakan penalti, penendang melakukan acakan yang tidak dibenarkan*

Garis panduan penggantian ulangan

Berdasarkan kelulusan pada AGM IFAB ke-131 di London pada 3 Mac 2017, Undang-Undang Permainan kini membenarkan pelaksanaan penggantian ulangan bagi peringkat remaja, veteran, kurang upaya dan peringkat akar umbi, tertakluk kepada kelulusan JK pertandingan PB kebangsaan, konfederasi atau FIFA, yang mana berkenaan.

Rujukan penggantian ulangan terkandung di dalam:

Undang-Undang 3 - Pemain (Bilangan penggantian):


Penggantian ulangan

- Pelaksanaan penggantian ulangan hanya dibenarkan bagi peringkat remaja, veteran, orang kurang upaya dan akar umbi, tertakluk kepada persetujuan PB kebangsaan, konfederasi atau FIFA.


Sesuatu 'penggantian ulangan' ialah seseorang pemain yang telah bermain dan telah digantikan (pemain yang telah digantikan) dan kemudiannya masuk semula bermain untuk menggantikan pemain lain.

Selain daripada pengecualian untuk seseorang pemain yang telah digantikan masuk semula untuk bermain, kesemua peruntukan di dalam Undang-Undang 3 dan Undang-Undang Permainan diaplikasikan pada penggantian ulangan. Secara khususnya, prosedur penggantian yang digariskan dalam Undang-Undang 3 mesti dipatuhi.






Undang-Undang Permainan



2021/22

Undang-Undang

1



Padang Permainan

1. Permukaan Padang Permainan

Keseluruhan padang mestilah semula jadi atau, jika peraturan pertandingan membenarkan, keseluruhan padang di mana peraturan membenarkan boleh menggunakan kombinasi bahan artifisial dan semula jadi (sistem hibrid).

Warna permukaan artifisial mestilah hijau.

Bagi padang permukaan artifisial yang digunakan untuk perlawanan peringkat pasukan yang mewakili gabungan PB kebangsaan yang bernaung di bawah FIFA atau perlawanan peringkat kelab kebangsaan, permukaan tersebut hendaklah memenuhi kehendak *FIFA Quality Programme for Football Turf* kecuali ada ketetapan khas oleh IFAB.

2. Tanda-tanda padang


Padang mestilah berbentuk segi empat tepat dan ditanda dengan garisan bersambung yang tidak berbahaya; bahan permukaan artifisial boleh digunakan pada permukaan semula jadi selagi ia tidak berbahaya. Garisan-garisan ini adalah sebahagian dari kawasan yang diliputinya sebagai sempadan.

Hanya garisan yang dinyatakan di dalam Undang-Undang 1 sahaja boleh ditandakan pada padang permainan. Bagi padang artifisial, garisan-garisan lain boleh ditanda, dengan syarat garisan padang permainan bola sepak mestilah berbeza dan jelas.

Dua garisan sempadan yang panjang adalah garisan tepi. Dua garisan yang pendek adalah garisan gol.

Padang permainan dibahagikan kepada dua bahagian oleh garisan tengah yang bersambung di pertengahan di antara dua garisan tepi.

Pusat padang hendaklah ditanda di pertengahan garisan tengah. Satu bulatan berjari 9.15 m (10 ela) ditanda mengelilinginya.



- Ukuran adalah dari bahagian luar garisan kerana garisan berkenaan adalah sebahagian dari kawasan yang liputinya.
- Tanda penalti diukur dari pusat tanda berkenaan hingga ke bahagian belakang garisan gol.

Tanda-tanda boleh di buat di luar padang permainan, 9.15 m (10 ela) dari lengkok penjuru dan bersudut tepat dengan garisan gol dan garisan tepi.

Semua garisan mestilah sama lebar, tidak melebihi 12 sm (5 in). Garisan gol mestilah sama lebar dengan lebar tiang gol dan palang gol.

Pemain yang membuat tanda yang tidak dibenarkan mestilah dihukum dengan amaran kerana tidak bersemangat sukan. Jika tindakannya itu disedari oleh pengadil semasa permainan, pemain tersebut dihukum dengan amaran ketika bola di luar permainan

3. Dimensi

Garisn tepi mestilah lebih panjang dari garisan gol.

- | | |
|---------------------------|--------------------------|
| • Panjang (garisan tepi): | • Panjang (garisan gol): |
| minimum 90 m (100 ela) | minimum 45 m (50 ela) |
| maksimum 120 m (130 ela) | maksimum 90 m (100 ela) |

Peraturan pertandingan boleh menetapkan panjang garisan gol dan garisan tepi berdasarkan dimensi di atas.

4. Dimensi bagi perlawanan antarabangsa

- | | |
|---------------------------|--------------------------|
| • Panjang (garisan tepi): | • Panjang (garisan gol): |
| minimum 100 m (110 ela) | minimum 64 m (70 ela) |
| maksimum 110 m (120 ela) | maksimum 75 m (80 ela) |

Peraturan pertandingan boleh menetapkan panjang garisan gol dan garisan tepi berdasarkan dimensi di atas.

5. Kawasan gol

Dua garisan ditanda bersudut tepat dengan garisan gol, 5.5 m (6 ela) dari bahagian dalam tiang-tiang gol. Garisan ini diunjurkan ke dalam padang permainan sejauh 5.5 m (6 ela) dan disambung dengan satu garisan selari dengan garisan gol. Kawasan yang dilingkungi oleh garisan ini dinamakan kawasan gol.

6. Kawasan penalti


Dua garisan di tanda bersudut tepat dengan garisan gol, 16.5 m (18 ela) dari bahagian dalam tiang-tiang gol. Garisan ini mengunjur ke dalam padang permainan sejauh 16.5 m (18 ela) dan disambungkan dengan satu garisan selari dengan garisan gol. Kawasan yang dilingkungi oleh garisan ini dinamakan kawasan penalti.

Di dalam setiap kawasan penalti, satu tanda penalti dibuat 11 m (12 ela) dari pertengahan garisan gol di antara tiang-tiang gol.

Suatu lengkok berjejari 9.15m (10 ela) dibuat dari setiap pusat tanda penalti di luar kawasan penalti.

7. Kawasan penjuru

Satu suku bulatan berjejari 1m (1 ela) dari setiap tiang bendera penjuru ditandakan di dalam padang permainan.



8. Tiang bendera

Tiang bendera dengan ketinggian sekurang-kurangnya 1.5 m (5 ka), dengan hujung yang tidak tajam serta dipasangkan bendera mesti ditempatkan di setiap penjuru.

Tiang bendera boleh juga ditempatkan di setiap penghujung garisan tengah, tidak kurang 1 m (1 ela) di luar garisan tepi.

9. Kawasan teknikal

Kawasan teknikal berhubung kait dengan perlawanan yang dijalankan di sesebuah stadium dengan rekaan kawasan tempat duduk bagi pegawai pasukan dan pemain simpanan seperti panduan berikut:

- kawasan teknikal ditanda dengan garisan 1 m (1 ela) di kedua-dua bahagian sisi tempat duduk dan mengunjur sehingga 1 m (1 ela) di luar garisan tepi
- tanda perlu dibuat untuk menjelaskan kawasan tersebut
- bilangan individu yang dibenarkan berada di kawasan ini tertakluk kepada peraturan pertandingan
- penghuni kawasan teknikal:
 - dikenal pasti sebelum permulaan permainan berdasarkan peraturan pertandingan
 - mesti berkelakuan sopan
 - sentiasa berada di kawasan ini kecuali bagi keadaan tertentu, spt. seorang fisioterapi/doktor memasuki padang permainan dengan kebenaran pengadil untuk mengurus kecederaan pemain
- hanya seorang sahaja pada sesuatu masa dibenarkan memberi arahan taktikal dari kawasan teknikal ini

10. Gol

Tiang-tiang gol hendaklah diletakkan di pertengahan setiap garisan gol. Gol terbentuk dari dua tiang tegak yang sama jaraknya dari tiang bendera penjuru dan bahagian atasnya dicantum dengan palang melintang. Tiang-tiang gol dan palang gol mestilah diperbuat daripada bahan yang diluluskan dan tidak berbahaya. Tiang dan palang kedua-dua gol mesti sama bentuk iaitu sama ada berbentuk segi empat sama, segi empat tepat, bulat, bujur atau gabungan.

Adalah disarankan kesemua gol yang digunakan dalam perlawanan rasmi di bawah kelolaan FIFA atau konfederasinya mencapai keperluan *FIFA Quality Programme for Football Goals*.

Jarak di antara bahagian dalam tiang-tiang ialah 7.32 m (8 ela) dan jarak dari bahagian bawah palang gol ke tanah ialah 2.44 m (8 ka).

Kedudukan tiang gol pada garisan gol mestilah sejajar seperti pada infografik.

Tiang-tiang gol dan palang gol mesti berwarna putih dan mempunyai lebar dan ketebalan yang sama, iaitu tidak melebihi 12 sm (5 in).

Jika palang gol perlu diganti atau rosak, permainan hendaklah dihentikan sehingga ianya diganti atau diperbaiki. Permainan dimulakan semula dengan jatuhan bola. Sekiranya ia tidak boleh dibaiki, perlawanan mesti ditangguhkan. Penggunaan tali atau bahan fleksibel atau bahan berbahaya tidak boleh dijadikan bahan ganti palang gol.

Jaring boleh dipasang kepada gol dan bahagian tanah di belakang gol; ianya mesti disokong dengan kukuh dan tidak mengganggu penjaga gol.


Keselamatan

Gol-gol (termasuk gol mudah alih) mestilah dipasang dengan kukuh pada tanah.

11. Teknologi garisan gol (*Goal line technology - GLT*)

Sistem GLT boleh diguna pakai untuk mengesan sama ada gol telah dijaringkan bagi menyokong keputusan pengadil.

Penggunaannya mesti dinyatakan dalam peraturan pertandingan



Kedudukan gol berkaitan dengan garisan gol mestilah sesuai dengan grafik di bawah.



Prinsip GLT

Pengaplikasian GLT hanya ke atas garisan gol dan fungsinya hanya untuk menentukan sama ada gol telah dijaringkan.

Indikasi sama ada gol telah dijaringkan perlu segera dan disahkan secara automatik dalam tempoh satu saat oleh sistem GLT hanya kepada pegawai perlawanan (melalui jam tangan pengadil, isyarat getaran dan isyarat visual); ia juga boleh dihantar ke video operation room (VOR).

Keperluan dan spesifikasi GLT

Jika GLT digunakan dalam sesuatu pertandingan, JK pertandingan perlu memastikan sistem berkenaan (termasuk kebenaran modifikasi ke atas bingkai gol atau teknologi pada bola) mencapai piawaian *FIFA Quality Programme for GLT*.

Di mana GLT digunakan, pengadil perlu menguji kefungsi sistem teknologi sebelum perlawanan seperti yang termaktub dalam Manual Ujian. Jika teknologi berkenaan tidak berfungsi selaras dengan Manual Ujian, pengadil ditekag menggunakan sistem GLT dan mesti melaporkannya kepada pihak yang berkuasa.

12. Iklan komersial

Tiada sebarang bentuk iklan komersial, sama ada secara nyata atau maya dibenarkan di atas padang permainan, di kawasan dalam lingkungan jaringan gol atau di kawasan teknikal atau *referee review area (RRA)*, juga dalam jarak 1 m (1 ela) dari garisan tepi dari masa pasukan mula masuk ke padang permainan sehingga mereka keluar darinya pada separuh masa dan dari ketika pasukan memasuki semula padang permainan sehingga tamat perlawanan. Iklan juga tidak dibenarkan pada gol, jaring, tiang bendera atau benderanya dan tiada sebarang peralatan tambahan (kamera, mikrofon, dsb.) dipasang kepada item-item tersebut.

Sebagai tambahan, iklan hendaklah sekurang-kurangnya:

- 1 m (1 ela) dari garisan tepi padang permainan
- sama jarak dengan kedalaman jaring gol dari garisan gol
- 1 m (1 ela) dari jaring gol

13. Logo dan lambang

Penghasilan logo atau lambang FIFA, konfederasi, ahli-ahli persatuan gabungan, pertandingan, klub atau badan-badan lain, sama ada secara nyata atau maya adalah tidak dibenarkan di padang permainan, jaring-jaring gol serta kawasan lingkungannya, tiang-tiang gol, serta tiang bendera semasa permainan. Namun ia dibenarkan pada bendera di atas tiang bendera.

14. *Video assistant referees (VARs)*

Perlawanan yang menggunakan VARs, mesti mempunyai *video operation room (VOR)* dan sekurang-kurangnya satu *referee review area (RRA)*.

Video operation room (VOR)

VOR adalah tempat di mana VAR, *assistant VAR (AVAR)* dan *replay operator (RO)* melaksanakan tugas; sama ada di dalam/berhampiran dengan stadium atau pada lokasi lain. Hanya individu yang diberi kuasa dibenarkan memasuki VOR atau berkomunikasi dengan VAR, AVAR dan RO ketika permainan berlangsung.


Seseorang pemain, pengganti, pemain yang telah digantikan atau pegawai pasukan yang menceroboh VOR akan diperintah keluar.

Referee review area (RRA)

Perlawanan yang menggunakan VAR, sekurang-kurangnya disediakan satu RRA bagi pengadil membuat '*on-field review*' (*OFR*). RRA ini mestilah:

- terletak di lokasi yang boleh dilihat di luar padang permainan
- ditanda dengan sempadan yang jelas

Pemain, pengganti, pemain yang telah diganti atau pegawai pasukan yang menceroboh RRA akan diberi amaran.



Undang-Undang

2

Bola

1. Kualiti dan ukuran

Semua bola mestilah:

- berbentuk sfera
- diperbuat daripada bahan yang sesuai
- lilitannya di antara 68 sm (27 in) dan 70 sm (28 in)
- beratnya di antara 410 g (14 oz) dan 450 g (16 oz) pada permulaan permainan
- tekanan udara bersamaan 0.6 –1.1 atmosfera (600 –1,100 g/cm²) pada paras laut (8.5 lbs/sq in–15.6 lbs/sq in)

Semua bola yang digunakan di dalam pertandingan rasmi di bawah naungan FIFA atau konfederasi mesti memenuhi piawaian dan mempunyai salah satu tandaan *FIFA Quality Programme for Football*.

Setiap tanda berkenaan menunjukkan bahawa bola tersebut telah diuji dan memenuhi keperluan spesifikasi teknikal yang juga tambahan kepada spesifikasi minima di dalam Undang-Undang 2 dan mestilah diluluskan oleh IFAB.

PB kebangsaan berhak memohon penggunaan bola yang menggunakan salah satu tandaan berkenaan.

Bagi perlawanan dalam pertandingan rasmi di bawah naungan FIFA, konfederasi atau PB kebangsaan, adalah ditegah mempamerkan sebarang bentuk iklan komersial pada bola, kecuali simbol/logo pertandingan, pengelola pertandingan dan logo rasmi tanda dagangan. Peraturan pertandingan boleh menghadkan saiz dan bilangan simbol-simbol berkenaan.

2. Penggantian bola yang rosak

Jika bola menjadi rosak/pecah:

- permainan dihentikan dan
- permulaan semula dengan jatuhan bola

Jika bola rosak semasa melaksanakan sepak mula, sepak gol, sepak penjuru, sepak percuma, sepak penalti atau lontaran ke dalam, permulaan semula berkenaan dibuat semula.


Jika bola rosak ketika melaksanakan sepak penalti atau sepak dari tanda penalti, dan bola telah bergerak ke hadapan dan sebelum ia menyentuh seorang pemain, palang gol atau tiang gol, sepak tersebut dibuat semula.

Bola tidak boleh diganti dalam masa permainan tanpa kebenaran pengadil.

3. Bola tambahan

Semua bola tambahan yang memenuhi Undang-Undang 2 boleh diletakkan di persekitaran padang permainan dan kegunaannya di bawah seliaan pengadil.





Undang-Undang

3

Pemain-Pemain

1. Bilangan pemain

Suatu perlawanan dimainkan oleh dua pasukan, setiap pasukan terdiri daripada maksimum sebelas orang pemain; salah seorang mestilah sebagai penjaga gol. Suatu perlawanan tidak boleh dimulakan atau diteruskan jika salah satu pasukan mempunyai kurang daripada tujuh orang pemain.

Jika sesebuah pasukan mempunyai kurang daripada tujuh pemain kerana seorang atau lebih pemainnya sengaja meninggalkan padang permainan, pengadil tidak perlu menghentikan permainan jika advantej boleh dilaksanakan, namun perlawanan tidak boleh diteruskan setelah bola di luar permainan jika sesebuah pasukan tidak mempunyai bilangan minimum tujuh pemain.

Jika peraturan pertandingan menyatakan bahawa semua pemain dan pengganti mesti disenaraikan sebelum sepak mula, dan satu pasukan memulakan perlawanan dengan kurang sebelas pemain, hanya pemain dan pengganti yang disenaraikan dalam senarai mula boleh melengkapkan bilangan pemain setelah mereka tiba.

2. Bilangan penggantian

Pertandingan rasmi

Bilangan penggantian sehingga maksimum lima orang, boleh diguna dalam mana-mana perlawanan rasmi yang akan diputuskan oleh FIFA, konfederasi, PB kebangsaan kecuali perlawanan yang melibatkan pasukan utama kelab lelaki dan wanita dalam divisyen tertinggi atau pasukan kebangsaan senior 'A', di mana bilangan maksimum penggantian ialah tiga.

Peraturan pertandingan mesti menyatakan:

- berapakah jumlah pemain simpanan yang boleh dinamakan, dari tiga hingga maksimum dua belas pemain
- sama ada satu penggantian tambahan boleh digunakan apabila perlawanan dilanjutkan ke masa tambahan (sama ada pasukan sudah atau belum menggunakan sepenuhnya bilangan penggantian yang dibenarkan)

Lain-lain perlawanan

Bagi perlawanan pasukan kebangsaan 'A', maksimum dua belas pengganti boleh dinamakan di mana enam penggantian boleh digunakan.

Bagi perlawanan lain, jumlah bilangan penggantian lebih besar boleh digunakan dengan syarat:

- kedua-dua pasukan bersetuju dengan jumlah bilangan maksimum
- pengadil dimaklumkan sebelum perlawanan

Jika pengadil tidak dimaklumkan, atau tiada persetujuan dicapai sebelum perlawanan bermula, setiap pasukan dibenarkan menggunakan sehingga maksimum enam penggantian.

Penggantian ulangan

Pelaksanaan penggantian ulangan hanya dibenarkan bagi kategori remaja, veteran, orang kurang upaya dan akar umbi, tertakluk pada persetujuan PB kebangsaan, konfederasi atau FIFA.

3. Prosedur penggantian

Senarai nama pemain pengganti mesti diserahkan kepada pengadil sebelum permulaan perlawanan. Mana-mana pemain pengganti yang tidak dinamakan tidak boleh mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Bagi menggantikan pemain dengan pemain pengganti, butiran berikut perlu diberi perhatian:

- pengadil mesti dimaklumkan sebelum sesuatu penggantian dilakukan
- pemain yang akan diganti:
 - mendapat kebenaran pengadil untuk meninggalkan padang permainan, kecuali dia sudah berada di luar padang, dan mesti keluar di garisan sempadan terhampir kecuali pengadil mengisyratkannya keluar dengan segera di garisan tengah atau di bahagian lain (cth. faktor keselamatan/kawalan atau kecederaan)
 - mesti segera ke kawasan teknikal atau bilik persalinan dan tidak terlibat seterusnya dalam perlawanan, kecuali penggantian ulangan dibenarkan
- jika pemain yang akan digantikan enggan keluar, permainan diteruskan

Pengganti hanya masuk:

- ketika bola di luar permainan
- melalui garisan tengah
- setelah pemain yang akan digantikan keluar
- setelah menerima isyarat pengadil

Penggantian sempurna apabila pengganti memasuki padang permainan; bermula dari situ, pemain yang telah digantikan menjadi pemain yang diganti dan pengganti menjadi pemain dan boleh melakukan sebarang permulaan semula.

Semua pemain yang diganti dan pengganti adalah tertakluk kepada kuasa pengadil sama ada boleh bermain atau tidak.

4. Pertukaran penjaga gol

Semua pemain boleh bertukar posisi dengan penjaga gol jika:

- pengadil dimaklumkan sebelum pertukaran tersebut
- pertukaran dilakukan ketika bola di luar permainan

5. Pelanggaran dan hukuman

Jika pengganti yang dinamakan memulakan permainan yang sepatutnya oleh pemain yang dinamakan dan pengadil tidak dimaklumkan tentang pindaan ini:

- pengadil membenarkan pengganti yang dinamakan meneruskan permainan
- tiada tindakan disiplin terhadap pengganti yang dinamakan
- pemain yang dinamakan boleh menjadi pengganti yang dinamakan
- tiada pengurangan pada bilangan penggantian
- pengadil melaporkan insiden kepada pihak berkuasa

Jika penggantian dilakukan pada rehat separuh masa atau sebelum permulaan masa tambahan, prosedur penggantian mesti dilakukan sebelum permulaan semula perlawanan. Jika pengadil tidak dimaklumkan, pengganti yang dinamakan boleh meneruskan permainan, tiada tindakan disiplin diambil dan perkara tersebut dilaporkan kepada pihak berkuasa.

Jika pemain bertukar dengan penjaga gol tanpa kebenaran pengadil, pengadil hendaklah

- meneruskan permainan
- amaran kepada kedua-dua pemain ketika bola di luar permainan tetapi tiada tindakan jika ianya dilakukan ketika separuh masa (termasuk masa tambahan) atau tempoh di antara tamat masa penuh dengan permulaan masa tambahan dan/atau sepakan dari tanda penalti

Bagi kesalahan-kesalahan lain:

- pemain-pemain diberi amaran
- permainan dimulakan semula dengan sepakan percuma tidak terus dari tempat di mana bola berada ketika permainan dihentikan

6. Perintah keluar pemain dan pengganti

Pemain yang diperintah keluar:

- sebelum penyerahan senarai pasukan; tidak boleh dinamakan pada senarai pasukan dalam apa jua kapasiti
- selepas dinamakan pada senarai pasukan dan sebelum sepak mula boleh digantikan dengan pengganti yang dinamakan, yang tidak boleh lagi diganti; bilangan penggantian tidak berkurang
- selepas sepak mula tidak boleh diganti

Pengganti yang dinamakan yang diperintah keluar sebelum atau selepas sepak mula tidak boleh diganti.

7. Individu tambahan di dalam padang permainan

Jurulatih dan pegawai-pegawai lain yang dinamakan dalam senarai pasukan (kecuali pemain dan pengganti) adalah pegawai pasukan. Individu lain yang tidak dinamakan dalam senarai pasukan sebagai pemain, pengganti atau pegawai pasukan adalah anasir luar.

Jika pegawai pasukan, pengganti, pemain yang diganti, pemain yang diperintah keluar atau anasir luar memasuki padang permainan, pengadil mestilah:

- hanya hentikan permainan jika ianya mengganggu permainan
- pastikan individu tersebut keluar ketika bola di luar permainan
- ambil tindakan disiplin yang sewajarnya

Jika permainan terhenti dan gangguan dilakukan oleh:

- pegawai pasukan, pengganti, pemain yang diganti atau pemain yang diperintah keluar, permainan dimulakan semula dengan sepakan percuma terus atau sepakan penalti
- anasir luar, permainan dimulakan semula dengan jatuhan bola

Jika bola sedang menuju ke dalam gol dan gangguan yang berlaku tidak menghalang pemain pertahanan untuk memainkan bola, gol dibenarkan jika ia memasuki gol (walaupun berlaku sentuhan ke atas bola) kecuali gangguan dilakukan oleh pasukan penyerang.

8. Pemain di luar padang permainan

Jika pemain memerlukan kebenaran pengadil untuk masuk semula tetapi memasuki semula tanpa kebenaran pengadil, pengadil hendaklah:

- hentikan permainan (tidak serta-merta jika ia tidak mengganggu permainan atau pegawai perlawanan atau jika advantej boleh dilaksanakan)
- amaran kepada pemain tersebut kerana masuk semula tanpa kebenaran

Jika permainan dihentikan oleh pengadil, permainan dimulakan semula:

- sepakan percuma terus di tempat gangguan
- sepakan percuma tidak terus di mana bola berada ketika permainan dihentikan jika tiada gangguan

Pemain yang keluar dari sempadan permainan atas sebab pergerakan permainan dianggap tidak melakukan sebarang kesalahan.

9. Gol terhasil dengan individu tambahan di padang permainan

Jika, setelah gol dijaringkan, pengadil menyedari, sebelum permulaan semula permainan, terdapat individu tambahan di padang permainan semasa gol dijaringkan:

- pengadil mesti membatalkan gol itu jika individu tambahan adalah:
 - pemain, pengganti, pemain yang diganti, pemain yang diperintah keluar atau pegawai pasukan yang pasukannya menjaringkan gol; permainan dimulakan semula dengan sepakan percuma terus dari posisi individu tambahan itu
 - anasir luar yang mengganggu permainan kecuali gol terhasil seperti panduan yang digariskan pada 'individu tambahan di padang permainan'; permainan dimulakan dengan jatuhan bola
- pengadil mesti membenarkan gol jika individu tambahan adalah:
 - pemain, pengganti, pemain yang diganti, pemain yang diperintah keluar atau pegawai pasukan yang kena gol
 - anasir luar yang tidak mengganggu permainan

Dalam semua keadaan, pengadil mesti memastikan individu tambahan berkenaan dikeluarkan dari padang permainan.

Jika, setelah gol dijaringkan, dan permainan telah dimulakan semula, pengadil menyedari ada individu tambahan semasa gol dijaringkan, gol tersebut tidak boleh dibatalkan. Jika individu tambahan berkenaan masih di dalam padang, pengadil mestilah:

- hentikan permainan
- keluarkan individu tambahan tersebut
- mulakan dengan jatuhan bola atau sepakan percuma mengikut keadaan

Pengadil mesti melaporkan insiden berkenaan kepada pihak berkuasa.


10. Ketua pasukan

Ketua pasukan tidak mempunyai status khas atau keistimewaan tetapi mempunyai tanggungjawab ke atas tingkah laku pasukannya



Undang-Undang

4



Peralatan Pemain

1. Keselamatan

Seseorang pemain ditegah menggunakan atau memakai alatan yang berbahaya.

Kesemua barang kemas (rantai, cincin, gelang, anting-anting, gelang kulit, gelang getah, dll.) adalah dilarang dan perlu ditanggalkan. Penggunaan pita untuk menutup barang kemas adalah ditegah

Pemeriksaan ke atas pemain mesti dilakukan sebelum permulaan perlawanan manakala pengganti sebelum mereka masuk ke padang permainan. Jika seseorang pemain memakai atau menggunakan peralatan yang dilarang/berbahaya atau barang kemas, pengadil mesti mengarahkan mereka:

- menanggalkan item berkenaan
- meninggalkan padang permainan ketika pemberhentian permainan seterusnya jika masih ingkar untuk patuh

Pemain yang ingkar atau memakai item berkenaan semula mesti diberi amaran

2. Peralatan wajib

Peralatan wajib seseorang pemain merangkumi item-item berikut:

- baju berlengan
- seluar pendek
- stoking – aplikasi pita atau bahan atau sesuatu yang dipakai di luar mesti sama warna dengan stoking atau yang menutupinya
- *shinguards* – mesti diperbuat dari bahan yang sesuai sebagai pelindung dan dilitupi stoking
- alas kaki

Penjaga gol boleh memakai seluar sut balapan (*tracksuit bottoms*).

Jika pemain secara tidak sengaja tertanggal alas kaki atau *shinguard*, hendaklah serta-merta memakainya semula dan tanpa menunggu bola di luar permainan seterusnya; jika sebelum memperbetulkan peralatan berkenaan pemain memainkan bola dan/atau menjaringkan gol, gol dikira.

3. Warna

- Kedua-dua pasukan mesti memakai warna yang membezakan pasukan mereka dan pegawai perlawanan
- Setiap penjaga gol hendaklah memakai warna yang membezakan dirinya dari pemain-pemain lain dan pegawai perlawanan
- Jika baju kedua-dua penjaga gol sama warna dan kedua-duanya tiada pilihan baju lain, pengadil membenarkan perlawanan dimainkan

Baju lapisan bawah (*undershirts*) mestilah:

- satu warna yang sama warna dengan warna utama lengan baju,

atau

- corak/warna yang mereplikakan lengan baju

Seluar lapisan bawah/seluar ketat (*undershorts/tights*) mestilah sama warna dengan warna asas seluar atau bahagian bawah seluar – semua pemain sepasukan mesti memakai warna yang sama

4. Peralatan lain

Peralatan pelindung yang tidak berbahaya, seperti pelapik kepala, pelindung muka dan lutut atau pelindung lengan daripada bahan lembut, bahan ringan adalah dibenarkan termasuklah penjaga gol yang memakai topi dan kaca mata sukan.

Penutup kepala

Di mana penutup kepala (kecuali topi penjaga gol) digunakan, ianya mestilah:

- berwarna hitam atau sama warna dengan warna utama baju (tertakluk pemain sepasukan memakai warna yang sama)
- penggunaan peralatan menampilkan nilai profesional pemain
- tidak dilekatkan pada baju
- tidak berbahaya kepada pemakai atau pemain lain (cth. mekanisma pembuka/penutup di bahagian leher)

- tiada bahagian yang disambung terkeluar dari permukaannya (menonjol)

Komunikasi elektronik

Pemain (termasuk pengganti/pemain yang diganti dan pemain yang diperintah keluar) dilarang menggunakan sebarang peranti elektronik atau alatan komunikasi (kecuali sekiranya penggunaan EPTS dibenarkan). Penggunaan sebarang bentuk komunikasi elektronik oleh pegawai pasukan adalah dibenarkan hanya bagi tujuan kebajikan atau keselamatan atau untuk taktikal/bimbingan tetapi yang bersaiz kecil, mudah alih, mudah dipegang (cth. mikrofon, fon kepala, alat pendengaran, telefon bimbit/telefon pintar, jam pintar, tablet, komputer riba). Mana-mana pegawai pasukan yang menggunakan peralatan yang ditegah atau bertindak keterlaluan hasil impak penggunaan alatan elektronik atau komunikasi berkenaan akan diperintah keluar.

Sistem Pengesan Prestasi Elektronik (*Electronic performance and tracking systems - EPTS*)

Jika peranti teknologi – boleh pakai (*wearable technology* : WT) adalah sebahagian dari EPTS digunakan dalam perlawanan rasmi anjuran di bawah naungan FIFA, konfederasi atau PB kebangsaan, pengelola pertandingan mesti memastikan peranti yang dipasang kepada alatan pemain adalah selamat dan memenuhi piawai pemakaian EPTS di bawah *FIFA Quality Programme for EPTS*.

Di mana EPTS dibekalkan oleh pengelola pertandingan, adalah menjadi tanggungjawab pengelola untuk memastikan segala informasi dan data yang dipindahkan dari EPTS ke kawasan teknikal semasa permainan dalam perlawanan rasmi adalah boleh dipercayai dan tepat.

The FIFA Quality Programme for EPTS menyokong usaha pengelola dalam penyediaan alatan EPTS mengikut kelulusan yang sah, tepat dan boleh dipercayai.

5. Slogan, kenyataan, imej dan iklan

Peralatan tidak boleh mengandungi unsur-unsur politik, keagamaan atau slogan peribadi, kenyataan atau imej. Pemain dilarang menunjukkan baju lapisan bawahnya yang berunsur politik, keagamaan, slogan peribadi, kenyataan atau imej, atau unsur iklan yang berbeza dari logo pembekalnya Bagi sebarang kesalahan berkenaan, pemain dan/atau pasukan akan diambil tindakan oleh pengelola pertandingan, PB kebangsaan atau FIFA.

Prinsip

- Undang-Undang 4 terpakai bagi semua peralatan (termasuk pakaian) yang dipakai oleh pemain, pengganti, pemain yang diganti; secara prinsip ia terpakai bagi kesemua pegawai pasukan di dalam kawasan teknikal.
- Perkara-perkara berikut pada kebiasaannya dibenarkan:
 - nombor pemain, nama, logo pasukan, slogan/lambang inisiatif mempromosi permainan bola sepak, penghormatan dan intergriti yang diluluskan oleh peraturan pertandingan atau PB kebangsaan, konfederasi atau peraturan FIFA
 - fakta-fakta perlawanan: pasukan, tarikh, pertandingan/kejuaraan, tempat
- Slogan, kenyataan atau imej yang diluluskan hendaklah dalam lingkungan bahagian hadapan baju atau lilitan lengan (*armband*)
- Bagi situasi tertentu, slogan, kenyataan atau imej hanya terpamer pada lilitan lengan ketua pasukan sahaja

Tafsiran undang-undang

Apabila mentafsir slogan, kenyataan atau imej yang boleh dibenarkan, haruslah merujuk kepada Undang-Undang 12 (Kesalahan dan Kelakuan Tidak Sopan), yang memerlukan pengadil bertindak terhadap pemain yang melakukan kesalahan:

- menggunakan bahasa dan/atau kelakuan yang menyinggung, menghina atau kesat
- perlakuan berunsur provokatif, mengejek atau mengapi-apikan

Mana-mana slogan, kenyataan atau imej seperti dalam kandungan berkenaan adalah dilarang.

Aspek yang berunsur 'keagamaan' atau 'peribadi' agak mudah untuk ditakrifkan, unsur 'politik' agak kurang jelas tetapi slogan, kenyataan atau imej yang berkaitan dengan kandungan berikut adalah ditegah

- berkaitan individu, sama ada masih hidup atau mati (melainkan ianya sebahagian dari nama pertandingan)
- berkaitan tempat, kawasan, negara atau parti politik kebangsaan atau antarabangsa/organisasi/kumpulan dsb

- berkaitan tempat, kawasan atau kerajaan sesebuah negara, atau yang berhubung kait dengan jabatan, pejabat atau fungsinya
- berkaitan dengan organisasi yang berdiskriminasi
- berkaitan dengan organisasi yang bermatlamat/bertindak menyinggung perasaan orang kenamaan
- berkaitan dengan aktiviti/program politik

Apabila ada acara sambutan/perayaan yang ada signifikansi dengan sesebuah negara atau antarabangsa, isu sensitiviti pasukan lawan (termasuk penyokongnya) dan orang ramai perlu diberi pertimbangan sewajarnya

Peraturan pertandingan boleh menghadkan/limitasi, berhubung dengan saiz, bilangan serta kedudukan slogan, kenyataan dan imej. Adalah dinasihatkan segala pertikaian tentang slogan, kenyataan dan imej diselesaikan sebelum perlawanan/pertandingan dimulakan.

6. Pelanggaran dan hukuman


Bagi sebarang kesalahan, permainan tidak dihentikan, dan pemain:

- diarah oleh pengadil meninggalkan padang untuk membetulkan peralatan
- keluar semasa permainan dihentikan, kecuali peralatan tersebut telah dibetulkan

Pemain yang meninggalkan padang kerana membetulkan atau menukar peralatan mestilah:

- peralatannya diperiksa oleh pegawai perlawanan sebelum dibenarkan masuk semula
- hanya masuk semula dengan kebenaran pengadil (boleh dibenarkan masuk semasa bola dalam permainan)

Pemain yang masuk semula tanpa kebenaran mesti diberi amaran dan jika permainan dihentikan untuk memberi amaran, satu sepakan percuma tidak terus diberikan kepada pihak lawan di posisi bola berada ketika permainan dihentikan, kecuali berlaku gangguan di mana sepakan percuma terus (atau sepakan penalti) diberikan di posisi gangguan tersebut berlaku.



Undang-Undang

5

Pengadil

1. Autoriti pengadil

Setiap perlawanan dikawal selia oleh pengadil yang mempunyai autoriti penuh untuk menguatkuasakan Undang-Undang Permainan berkaitan perlawanan.

2. Keputusan oleh pengadil

Pengadil akan melakukan keputusan yang sehabis baik berdasarkan Undang-Undang Permainan dan 'semangat permainan' dan berpandukan pendapat serta pertimbangannya dalam membuat keputusan yang berlandaskan kerangka Undang-Undang Permainan.

Keputusan pengadil berkaitan fakta berhubung permainan, termasuk sama ada gol telah dijaringkan atau tidak serta keputusan perlawanan, adalah muktamad. Keputusan pengadil dan lain-lain pegawai perlawanan, mesti sentiasa dihormati.

Pengadil tidak boleh mengubah keputusan walaupun menyedari kesilapannya atau atas nasihat lain-lain pegawai perlawanan jika permainan telah dimulakan semula atau pengadil telah mengisyaratkan separuh masa pertama atau kedua tamat (termasuk di masa tambahan) dan telah meninggalkan padang permainan atau menangguhkan perlawanan. Bagaimanapun, jika ketika tamat separuh masa permainan, pengadil keluar dari padang permainan ke *referee review area* (RRA) atau mengarahkan pemain untuk masuk semula ke padang permainan, ini tidak menghalang untuknya mengubah keputusan bagi insiden yang berlaku sebelum bahagian permainan berkenaan tamat.

Kecuali seperti digariskan dalam Undang-Undang 12.3 dan protokol VAR, tindakan disiplin boleh dilaksanakan setelah permainan dimulakan semula jika mana-mana pegawai perlawanan dapat mengesannya dan cuba berkomunikasi berkaitan salah laku kepada pengadil sebelum permainan dimulakan semula; permulaan semula yang berkaitan dengan kesalahan tidak diaplikasikan. Jika pengadil tidak berupaya menjalankan tugasnya, permainan boleh diteruskan dengan pemerhatian lain-lain pegawai perlawanan sehingga bola di luar permainan.

3. Kuasa dan tugas

Pengadil:

- menguatkuasakan Undang-Undang Permainan
- mengawal permainan dengan kerjasama lain-lain pegawai perlawanan
- bertindak selaku penjaga masa, menyimpan rekod dan menyediakan laporan perlawanan termasuk informasi berkaitan tindakan disiplin dan lain-lain insiden yang berlaku sebelum, semasa atau selepas perlawanan kepada pihak berkuasa
- menyelia dan/atau mengendalikan permulaan semula permainan

Advantej

- meneruskan permainan apabila ada berlaku kesalahan dan pasukan yang tidak bersalah memperoleh keuntungan dan hukum pasukan bersalah jika advantej tersebut tidak berhasil secara serta-merta atau dalam tempoh beberapa saat

Tindakan disiplin

- hukum kesalahan yang lebih serius, berdasarkan terma hukuman, permulaan semula, tahap fizikal dan impak taktikal, apabila lebih dari satu kesalahan berlaku serentak
- mengambil tindakan disiplin ke atas pemain yang melakukan kesalahan amaran dan kesalahan perintah keluar
- mempunyai kuasa mengambil tindakan disiplin bermula dari memasuki padang permainan untuk pemeriksaan pra-perlawanan sehingga meninggalkan padang permainan setelah tamat perlawanan (termasuk sepakan dari tanda penalti). Jika, sebelum memasuki padang pada permulaan perlawanan, pemain melakukan kesalahan yang dihukum dengan perintah keluar, pengadil berkuasa untuk menghalang pemain tersebut daripada terlibat dalam perlawanan berkenaan (rujuk Undang-Undang 3.6); pengadil akan melaporkan salah laku yang lain
- mempunyai kuasa menunjukkan kad kuning atau merah dan, di mana peraturan pertandingan membenarkan, menyingkir sementara pemain, dari memasuki padang permainan pada permulaan permainan sehingga perlawanan tamat, termasuk ketika rehat separuh masa, masa tambahan dan sepakan dari tanda penalti
- mengambil tindakan ke atas pegawai pasukan yang gagal berkelakuan sopan dan beri amaran lisan atau amaran (YC) atau perintah keluar (RC) dari padang permainan serta persekitarannya termasuk kawasan teknikal: jika pesalah tidak dapat dikenal pasti, jurulatih paling senior yang ada di kawasan teknikal akan dihukum. Pegawai perubatan pasukan yang terbabit dengan kesalahan perintah

keluar, masih boleh kekal bersama pasukan jika tiada lagi pegawai lain, dan bertindak jika pemain memerlukan bantuan perubatan

- bertindak atas nasihat lain-lain pegawai perlawanan bagi insiden yang tidak dilihat oleh pengadil

Kecederaan

- meneruskan permainan hingga bola di luar permainan bagi kecederaan ringan
- hentikan permainan jika pemain cedera parah dan pastikan pemain dibawa keluar dari padang permainan. Pemain yang cedera tidak boleh dirawat di dalam padang permainan dan hanya boleh masuk semula setelah permainan dimulakan semula; jika bola di dalam permainan; masuk semula mesti dari garisan tepi tetapi jika bola di luar permainan, pemain boleh masuk dari mana-mana garisan sempadan. Pengecualian bagi keperluan meninggalkan padang permainan adalah apabila
 - penjaga gol mengalami kecederaan
 - pertembungan antara penjaga gol dan pemain lain dan memerlukan perhatian
 - pertembungan di antara rakan sepasukan dan memerlukan perhatian
 - berlaku kecederaan yang serius
 - pemain cedera akibat kekasaran fizikal oleh lawan yang dihukum dengan amaran atau perintah keluar (cth. melulu atau cabaran yang amat serius), sekiranya penilaian/rawatan diselesaikan dengan segera
 - sepakan penalti telah diberi dan pemain yang cedera akan ambil sepakan
- memastikan pemain yang berdarah meninggalkan padang permainan. Pemain tersebut hanya boleh masuk semula setelah mendapat isyarat dari pengadil, yang berpuas hati bahawa pendarahan telah berhenti dan tiada kesan darah pada peralatan pemain
- jika pengadil mengarahkan doktor dan/atau *stretcher bearers* untuk masuk ke padang permainan, pemain mesti menaiki *stretcher* atau berjalan keluar. Pemain yang ingkar mesti diberi amaran kerana berkelakuan tidak bersemangat sukan
- jika pengadil membuat keputusan untuk memberi amaran atau perintah keluar pemain yang cedera yang perlu keluar untuk rawatan, kad mesti ditunjukkan sebelum pemain meninggalkan padang
- jika permainan tidak dihentikan atas sebab lain, atau berlaku kecederaan yang tiada kaitan dengan kesalahan, permainan dimulakan semula dengan jatuhnya bola

Gangguan luar

- henti, menggantung atau menangguhkan perlawanan atas sebarang kesalahan atau gangguan luar spt:
 - pencahayaan lampu limpah tidak mencukupi
 - lontaran objek oleh penonton yang mengenai pegawai perlawanan, pemain atau pegawai pasukan, pengadil boleh meneruskan permainan, atau hentikan, atau tangguh atau batalkan tertakluk kepada tahap keselamatan
 - penonton meniup wisel yang mengganggu permainan – permainan dihentikan dan dimulakan semula dengan jatuhnya bola
 - bola tambahan, objek lain atau haiwan memasuki padang permainan ketika permainan berlangsung, pengadil mesti:
 - hentikan permainan (dan mula semula dengan jatuhnya bola) jika ianya mengganggu permainan
 - kecuali bola menuju ke gol dan gangguan tersebut tidak menghalang pemain pertahanan untuk memainkan bola; gol diberikan jika bola masuk ke dalam gol (walaupun berlaku sentuhan dengan bola) kecuali gangguan oleh pasukan penyerang.
 - benarkan permainan diteruskan sekiranya ianya tidak mengganggu permainan dan keluarkan bola tersebut pada peluang seawal yang mungkin
- Tidak membenarkan individu yang tiada kaitan memasuki padang permainan

4. Video assistant referee (VAR)

Penggunaan VAR hanya dibenarkan apabila perlawanan/pengelola pertandingan memenuhi semua keperluan Implementation Assistance and Approval Programme (IAAP) seperti yang ditetapkan dalam dokumen FIFA's IAAP, dan menerima kebenaran bertulis dari FIFA.

Pengadil boleh dibantu VAR hanya bagi situasi 'kesalahan yang jelas dan nyata' atau 'gagal mengesan insiden serius' yang berkaitan:

- gol/tidak gol
- penalti/bukan penalti
- kad merah secara terus (bukan amaran kedua)
- salah identiti apabila diberikan amaran atau perintah keluar kepada pemain lain dari pasukan yang bersalah

Bantuan dari VAR akan berhubung kait dengan ulang-tayang berkaitan sesuatu insiden. Pengadil akan membuat keputusan akhir berdasarkan informasi dari VAR dan/atau meninjau rakaman ulang-tayang secara terus (*on-field review*).

Kecuali bagi situasi ‘gagal mengesan insiden yang serius’, pengadil (dan mana-mana pegawai perlawanan di lapangan) mestilah sentiasa membuat keputusan (termasuk keputusan untuk tidak menghukum kesalahan yang berpotensi); keputusan ini tidak berubah melainkan ianya ‘kesilapan yang jelas dan nyata”

Samakan semula selepas permainan dimulakan semula

Jika permainan telah dihentikan, pengadil hanya boleh bertindak ke atas sesuatu ‘review’ dan melaksanakan tindakan disiplin yang bersesuaian, bagi kesilapan identiti atau potensi untuk memerintah keluar kerana berkelakuan ganas, meludah, menggigit atau kecaman yang keterlaluan/atau perlakuan kesat

5. Peralatan pengadil

Peralatan wajib

Pengadil mesti mempunyai peralatan berikut:

- Wisel
- Jam tangan
- Kad kuning dan kad merah
- Buku nota(atau yang seumpamanya untuk menyimpan rekod perlawanan)

Peralatan lain

Pengadil diberi kebenaran untuk menggunakan:

- Peranti komunikasi di antara pegawai perlawanan – *buzzer/beep flags*, headsets dll.
- EPTS atau alatan pengukur kecergasan lain

Pengadil dan lain-lain pegawai perlawanan di lapangan ditegah memakai barang kemas atau peranti elektronik lain termasuk kamera

6. Isyarat pengadil

Rujukan grafik isyarat pengadil yang diluluskan.



Sepakan **Penalti**



Sepakan percuma **Tidak Terus**



Sepakan percuma **Terus**



Advantej (1)



Advantej (2)



Sepakan **Penjuru**




Sepakan **Gol**



Kad Merah dan **Kad Kuning**



Semak: Jari di telinga,
tangan/lengan diunjurkan



Review: "Signal TV"

7. Liabiliti pegawai perlawanan

Pengadil dan lain-lain pegawai perlawanan tidak bertanggungjawab ke atas


- sebarang kecederaan yang dialami oleh pemain, pegawai atau penonton
- kemusnahan harta benda atau lain-lain
- sebarang kerugian yang dialami oleh individu, kelab, syarikat, persatuan atau badan-badan lain, yang berkaitan atau boleh dikaitkan dengan keputusan yang dilaksanakan berdasarkan terma Undang-Undang Permainan atau dalam urusannya bertindak mengikut prosedur normal untuk mengurus, menangguk atau mengawal permainan

Panduan keputusan-keputusan adalah seperti:

- keadaan padang permainan atau persekitarannya atau keadaan cuaca yang memungkinkan perlawanan boleh dijalankan atau sebaliknya
- menanggukkan perlawanan bagi apa jua sebab
- kesesuaian alatan padang permainan dan bola yang digunakan
- sama ada menghentikan atau meneruskan perlawanan jika terdapat gangguan penonton atau masalah di kawasan penonton
- sama ada menghentikan atau meneruskan permainan apabila pemain cedera perlu dikeluarkan dari padang untuk rawatan
- meminta pemain cedera untuk keluar bagi menerima rawatan
- membenarkan atau tidak pemain memakai sesuatu pakaian atau peralatan
- berlandaskan kuasa yang ada, sama ada membenarkan atau tidak mana-mana individu (termasuk pasukan atau petugas stadium, pegawai keselamatan, jurugambar atau wakil media) berada di persekitaran padang permainan
- keputusan-keputusan lain yang berpandukan Undang-Undang Permainan atau mengikut kesesuaian tugas di bawah terma FIFA, konfederasi, PB Kebangsaan atau peraturan pertandingan atau peraturan di mana perlawanan dimainkan

Undang-Undang

6



Lain-Lain Pegawai Perlindungan

Lain-lain pegawai perlindungan (dua penolong pengadil, pegawai keempat, dua penolong pengadil tambahan, penolong pengadil simpanan, *video assistant referee* (VAR) dan sekurang-kurangnya seorang *assistant VAR* (AVAR)) boleh dilantik untuk perlindungan. Mereka akan membantu pengadil mengawal perlindungan berdasarkan Undang-Undang Permainan tetapi keputusan akhir adalah tertakluk kepada pengadil.

Pengadil, penolong-penolong pengadil, pegawai keempat, penolong pengadil tambahan dan pengadil simpanan dianggap sebagai pegawai perlindungan 'lapangan' (*'on-field' match officials*).

VAR dan AVAR adalah '*video match officials*' (VMOs) dan membantu pengadil berdasarkan Undang-Undang Permainan dan protokol VAR.

Pegawai-pegawai perlindungan melaksanakan tugas atas arahan pengadil. Bagi situasi kecelaruan atau pelaksanaan tugas yang tidak selaras, pengadil berhak menyingkirkan mereka dan membuat laporan kepada pihak berwajib.

Pengecualian bagi penolong pengadil simpanan, pegawai perlindungan lapangan akan membantu pengadil bagi kesalahan yang dilihat dengan jelas berbanding pengadil dan mesti membuat laporan bagi insiden salah laku yang serius atau insiden yang tidak dilihat oleh pengadil dan lain-lain pegawai perlindungan. Mereka mesti memaklumkan pengadil dan lain-lain pegawai perlindungan tentang sesuatu laporan yang dibuat.

Pegawai perlindungan lapangan turut membantu urusan pemeriksaan padang permainan, bola dan peralatan pemain (termasuk penyelesaian masalah) dan menyimpan rekod masa, gol, salah laku dsbg.

Peraturan pertandingan perlu jelas menyatakan tentang penggantian pegawai perlindungan yang gagal memulakan atau meneruskan tugas dan jika ada pertukaran sesama sendiri. Ia mestilah jelas khususnya jika pengadil gagal memulakan atau meneruskan tugas, pegawai ke-4 atau penolong pengadil senior atau penolong pengadil tambahan senior akan mengambil alih tugas.

1. Penolong pengadil

Akan memberi isyarat apabila:

- keseluruhan bola melintasi sempadan padang permainan dan pasukan yang berhak untuk sepakan penjuru, sepakan gol atau lontaran ke dalam
- terdapat seseorang pemain di posisi ofsaid yang boleh dihukum
- ada permintaan untuk penggantian pemain
- semasa sepakan penalti, melihat pergerakan penjaga gol yang menerpa keluar dari garisan gol sebelum bola disepak dan jika bola melintasi garisan gol; jika terdapat penolong pengadil tambahan dilantik, penolong pengadil akan berada di posisi selari dengan tanda penalti

Tugas penolong pengadil juga termasuk membantu prosedur penggantian pemain.

Penolong pengadil boleh memasuki padang bagi membantu menguruskan jarak 9.15m (10 ela).

2. Pegawai keempat

Tugas pegawai keempat meliputi:

- menyelia prosedur penggantian pemain
- memeriksa peralatan pemain/pengganti
- urus kemasukan semula pemain selaras dengan isyarat/kebenaran dari pengadil
- menyelia penggantian bola
- memaparkan tambahan masa minimum yang diarahkan oleh pengadil di hujung setiap separuh masa (termasuk di masa tambahan)
- memaklumkan kepada pengadil tentang sebarang sikap tidak bertanggungjawab oleh penghuni kawasan teknikal

3. Penolong pengadil tambahan

Penolong pengadil tambahan boleh memberi isyarat berikut:

- apabila keseluruhan bola melintas keluar di garisan gol, termasuk apabila gol dijaringkan
- pasukan yang berhak untuk sepakan penjuru atau sepakan gol
- sama ada, semasa sepakan penalti, penjaga gol telah menerpa meninggalkan garisan gol sebelum bola disepak dan jika bola melintasi garisan gol

4. Penolong pengadil simpanan

Satu-satunya tugas penolong pengadil simpanan ialah menggantikan penolong pengadil atau pegawai ke-4 yang tidak dapat meneruskan tugas.


5. Pegawai perlawanan video (*Video match officials*)

Video assistant referee (VAR) ialah seorang pegawai perlawanan yang boleh membantu pengadil di dalam membuat keputusan menerusi ulang-siar rakaman (replay footage) hanya bagi situasi 'kesilapan yang jelas dan nyata' atau 'gagal mengesan insiden yang serius' berhubung perkara gol/tidak gol, penalti/tidak penalti, kad merah secara terus (bukan amaran kedua) atau bagi kes salah identiti bila mana pengadil memberi amaran atau perintah keluar kepada pemain yang silap dari pasukan yang bersalah.

Assistant video assistant referee (AVAR) ialah pegawai yang membantu VAR melalui:

- meneliti rakaman televisyen (*footage*) tatkala VAR melakukan '*check*' atau '*review*'
- menyimpan rekod VAR-berkaitan insiden dan sebarang komunikasi atau masalah teknologi
- membantu VAR's berkomunikasi dengan pengadil, terutamanya ketika VAR sedang melakukan '*check*'/'*review*' cth. untuk memaklumkan pengadil supaya memberhentikan permainan atau melewatkan permulaan semula 'hentikan permainan' atau 'lewatkan permulaan semula' dll.
- merekod masa yang 'terbuang' apabila permainan tertangguh kerana '*check*' atau '*review*'
- menyampaikan informasi tentang VAR-berkaitan keputusan kepada pihak yang relevan

6. Isyarat penolong pengadil
Rujukan grafik isyarat
penolong pengadil yang diluluskan.




Penggantian




**Sepakan percuma untuk
pasukan penyerang**



**Sepakan percuma untuk
pasukan bertahan**




Lontaran kedalam untuk pasukan penyerang



Lontaran kedalam untuk pasukan bertahan




Sepakan penjuru




Sepakan gol



Offsайд



Ofsайд di bahagian
padang; **hampir**



Ofsайд di bahagian
padang; **tengah**



Ofsайд di bahagian
padang; **hujung**

7. Isyarat penolong pengadil tambahan




Gol

(kecuali bola dengan jelas telah
melintasi garisan gol)

Undang-Undang

7



Jangka Masa Permainan

1. Tempoh masa permainan

Sesuatu perlawanan hendaklah mengandungi dua bahagian tempoh masa yang sama iaitu 45 minit yang mana hanya boleh dikurangkan jika ada persetujuan bersama di antara pengadil dengan kedua-dua pasukan sebelum permulaan permainan selaras dengan peraturan pertandingan.

2. Rehat separuh masa

Pemain berhak untuk rehat pada separuh masa, tidak melebihi 15 minit; selangan rehat untuk minum (tidak melebihi satu minit) adalah dibenarkan ketika rehat separuh masa di masa tambahan. Peraturan pertandingan mesti menyatakan jangka masa rehat separuh masa dan hanya boleh diubah dengan kebenaran pengadil.

3. Peruntukan masa terbangun

Peruntukan hendaklah dibuat oleh pengadil pada setiap separuh masa untuk jumlah masa bermain yang terbangun melalui:

- penggantian
- menilai dan/atau mengeluarkan pemain cedera
- membuang masa
- hukuman disiplin
- pemberhentian untuk urusan rawatan yang diperuntukkan di dalam peraturan pertandingan, spt. selang rehat minum '*drinks' breaks* (tidak melebihi satu minit) dan selang rehat kesegaran '*cooling' breaks* (jangka masa 90 saat hingga 3 minit)
- penangguhan berkaitan urusan VAR '*checks' and 'reviews*
- sebab-sebab lain, termasuk unsur signifikan yang melengahkan permulaan semula permainan ; (spt. meraikan jaringan gol)

Pegawai ke-4 akan menunjukkan tambahan masa minimum yang diputuskan oleh pengadil di minit akhir setiap separuh masa. Tambahan masa boleh dilanjutkan oleh pengadil tetapi tidak boleh mengurangkannya.

Pengadil tidak boleh mengimbangi kesilapan pengurusan tempoh masa permainan di separuh masa pertama dengan meminda tempoh masa permainan di separuh masa kedua

4. Sepakan penalti

Jika suatu sepakan penalti perlu diambil atau diambil semula, jangka masa permainan bagi setiap separuh masa adalah dilanjutkan sehingga sepakan penalti itu disempurnakan.


5. Pembatalan perlawanan

Perlawanan yang dibatalkan akan dimainkan semula kecuali peraturan pertandingan atau pengelola menyatakan sebaliknya.



Undang-Undang

8



Mula dan Permulaan Semula Permainan

Sepak mula dilakukan di setiap separuh masa, setiap separuh masa di masa tambahan dan permulaan semula selepas gol dijaringkan. Sepakan percuma (terus atau tidak terus), sepakan penalti, lontaran ke dalam, sepakan gol dan sepakan penjuru adalah permulaan semula permainan (rujuk Undang-Undang 13 -17). Jatuhan bola merupakan permulaan semula apabila pengadil hentikan permainan dan Undang-Undang tidak menyatakan permulaan semula seperti di atas.

Jika kesalahan berlaku ketika bola di luar permainan ianya tidak mengubah bagaimana permainan akan dimulakan semula

1. Sepak mula

Prosedur

- pasukan yang memenangi lentingan syiling akan memilih antara bahagian gol yang akan diserang pada separuh masa pertama atau membuat sepak mula
- tertakluk kepada perkara di atas, pihak lawan akan melakukan sepak mula atau memilih bahagian gol yang akan diserang pada separuh masa pertama
- pasukan yang memilih gol yang akan diserang pada separuh masa pertama akan membuat sepak mula di separuh masa kedua
- pada separuh masa kedua perlawanan, pasukan-pasukan akan bertukar tempat untuk menyerang gol yang bertentangan
- selepas suatu pasukan menjaringkan gol, sepak mula dilakukan oleh pasukan lawan

Bagi setiap sepak mula

- semua pemain, kecuali pemain yang melakukan sepak mula, mesti berada di dalam kawasan padang permainannya sendiri
- pihak lawan mesti berada tidak kurang dari 9.15 m (10 ela) dari bola sehingga ianya di dalam permainan
- bola mesti berada di kedudukan statik di pusat padang
- pengadil memberi isyarat
- bola dalam permainan setelah disepak dan jelas bergerak

- gol boleh dijaringkan terus ke gol lawan dari sepak mula; jika bola disepak terus ke gol pasukan yang membuat sepak mula, sepakan penjurong diberi kepada pihak lawan

Pelanggaran dan hukuman

Jika pemain yang melakukan sepak mula memainkan bola semula sebelum disentuh oleh pemain lain, sepakan percuma tidak terus akan diberi atau jika sengaja memegang bola, sepakan percuma terus diberi kepada pihak lawan.

.Bagi lain-lain pelanggaran prosedur sepak mula; sepak mula dilakukan semula.

2. Jatuhan Bola

Prosedur

- Jatuhan bola dilakukan kepada penjaga gol pasukan bertahan di dalam kawasan penalti jika, ketika permainan dihentikan:
 - bola berada di dalam kawasan penalti, atau
 - sentuhan terakhir pada bola ialah di dalam kawasan penalti
- Bagi semua situasi lain, pengadil melakukan jatuhan bola kepada seorang pemain yang pasukannya terakhir sentuh bola, pada posisi terakhir bola menyentuh pemain, anasir luar atau seperti digariskan di dalam Undang-Undang 9.1, pegawai perlawanan
- Semua pemain lain (bagi kedua-dua pasukan) mesti berada sekurang-kurangnya 4 m (4.5 ela) dari bola sehingga ianya di dalam permainan

Bola dalam permainan sebaik sahaja ianya menyentuh tanah.

Pelanggaran dan hukuman

Jatuhan bola dilakukan semula jika:

- disentuh oleh pemain sebelum menyentuh tanah
- terkeluar dari padang permainan setelah menyentuh tanah tanpa disentuh oleh mana-mana pemain


Jika bola masuk ke gol dari jatuhan bola tanpa disentuh oleh sekurang-kurangnya dua pemain, permainan dimulakan semula dengan:

- sepakan gol jika masuk ke gol lawan
- sepakan penjurong jika masuk ke golnya sendiri



Undang-Undang

9



Bola di dalam dan di luar Permainan

1. Bola di luar permainan

Bola di luar permainan apabila:

- keseluruhannya telah melintasi garisan gol atau garisan tepi sama ada di tanah atau di udara
- permainan telah dihentikan oleh pengadil
- bola mengenai pegawai perlawanan, kekal di dalam padang permainan dan:
 - sebuah pasukan memulakan serangan yang baik, atau
 - bola terus memasuki gol, atau
 - kawalan bola berubah kepada pasukan lain


Bagi semua situasi ini, permainan dimulakan semula dengan jatuhan bola.

2. Bola di dalam permainan

Bola sentiasa di dalam permainan, termasuk apabila ia mengenai pegawai perlawanan dan apabila ia melantun dari tiang gol, palang gol atau tiang bendera penjuru dan berada di dalam padang permainan.

Undang-Undang

10



Penentuan Keputusan Perlawanan

1. Jaringan gol

Gol dijaringkan apabila keseluruhan bola melintasi garisan gol, di antara tiang-tiang gol dan di bawah palang gol, dengan syarat tiada kesalahan dilakukan oleh pasukan yang menjaringkan gol

Jika penjaga gol melontar bola terus ke dalam gol pihak lawan, sepakan gol akan diberikan.

Jika pengadil memberi isyarat gol sebelum keseluruhan bola melintasi garisan gol, permainan dimulakan semula dengan jatuhnya bola.

2. Pasukan yang menang

Pasukan yang menjaringkan bilangan gol yang lebih adalah pemenang. Sekiranya kedua-dua pasukan tidak menjaringkan gol atau menjaringkan gol dengan bilangan yang sama, perlawanan dikira seri.



Apabila peraturan pertandingan memerlukan pasukan menang bagi sesuatu perlawanan selepas berkeputusan seri, atau seri bagi perlawanan timbal-balik, hanya prosedur berikut yang diluluskan untuk menentukan pemenang

- peraturan gol di tempat lawan
- dua bahagian masa tambahan tidak melebihi 15 minit bagi setiap separuh masa
- sepakan dari tanda penalti

Kombinasi prosedur-prosedur di atas boleh diguna pakai.

3. Sepakan dari tanda penalti

Sepakan dari tanda penalti dilaksanakan setelah perlawanan tamat kecuali ada kenyataan lain, Undang-Undang Permainan yang relevan diaplikasikan. Pemain yang telah diperintah keluar semasa permainan tidak dibenarkan mengambil bahagian; amaran lisan dan amaran (YC) semasa permainan tidak dibawa ke sesi sepakan dari tanda penalti.



Prosedur

Sebelum sepakan dari tanda penalti dimulakan

- Kecuali terdapat pertimbangan lain (spt. permukaan tanah, keselamatan, dll.), pengadil melakukan lentingan syiling bagi menentukan gol yang akan digunakan yang mana hanya boleh diubah atas sebab keselamatan atau jika gol atau permukaan tanah tidak lagi sesuai
- Pengadil melakukan lentingan syiling semula dan pasukan yang menang lentingan, memutuskan untuk mengambil sepakan pertama atau kedua
- Pengecualian kepada penggantian penjaga gol yang tidak boleh meneruskan permainan, hanya pemain yang berada di dalam padang permainan atau sedang berada di luar padang (cedera, membetulkan peralatan, dsbg.) ketika tamat permainan adalah layak mengambil sepakan
- Setiap pasukan bertanggungjawab memilih dari kalangan pemain yang layak mengambil sepakan serta gilirannya. Pengadil tidak perlu dimaklumkan tentang penggiliran tersebut
- Jika pada tamat perlawanan dan sebelum atau ketika sepakan dilakukan, satu pasukan mempunyai bilangan pemain yang lebih dari lawannya, bilangan pemain dikurangkan agar seimbang dengan pasukan lawan dan pengadil dimaklumkan nama dan nombor pemain yang dikecualikan. Pemain yang dikecualikan tidak boleh turut serta dalam sepakan (kecuali seperti digariskan di bawah)
- Penjaga gol yang tidak boleh meneruskan sebelum atau semasa sepakan boleh diganti oleh pemain yang dikecualikan untuk mengimbangkan bilangan pemain atau, jika pasukan belum melengkapkan bilangan maksimum penggantian, pengganti yang dinamakan, tetapi penjaga gol yang telah digantikan tidak lagi boleh turut serta dalam sepakan
- Jika penjaga gol sebelum digantikan telah mengambil sepakan, pengganti tidak boleh mengambil sepakan sehingga pusingan sepakan yang seterusnya.

Ketika sepakan dari tanda penalti

- Hanya pemain yang layak dan pegawai perlawanan dibenarkan berada di dalam padang permainan
- Semua pemain yang layak, kecuali penendang dan kedua-dua penjaga gol, mesti berada di bulatan tengah
- Penjaga gol pasukan penendang berada di dalam padang, di luar kawasan penalti, di atas tanda pertemuan garisan gol dengan garisan sempadan kawasan penalti

- Pemain yang layak boleh bertukar posisi dengan penjaga gol
- Sepakan sempurna setelah bola berhenti, keluar dari padang atau pengadil menghentikan permainan atas sebarang kesalahan; penendang tidak boleh memainkan bola kali kedua
- Pengadil menyimpan rekod sepakan
- Jika penjaga gol melakukan kesalahan dan sepakan dibuat semula, penjaga gol diberi amaran lisan bagi kesalahan pertama dan amaran bagi kesalahan ulangan
- Jika penendang dihukum kerana melakukan kesalahan setelah pengadil memberikan isyarat untuk sepakan diambil, sepakan berkenaan dianggap gagal dan penendang diberi amaran
- Jika kedua-dua penjaga gol dan penendang melakukan kesalahan pada masa yang sama, sepakan berkenaan dianggap gagal dan penendang diberi amaran

Tertakluk pada situasi berikut, kedua-dua pasukan mengambil lima sepakan

- Sepakan dilakukan secara berselang-seli oleh kedua-dua pasukan
- Setiap sepakan dilakukan oleh pemain yang berbeza, dan semua pemain yang layak mesti melakukan sepakan sebelum boleh melakukan sepakan yang kedua
- Jika, sebelum kedua-dua pasukan menyempurnakan lima sepakan, salah satu pasukan mempunyai bilangan gol yang lebih dari lawannya mampu jaringan walaupun belum melengkapkan lima sepakan, tiada lagi sepakan diteruskan
- Jika, selepas kedua-dua pasukan menyempurnakan lima sepakan, bilangan jaringan adalah sama, sepakan diteruskan sehingga satu pasukan dapat menjaringkan lebih gol dari lawannya dari bilangan sepakan yang sama
- Prinsip di atas diteruskan bagi aturan sepakan seterusnya tetapi pasukan boleh mengubah giliran penendang
- Sepakan dari tanda penalti tidak boleh dilengahkan bagi pemain yang meninggalkan padang permainan. Sepakan pemain berkenaan dianggap gagal (tidak gol) jika dia tidak kembali dalam tempoh masa yang sewajarnya


Penggantian dan perintah keluar semasa sepakan dari tanda penalti

- Pemain, pengganti atau pemain yang diganti boleh diberi amaran atau diperintah keluar
- Penjaga gol yang diperintah keluar mesti diganti oleh pemain yang layak
- Pemain selain penjaga gol yang tidak boleh meneruskan permainan tidak boleh diganti
- Pengadil tidak boleh membatalkan permainan jika pasukan mempunyai kurang dari tujuh pemain



Undang-Undang

11



Ofsaid

1. Posisi ofsaid

Berada di posisi ofsaid bukanlah satu kesalahan.

Seseorang pemain berada di posisi ofsaid jika

- mana-mana bahagian kepala, badan atau kaki berada di bahagian pihak lawan (tidak termasuk garisan tengah) dan
- mana-mana bahagian kepala, badan atau kaki lebih hampir dengan garisan gol pihak lawan daripada kedua-dua bola dan pemain lawan kedua terakhir

Bahagian tangan dan lengan semua pemain, termasuk penjaga gol tidak diambil kira. Bagi tujuan menentukan ofsaid, sempadan atas lengan ialah separas dengan bahagian bawah ketiak.

Seseorang pemain tidak dianggap ofsaid jika sebaris dengan:

- pemain lawan kedua terakhir atau
- dua pemain lawan terakhir

2. Kesalahan ofsaid

Seseorang pemain yang di posisi ofsaid ketika bola dimainkan atau disentuh* oleh rakan sepasukannya hanya dihukum apabila terlibat dalam permainan aktif dengan:

- mengganggu permainan dengan memainkan atau menyentuh bola yang dihantar atau disentuh oleh rakan sepasukan, atau
- mengganggu pemain lawan dengan cara:
 - menghalang pemain lawan dari bermain atau boleh memainkan bola dengan cara jelas menghalang pandangan, atau
 - mencabar pihak lawan untuk mendapatkan bola, atau

**Titik sentuhan pertama ketika 'memainkan' atau 'menyentuh' bola perlu digunakan*

- jelas cuba untuk memainkan bola yang hampir dengannya yang mana memberi impak kepada pihak lawan, atau
- perlakuan yang jelas memberi impak terhadap kemampuan pihak lawan untuk memainkan bola

atau

- mendapat keuntungan dengan memainkan bola atau mengganggu pihak lawan apabila ianya:
 - melantun atau terbias dari tiang gol, palang gol, pegawai perlawanan atau pemain lawan
 - secara jelas diselamatkan oleh mana-mana pemain lawan

Pemain di posisi ofsaid menerima bola daripada pihak lawan yang jelas memainkan bola, termasuk sengaja memegang bola, adalah tidak dianggap mendapat keuntungan, melainkan ianya tindakan sengaja menyelamatkan bola oleh mana-mana pemain lawan.

Maksud 'selamatkan' ialah apabila pemain menghentikan, atau cuba untuk menghentikan bola yang menuju ke dalam atau hampir ke gol dengan mana-mana bahagian badan kecuali tangan/lengan (kecuali penjaga gol dalam kawasan penaltinya)

Bagi situasi di mana:

- pemain bergerak dari, atau sedang berdiri di posisi ofsaid bergerak ke arah laluan pemain lawan dan mengganggu pergerakan pemain lawan ke arah bola, maka ini adalah kesalahan ofsaid jika ianya memberi impak ke atas keupayaan pemain lawan untuk memainkan atau mencabar bola; jika pemain bergerak ke laluan dan menghalang pergerakan pemain lawan (spt. mengadang lawan) maka kesalahan tersebut perlu dihukum di bawah Undang-Undang 12
- pemain di posisi ofsaid bergerak ke arah bola dengan tujuan untuk memainkan bola dan dikasari sebelum memainkannya atau cuba memainkannya, atau mencabar lawan untuk memainkan bola, kesalahan tersebut dihukum kerana ia berlaku sebelum kesalahan ofsaid
- kesalahan ke atas pemain di posisi ofsaid yang sudah memainkan atau cuba memainkan bola, atau mencabar lawan bagi mendapatkan bola, kesalahan ofsaid dihukum kerana ofsaid berlaku lebih awal sebelum kesalahan tersebut.

3. Tiada kesalahan

Tiada kesalahan ofsaid jika pemain menerima bola terus dari:

- sepakan gol
- lontaran ke dalam
- sepakan penjuru

4. Pelanggaran dan hukuman

Bagi kesalahan ofsaid, pengadil akan memberi sepakan percuma tidak terus yang dibuat di tempat kesalahan berlaku, termasuk jika kesalahan dilakukan di dalam kawasannya sendiri


Pemain pertahanan yang keluar dari padang permainan tanpa kebenaran pengadil adalah dianggap berada di atas garisan gol atau garisan tepi bagi maksud ofsaid sehingga pemberhentian permainan berikutnya atau sehingga pasukan bertahan memainkan bola menuju ke garisan tengah dan di luar kawasan penaltinya. Jika pemain itu keluar dari padang permainan dengan sengaja, dia mesti diberi amaran ketika bola di luar permainan berikutnya.

Pemain penyerang boleh berdiri atau melangkah keluar dari padang permainan agar tidak terlibat dengan permainan aktif. Jika pemain berkenaan masuk semula dari garisan gol dan terlibat dalam permainan sebelum pemberhentian permainan, atau pemain pertahanan telah memainkan bola ke arah garisan tengah dan di luar kawasan penaltinya, pemain penyerang itu dianggap berada di atas garisan gol bagi maksud ofsaid. Pemain yang meninggalkan padang permainan dengan sengaja dan masuk semula tanpa kebenaran dan tidak dihukum kerana ofsaid dan memperoleh keuntungan, mesti diberi amaran.

Jika pemain penyerang berdiri di antara tiang-tiang gol dan di dalam gol semasa bola masuk ke dalam gol, jaringan itu dibenarkan kecuali pemain berkenaan melakukan kesalahan ofsaid atau melakukan kesalahan berkaitan Undang-Undang 12, di mana akan dihukum dengan sepakan percuma tidak terus atau sepakan percuma terus.

Undang-Undang

12



Kesalahan dan Kelakuan Tidak Bersopan

Sepakan percuma terus dan tidak terus serta sepakan penalti hanya dilaksanakan apabila berlaku kesalahan semasa bola dalam permainan.

1. Sepakan percuma terus

Sepakan percuma terus diberi apabila seseorang pemain melakukan kesalahan-kesalahan berikut terhadap pemain lawan yang pada pendapat pengadil ianya dilakukan secara cuai, melulu atau menggunakan daya yang berlebihan:

- merempuh
- melompat
- menendang atau cuba menendang
- menolak
- memukul atau cuba memukul (termasuk hentakan kepala)
- takel atau cabaran
- bentes atau cuba membentes

Jika kesalahan melibatkan sentuhan, ianya dihukum dengan sepakan percuma terus.

- Cuai adalah apabila pemain menunjukkan kurang tumpuan atau pertimbangan apabila membuat cabaran atau bertindak tanpa berjaga-jaga. Tiada tindakan disiplin diperlukan
- Melulu adalah apabila pemain bertindak tanpa mengambil kira kesan bahaya atau implikasinya terhadap pemain lawan, dan mesti diberi amaran
- Menggunakan daya yang berlebihan ialah apabila pemain melampaui dalam penggunaan daya yang diperlukan dan/atau mendatangkan bahaya kepada pemain lawan, dan mesti diperintah keluar

Sepakan percuma terus diberi jika pemain melakukan kesalahan berikut:

- memegang bola (kecuali penjaga gol di dalam kawasan penaltinya sendiri)
- memegang pemain lawan

- menghalang pemain lawan dengan sentuhan
- menggigit atau meludah seseorang yang tersenarai dalam senarai pasukan atau pegawai perlawanan
- melontar objek ke bola, pemain lawan atau pegawai perlawanan atau melakukan sentuhan ke bola menggunakan sesuatu objek yang dipegang

Sila rujuk Undang-Undang 3.


Memegang bola

Bagi tujuan menentukan kesalahan memegang bola, garis sempadan lengan ialah bahagian bawah ketiak. Bukan semua sentuhan tangan/lengan pemain ke bola merupakan satu kesalahan.

Adalah menjadi kesalahan apabila seseorang pemain

- sengaja menyentuh bola dengan tangan/lengan; contohnya menggerakkan tangan/lengan ke bola
- menyentuh bola dengan tangan/lengan bila mana mereka membesarkan tubuh secara tidak natural. Seseorang pemain dianggap membesarkan tubuh mereka secara tidak natural apabila posisi tangan/lengan adalah tidak perlu, atau tidak dapat dijustifikasikan dengan pergerakan tubuh mereka bagi situasi spesifik berkenaan. Posisi tangan/lengan yang sedemikian menjadikan pemain mengambil risiko tangan/lengan mereka terkena bola dan dihukum
- menjaringkan ke gol lawan:
 - secara terus dari tangan/lengan walaupun secara tidak sengaja termasuk oleh penjaga gol
 - serta-merta setelah bola mengenai tangan/lengan walaupun tidak sengaja

Penjaga gol juga tertakluk kepada batasan yang sama bagi 'memegang bola' seperti pemain yang lain di luar kawasan penaltinya. Jika penjaga gol memegang bola di dalam kawasan penaltinya ketika ianya tidak dibenarkan, satu sepakan percuma tidak terus akan diberikan tanpa tindakan disiplin. Bagaimanapun, jika kesalahan berkaitan dengan memainkan bola kali kedua (menggunakan atau tanpa menggunakan tangan/lengan) selepas permulaan semula sebelum disentuh oleh pemain lain, penjaga gol mesti dihukum jika kesalahan itu menggagalkan serangan yang baik atau menghalang pemain lawan atau pasukan lawan satu peluang jelas menjaringkan gol.



2. Sepakan percuma tidak terus

Sepakan percuma tidak terus diberikan jika pemain:

- bermain secara berbahaya
- menghalang pergerakan pemain lawan tanpa sentuhan
- kesalahan membantah, penggunaan bahasa sumbang, menghina, atau kesat dan/atau tingkah laku atau lain-lain kesalahan lisan
- menghalang penjaga gol dari melepaskan bola yang berada di tangannya atau sepakannya atau cuba menyepak bola ketika penjaga gol dalam proses melepaskannya ke dalam permainan
- merencanakan helah dengan sengaja melakukan hantaran bola (termasuk dari satu sepakan percuma atau sepakan gol) kepada penjaga gol dengan menggunakan kepala, dada, lutut dll. dengan tujuan mempersendakan Undang-Undang, tanpa mengira sama ada penjaga gol menyentuh bola dengan tangan atau tidak; penjaga gol dihukum jika dia adalah perencana helah yang disengajakan itu
- melakukan kesalahan lain yang tidak dinyatakan di dalam Undang-Undang, di mana permainan dihentikan untuk amaran atau perintah keluar

Sepakan percuma tidak terus diberikan jika penjaga gol, di dalam kawasan penaltinya, melakukan kesalahan-kesalahan berikut:

- mengawal bola dengan tangan melebihi dari enam saat sebelum melepaskannya
- menyentuh bola dengan tangan/lengan setelah melepaskannya dan sebelum disentuh oleh pemain lain
- menyentuh bola dengan tangan/lengan, kecuali penjaga gol jelas menendang atau cuba menendang bola ke dalam permainan, setelah:
 - disepak dengan jelas kepada penjaga gol oleh rakan sepasukan
 - menerima bola terus dari lontaran ke dalam oleh rakannya

Penjaga gol dianggap mengawal bola dengan tangan apabila:

- bola berada di antara kedua tangannya atau di antara tangan dan apa-apa permukaan lain (spt. tanah, badan sendiri) atau menyentuhnya dengan mana-mana bahagian tangan atau lengan kecuali jika bola melantun dari penjaga gol atau penjaga gol telah menyelamatkannya
- memegang bola dengan tapak tangan terbuka
- melantunkan bola di tanah atau melambungkannya di udara

Penjaga gol tidak boleh dicabar oleh pemain lawan apabila bola dalam kawalan tangannya.

Bermain secara berbahaya

Bermain secara berbahaya adalah sebarang tindakan ketika cuba memainkan bola, memberi ancaman kecederaan kepada seseorang (termasuk diri sendiri) dan termasuk menghalang pihak lawan yang berhampiran daripada memainkan bola kerana khuatir tercedera.

Sepakan gunting atau *bicycle kick* adalah dibenarkan dengan syarat tidak mendatangkan bahaya kepada pemain lawan.

Menghalang pergerakan pemain lawan tanpa sentuhan

Bergerak ke arah laluan pemain lawan dengan tujuan menyekat, merintang, memperlahankan atau memaksa perubahan arah ketika bola tidak dalam jarak permainan mana-mana pemain.

Semua pemain berhak ke atas posisi mereka di padang permainan; berada di laluan yang sama dengan pihak lawan tidak bermaksud bergerak ke arah laluan pihak lawan.

Pemain boleh melindungi bola dengan menempatkan dirinya di antara bola dengan pemain lawan jika bola dalam jarak permainan dan pemain lawan tidak dipegang dengan lengan atau badan. Jika bola dalam jarak permainan, pemain berkenaan boleh dirempuh secara adil oleh lawannya.

3. Tindakan disiplin

Pengadil mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan disiplin bermula dari memasuki padang permainan untuk pemeriksaan pra-perlawanan sehingga meninggalkan padang permainan setelah tamat perlawanan (termasuk semasa sepakan dari tanda penalti).

Jika, sebelum memasuki padang pada permulaan permainan, seorang pemain atau pegawai pasukan melakukan kesalahan yang dihukum dengan perintah keluar, pengadil berkuasa menghalang pemain atau pegawai pasukan tersebut dari terlibat dalam perlawanan tersebut (rujuk Undang-Undang 3.6); pengadil akan melaporkan mana-mana salah laku lain.

Pemain atau pegawai pasukan yang lakukan kesalahan amaran atau perintah keluar sama ada di dalam atau di luar padang permainan, adalah dihukum berdasarkan kesalahannya

Kad kuning bermaksud amaran dan kad merah bermaksud perintah keluar.

Hanya pemain, pengganti, pemain yang diganti atau pegawai pasukan boleh ditunjukkan kad kuning atau kad merah.

Pemain, pengganti dan pemain yang diganti

Menangguh permulaan semula untuk pengurusan kad

Setelah pengadil memutuskan memberi amaran atau perintah keluar seseorang pemain, permainan mestilah tidak dimulakan semula sehingga hukuman telah dilaksanakan, kecuali pasukan yang tidak bersalah melakukan sepakan percuma pantas, mempunyai peluang jaringan yang jelas dan pengadil belum memulakan prosedur tindakan disiplin. Hukuman akan dilaksanakan pada pemberhentian berikutnya.; jika kesalahannya ialah menggagalkan peluang jelas menjaringkan gol, pemain berkenaan dihukum dengan amaran; jika kesalahan ialah mengganggu atau menggagalkan satu serangan yang baik, pemain berkenaan tidak dihukum.

Advantej

Jika pengadil melaksanakan advantej bagi kesalahan amaran/perintah keluar, andainya permainan dihentikan, amaran/perintah keluar mesti dilaksanakan apabila bola di luar permainan berikutnya. Namun, bagi kesalahan menggagalkan peluang jelas menjaringkan gol, maka pemain tersebut diberi amaran kerana berkelakuan tidak bersemangat sukan; jika kesalahan ialah mengganggu atau menggagalkan satu serangan yang baik, pemain berkenaan tidak dihukum.

Advantej tidak wajar diaplikasikan bagi situasi melibatkan bermain dengan amat kasar, berkelakuan ganas atau amaran kedua kecuali terdapat peluang jelas untuk menjaringkan gol. Pengadil mesti perintah keluar pemain tersebut apabila bola di luar permainan, tetapi jika pemain tersebut memainkan bola atau mencabar/mengganggu pihak lawan, pengadil akan menghentikan permainan, perintah keluar pemain tersebut dan memulakan semula permainan dengan sepakan percuma tidak terus, melainkan dia melakukan kesalahan yang lebih serius.

Jika pemain pertahanan mula memegang pemain penyerang di luar kawasan penalti dan berlanjutan memegang di dalam kawasan penalti, pengadil mesti menghukum dengan sepakan penalti

Kesalahan amaran

Pemain diberi amaran atas kesalahan berikut:

- melambatkan permulaan semula permainan
- membantah dengan perkataan atau perbuatan
- masuk, masuk semula atau sengaja meninggalkan padang permainan tanpa kebenaran pengadil
- gagal mematuhi jarak yang sepatutnya semasa permulaan semula permainan bagi sepakan penjuru, sepakan percuma atau lontaran ke dalam
- sentiasa mengulangi kesalahan (tiada bilangan yang spesifik atau paten kesalahan yang dikaitkan dengan “berulang-ulang”)
- berkelakuan tidak bersemangat sukan
- menceroboh kawasan *referee review area (RRA)*
- menunjukkan isyarat ‘review’ skrin TV secara keterlaluan

Pengganti atau pemain yang diganti diberi amaran jika:

- melambatkan permulaan semula permainan
- membantah dengan perkataan atau perbuatan
- masuk atau masuk semula ke padang permainan tanpa kebenaran pengadil
- berkelakuan tidak bersemangat sukan
- menceroboh kawasan *referee review area (RRA)*
- menunjukkan isyarat ‘review’ skrin TV secara keterlaluan

Sekiranya berlaku dua kesalahan amaran (walaupun dalam jangka masa hampir), ia perlu dihukum dengan dua amaran, sebagai contoh jika seorang pemain masuk ke dalam padang permainan tanpa kebenaran dan melakukan kesalahan melulu atau menggagalkan satu serangan yang baik dengan satu kesalahan/*handball* dll

Amaran kerana berkelakuan tidak bersemangat sukan

Terdapat beberapa keadaan berbeza di mana pemain diberi amaran kerana berkelakuan tidak bersemangat sukan termasuk jika pemain:

- cuba memperdaya pengadil spt. berpura-pura cedera atau dikasari (simulasi)
- bertukar posisi dengan penjaga gol semasa permainan tanpa kebenaran pengadil (rujuk Undang-Undang 3)
- melakukan tindakan secara melulu untuk kesalahan sepakan percuma terus

- memegang bola dengan tujuan untuk mengganggu atau menggagalkan serangan yang baik
- melakukan kesalahan-kesalahan lain yang mengganggu atau menggagalkan serangan yang baik kecuali pengadil memberikan sepakan penalti bagi kesalahan percubaan memainkan bola
- kesalahan menggagalkan peluang jelas menjaringkan gol di mana ianya adalah percubaan untuk memainkan bola dan pengadil memberikan sepakan penalti
- memegang bola semasa cubaan untuk menjaringkan gol (tanpa mengira tindakan itu berjaya atau tidak) atau gagal menghalang bola masuk ke gol
- membuat tanda yang tidak dibenarkan di padang permainan
- memainkan bola semasa meninggalkan padang setelah diberi kebenaran oleh pengadil
- menunjukkan sikap kurang hormat terhadap perlawanan
- merencanakan helah dengan sengaja melakukan hantaran bola (termasuk dari sepakan percuma atau sepakan gol) kepada penjaga gol menggunakan kepala, dada, lutut dll. untuk tujuan mempersendakan Undang-Undang, sama ada penjaga gol menyentuh bola dengan tangan atau tidak; penjaga gol diberi amaran jika menjadi perencana helah berkenaan
- memberi gangguan secara lisan kepada pemain lawan ketika bola dalam permainan atau permulaan semula permainan

Meraikan jaringan gol

Pemain boleh meraikan jaringan gol, tetapi keraian mestilah tidak keterlaluan; keraian terancang adalah dilarang dan mestilah tidak membuang masa.

Keluar dari padang permainan untuk meraikan jaringan gol bukanlah kesalahan amaran tetapi pemain perlu segera masuk semula.

Pemain mesti diberi amaran, walaupun jaringan gol dibatalkan, kerana:

- memanjat pagar pemisah dan/atau mendekati penonton dengan tingkah laku yang menjejaskan isu keselamatan/kawalan
- perilaku atau gaya berunsur provokasi, mencemuh atau menghasut
- menutupi kepala atau muka menggunakan topeng atau item seumpamanya
- menanggalkan baju atau menutupi kepala dengan baju

Melambat-lambatkan permulaan semula permainan

Pengadil mesti memberi amaran kepada pemain yang melambat-lambatkan permulaan semula seperti:

- tampil untuk membuat lontaran ke dalam tetapi tiba-tiba meninggalkannya untuk dilakukan oleh rakan
- berlengah meninggalkan padang permainan semasa penggantian
- melambatkan permulaan semula permainan secara keterlaluan
- menyepak atau menjauhkan bola, atau melakukan provokasi untuk konfrontasi dengan sengaja menyentuh bola setelah pengadil memberhentikan permainan
- membuat sepakan percuma di tempat yang salah bagi tujuan sepakan semula

Kesalahan perintah keluar

Pemain, pengganti atau pemain yang diganti yang melakukan kesalahan berikut akan diperintah keluar

- menggagalkan gol pihak lawan atau peluang jelas menjaringkan gol dengan sengaja memegang bola (kecuali penjaga gol di dalam kawasan penaltinya)
- menggagalkan gol atau peluang jelas menjaringkan gol pemain lawan di mana keseluruhan pergerakannya menuju ke gol pertahanan menerusi kesalahan yang dihukum dengan sepakan percuma (kecuali seperti dinyatakan di bawah)
- bermain dengan amat kasar
- menggigit atau meludah terhadap seseorang
- berkelakuan ganas
- menggunakan perkataan sumbang, menghina atau bahasa kesat dan/ atau perlakuan
- menerima amaran kedua dalam perlawanan yang sama
- menceroboh bilik operasi video (VOR)

Pemain, pengganti atau pemain yang diganti yang telah diperintah keluar mesti meninggalkan kawasan teknikal dan persekitaran padang

Menggagalkan gol atau peluang jelas menjaringkan gol

Apabila seseorang pemain menggagalkan gol atau peluang jelas menjaringkan gol dengan kesalahan memegang bola, pemain tersebut mesti diperintah keluar walau di mana saja kesalahan itu berlaku.

Apabila pemain melakukan kesalahan ke atas lawannya di dalam kawasan penaltinya yang menggagalkan peluang jelas menjaringkan gol dan pengadil memberikan sepakan

penalti, pemain yang bersalah diberi amaran jika kesalahan berkenaan adalah percubaan memainkan bola; bagi keadaan lain (spt. memegang, menarik, menolak, tiada peluang memainkan bola dll.) pemain bersalah mesti diperintah keluar.

Pemain, pemain yang diperintah keluar, pengganti atau pemain yang digantikan yang memasuki padang permainan tanpa kebenaran pengadil dan mengganggu permainan atau pemain lawan dan menggagalkan gol pihak lawan atau peluang jelas menjaringkan gol adalah melakukan kesalahan perintah keluar.

Perkara berikut mesti diberi pertimbangan:

- jarak di antara tempat kesalahan dengan gol
- keseluruhan arah tuju permainan
- kemungkinan memperoleh atau mengawal bola
- lokasi dan bilangan pemain pertahanan

Bermain dengan amat kasar

Takel atau cabaran yang membahayakan keselamatan pemain lawan atau menggunakan daya yang berlebihan atau brutal mesti dihukum sebagai bermain dengan amat kasar.

Mana-mana pemain yang menerjah terhadap pihak lawan semasa mencabar bola dari hadapan, dari sisi atau dari belakang menggunakan sebahagian atau kedua-dua kakinya, dengan daya yang berlebihan atau membahayakan keselamatan pemain lawan adalah bersalah kerana bermain dengan amat kasar.

Berkelakuan ganas

Berkelakuan ganas apabila pemain menggunakan atau cuba menggunakan daya yang berlebihan atau brutal ke atas pihak lawan ketika tidak mencabar untuk memainkan bola, atau ke atas rakan sepasukan, pegawai pasukan, pegawai perlawanan, penonton atau orang lain, tanpa mengendahkan sentuhan.

Sebagai tambahan, seorang pemain, ketika tidak mencabar untuk bola, dengan sengaja memukul pemain lawan atau orang lain pada bahagian kepala atau muka menggunakan tangan atau lengan, adalah bersalah kerana berkelakuan ganas kecuali daya yang digunakan boleh diabaikan.

Pegawai pasukan

Bila berlaku sesuatu kesalahan dan pesalah tidak dikenal pasti, jurulatih paling kanan yang berada di kawasan teknikal akan menerima hukuman

Amaran lisan

Senarai kesalahan berikut kebiasaannya akan disusuli dengan amaran lisan; kesalahan berulang-ulang atau keterlaluan akan dihukum dengan amaran (YC):

- memasuki padang permainan secara aman/ tanpa perlakuan konfrontasi
- gagal bekerjasama dengan pegawai perlawanan cth. mengabaikan arahan / permintaan penolong pengadil atau pegawai keempat
- membantah di tahap rendah terhadap sesuatu keputusan (sama ada perkataan atau perbuatan)
- sering meninggalkan kawasan teknikal tanpa melakukan kesalahan lain

Amaran (YC)

Kesalahan amaran meliputi (ia tidak terhad):

- jelas/berulang-ulang melepasi sempadan kawasan teknikal pasukannya
- melengahkan permulaan semula pasukannya
- sengaja mencero boh ke kawasan teknikal pihak lawan (tanpa konfrontasi)
- membantah dengan perkataan atau perbuatan termasuk:
 - melontar/menyepak botol minuman atau objek lain
 - perlakuan yang menunjukkan kurang rasa hormat terhadap pegawai perlawanan cth. tepukan sarkastik
- mencero boh kawasan *referee review area (RRA)*
- menunjukkan isyarat kad merah atau kad kuning secara keterlaluan/berulang
- menunjukkan "isyarat skrin TV" untuk *VAR review* secara keterlaluan
- perlakuan yang provokatif yang mewujudkan perilaku hasutan
- mengulangi perlakuan yang dilarang (termasuk kesalahan amaran lisan)
- kurang rasa hormat terhadap perlawanan

Perintah keluar

Kesalahan perintah keluar meliputi (tetapi ia tidak terhad):

- melengahkan permulaan semula pasukan lawan cth. memegang bola, menyepak jauh bola, menghalang pergerakan pemain,
- sengaja meninggalkan kawasan teknikal untuk:
 - membantah, atau memprotes terhadap pegawai perlawanan
 - perlakuan provokatif atau hasutan

- mencero boh ke kawasan teknikal pihak lawan secara agresif atau melakukan konfrontasi
- sengaja melontar/menyepak objek ke dalam padang permainan
- mencero boh ke dalam padang permainan untuk:
 - berkonfrontasi dengan pegawai perlawanan (termasuk di separuh masa dan sepenuh masa)
 - mengganggu permainan, pemain lawan atau pegawai perlawanan
- mencero boh *video operation room (VOR)*
- secara fizikal atau perlakuan agresif (termasuk meludah atau menggigit) terhadap pemain lawan, pengganti, pegawai pasukan, pegawai perlawanan, penonton atau orang lain (cth. pemungut bola, pihak keselamatan atau pegawai pertandingan dll)
- menerima amaran kedua di dalam perlawanan yang sama
- menggunakan perkataan sumbang, menghina atau bahasa kesat dan/atau perlakuan
- menggunakan peranti elektronik atau alat komunikasi dan/atau bertindak keterlaluan akibat impak penggunaan alat elektronik atau komunikasi
- berkelakuan ganas

Kesalahan apabila objek (atau bola) dilontar

Bagi semua keadaan, pengadil akan mengambil tindakan yang sewajarnya:

- melulu – amaran kepada pesalah kerana berkelakuan tidak bersemangat sukan
- menggunakan daya yang berlebihan – perintah keluar kerana berkelakuan ganas

4. Permulaan semula permainan setelah kesalahan dan kelakuan tidak sopan

Jika bola di luar permainan, permainan dimulakan mengikut keadaan keputusan sebelumnya.

Jika bola di dalam permainan dan pemain melakukan kesalahan fizikal di dalam padang permainan terhadap:

- pihak lawan – sepakan percuma terus atau tidak terus atau sepakan penalti
- rakan sepasukan, pengganti, pemain yang diganti atau pemain yang diperintah keluar, pegawai pasukan atau pegawai perlawanan – sepakan percuma terus atau sepakan penalti

Semua kesalahan lisan dihukum dengan sepakan percuma tidak terus.

Jika pengadil menghentikan permainan atas kesalahan yang dilakukan oleh pemain, di dalam atau di luar padang permainan, terhadap anasir luar, permainan dimulakan semula dengan jatuhan bola, kecuali sepakan percuma diberikan kerana meninggalkan padang permainan tanpa kebenaran pengadil.

Jika, bola di dalam permainan:

- seorang pemain melakukan kesalahan ke atas pegawai perlawanan atau pemain lawan, pengganti, pemain yang diganti, pemain yang diperintah keluar, atau pegawai pasukan di luar padang permainan, atau
- pengganti, pemain yang diganti atau pemain yang diperintah keluar atau pegawai pasukan melakukan kesalahan atau mengganggu pemain lawan atau pegawai perlawanan di luar padang permainan,

permainan dimulakan dengan sepakan percuma di atas garisan sempadan terhampir dengan tempat kesalahan/gangguan berlaku; bagi kesalahan sepakan percuma terus, sepakan penalti diberikan jika ia berlaku di sekitar kawasan penalti pemain yang bersalah.

Jika kesalahan berlaku di luar padang permainan oleh seorang pemain ke atas pemain, pengganti, pemain yang telah diganti atau pegawai pasukannya sendiri, permainan dimulakan semula dengan sepakan percuma tidak terus di garisan sempadan yang terhampir dengan tempat berlaku.

Jika pemain melakukan sentuhan ke atas bola menggunakan objek (cth. kasut, *shinguard*, dll) yang dipegang dengan tangannya, permainan dimulakan semula dengan sepakan percuma terus (atau sepakan penalti).


Jika pemain yang berada di dalam atau di luar padang permainan melontar atau menyepak objek (selain bola perlawanan) terhadap pihak lawan, atau melontar, atau menyepak objek (termasuk bola) pengganti pasukan lawan, pemain yang telah diganti atau pemain yang diperintah keluar, pegawai pasukan, atau pegawai perlawanan, atau bola perlawanan, permainan dimulakan semula dengan sepakan percuma terus dari posisi di mana objek mengenai atau mungkin mengenai seseorang atau bola. Jika posisi berkenaan di luar padang permainan, sepakan percuma dilakukan di lokasi terhampir pada garisan sempadan; sepakan penalti diberikan jika ianya berlaku di dalam kawasan penalti pasukan yang bersalah.

Jika seorang pengganti, pemain yang diganti atau pemain yang diperintah keluar, pemain yang digantung sementara atau pegawai pasukan, melontar atau menyepak objek ke dalam padang permainan dan ianya mengganggu permainan, pemain lawan atau pegawai perlawanan, permainan dimulakan semula dengan sepakan percuma terus (atau sepakan penalti) di mana objek mengganggu permainan atau mengenai atau mungkin mengenai pemain lawan, pegawai perlawanan atau bola.



Undang-Undang

13



Sepakan Percuma

1. Jenis-jenis sepakan percuma

Sepakan percuma terus dan tidak terus diberikan kepada pasukan lawan pemain, pengganti, pemain yang diganti atau pemain yang diperintah keluar, atau pegawai pasukan yang melakukan kesalahan.

Isyarat sepakan percuma tidak terus

Pengadil memberi isyarat sepakan percuma tidak terus dengan mengangkat lengan melepasi kepala; isyarat ini kekal sehingga sepakan berkenaan diambil dan bola disentuh oleh pemain lain atau keluar dari padang permainan atau ianya jelas bahawa gol tidak dapat dijaringkan secara terus.

Sepakan percuma tidak terus mesti diambil semula sekiranya pengadil gagal memberi isyarat bahawa ianya sepakan percuma tidak terus dan bola disepak terus masuk ke gol.

Bola masuk ke gol

- jika sepakan percuma terus, disepak terus ke gol lawan, gol dikira
- jika sepakan percuma tidak terus disepak terus ke gol lawan, sepakan gol diberi
- jika sepakan percuma terus atau tidak terus disepak terus ke gol sendiri, sepakan penjuru diberi

2. Prosedur

Semua sepakan percuma diambil dari tempat di mana kesalahan berlaku, kecuali:

- sepakan percuma tidak terus kepada pasukan penyerang untuk kesalahan yang berlaku di dalam kawasan gol pasukan lawan adalah diambil dari atas garisan kawasan gol terhampir yang selari dengan garisan gol
- sepakan percuma oleh pasukan bertahan di dalam kawasan golnya sendiri boleh di ambil dari mana-mana bahagian dalam kawasan tersebut

- sepakan percuma bagi kesalahan pemain masuk, masuk semula atau keluar dari padang permainan tanpa kebenaran pengadil adalah dilakukan dari posisi bola berada ketika permainan dihentikan. Namun, jika pemain melakukan kesalahan di luar padang permainan, permainan dimulakan semula dengan sepakan percuma di atas garisan sempadan berhampiran dengan tempat kesalahan berlaku; bagi kesalahan sepakan percuma terus, satu sepakan penalti diberikan jika kesalahan berlaku di sekitar kawasan penalti pihak bertahan
- Undang-undang menghuraikan posisi lain (rujuk Undang-Undang 3, 11, 12)

Bola:

- mesti dalam keadaan statik dan penendang tidak boleh menyentuh semula bola sehingga ianya disentuh oleh pemain lain
- dalam permainan setelah disepak dan jelas bergerak

Sehingga bola di dalam permainan, semua pemain lawan mestilah:

- sekurang-kurangnya 9.15 m (10 ela) dari bola, kecuali mereka berada di atas garisan gol sendiri di antara tiang-tiang gol
- di luar kawasan penalti untuk sepakan percuma di dalam kawasan penalti lawan

Apabila tiga atau lebih pemain pasukan bertahan membentuk benteng ('wall') semua pemain pasukan penyerang mesti berada sekurang-kurangnya 1 m (1 ela) dari benteng sehingga bola di dalam permainan.

Sepakan percuma boleh dilakukan dengan cara mencungkil bola dengan kaki atau kedua-dua kaki secara serentak.

Acakan semasa sepakan percuma bertujuan mengelirukan pihak lawan adalah dibenarkan sebagai sebahagian daripada permainan bola sepak.

Jika pemain, semasa melakukan sepakan percuma dengan betul, sengaja menendang bola kepada pemain lawan bertujuan untuk memainkannya semula bola tetapi tidak secara cuai, melulu atau menggunakan daya berlebihan, pengadil membenarkan permainan diteruskan.

3. Pelanggaran dan hukuman

Jika ketika sepakan percuma dilakukan, pemain lawan berada lebih hampir dari jarak yang sepatutnya ke bola, sepakan diambil semula kecuali terdapat advantej yang boleh diaplikasikan; tetapi pengadil akan membenarkan permainan diteruskan jika pemain mengambil sepakan dengan pantas dan pihak lawan yang jaraknya kurang dari 9.15 m (10 ela) dari bola, memintas sepakan tersebut. Bagaimanapun, pemain lawan yang sengaja menghalang sepakan percuma di ambil dengan pantas mesti diberi amaran kerana melambatkan permulaan semula permainan.

Jika, ketika sepakan percuma dilakukan, pemain pasukan penyerang yang berada kurang dari 1 m (1 ela) dari 'wall' yang dibentuk oleh tiga atau lebih pemain pasukan bertahan; sepakan percuma tidak terus diberikan.


Jika apabila sepakan percuma dilakukan oleh pasukan bertahan dari dalam kawasan penaltinya sendiri, mana-mana pemain lawan yang berada di dalam kawasan penalti kerana tidak sempat meninggalkannya, pengadil membenarkan permainan diteruskan. Jika pemain lawan yang berada di dalam kawasan penalti ketika sepakan percuma dilakukan, atau masuk ke dalam kawasan penalti sebelum bola dalam permainan, menyentuh atau mencabar untuk memainkan bola sebelum ianya berada dalam permainan, sepakan percuma dibuat semula.

Jika, selepas bola dalam permainan, penendang menyentuh semula bola sebelum disentuh oleh pemain lain, satu sepakan percuma tidak terus diberikan; jika penendang melakukan kesalahan memegang bola:

- sepakan percuma terus diberikan
- sepakan penalti diberi jika kesalahan berlaku di dalam kawasan penalti kecuali penendang adalah penjaga gol maka sepakan percuma tidak terus diberikan

Undang-Undang

14



Sepakan Penalti

Sepakan penalti diberikan jika pemain melakukan kesalahan yang dihukum dengan sepakan percuma terus di dalam kawasan penaltinya atau di luar padang sebagai sebahagian daripada permainan seperti yang digariskan dalam Undang-Undang 12 dan 13.

Gol boleh dijaringkan secara terus dari sepakan penalti.

1. Prosedur

Bola di dalam keadaan statik di tanda penalti, manakala tiang dan palang serta jaring mestilah tidak bergerak.

Pemain yang akan melakukan sepakan penalti mestilah jelas dikenal pasti.

Penjaga gol pasukan pertahanan mesti kekal di garisan gol, mengadap penendang, berada di antara tiang-tiang gol, tanpa menyentuh tiang atau palang gol atau jaring gol, sehingga bola disepak.

Pemain-pemain lain kecuali penendang dan penjaga gol mestilah:

- sekurang-kurangnya dari 9.15 m (10 ela) dari tanda penalti
- di belakang tanda penalti
- di dalam padang permainan
- di luar kawasan penalti

Setelah semua mengambil posisi menurut Undang-Undang, pengadil memberi isyarat untuk sepakan penalti diambil.

Pemain yang mengambil sepakan mesti menyepak bola ke hadapan; sepakan tumit (*backheeling*) adalah dibenarkan dengan syarat bola bergerak ke hadapan.

Ketika bola disepak, sekurang-kurangnya sebahagian daripada satu kaki penjaga gol pasukan bertahan mestilah menyentuh garisan atau sejajar dengan garisan gol.

Bola dalam permainan setelah disepak dan jelas bergerak.

Penendang tidak boleh memainkan bola kali kedua sebelum disentuh oleh pemain lain.

Sepakan penalti sempurna setelah bola berhenti bergerak, keluar dari permainan atau permainan dihentikan oleh pengadil kerana suatu kesalahan.

Tambahan masa adalah dibenarkan bagi menyempurnakan sepakan penalti di akhir setiap separuh masa atau masa tambahan. Semasa tambahan masa dilaksanakan, sepakan penalti dianggap sempurna, setelah bola disepak, bola berhenti bergerak, keluar dari permainan, dimainkan oleh mana-mana pemain (termasuk penendang) selain dari penjaga gol bertahan, atau pengadil memberhentikan permainan bagi kesalahan oleh penendang atau rakannya. Jika pemain pasukan bertahan (termasuk penjaga gol) melakukan kesalahan dan sepakan berkenaan tersasar/diselamatkan, sepakan penalti diambil semula.

2. Pelanggaran dan hukuman

Setelah pengadil memberi isyarat untuk sepakan penalti diambil, sepakan mesti dilakukan; jika sepakan tidak dilakukan, pengadil boleh mengambil tindakan disiplin sebelum memberi isyarat semula untuk sepakan dilakukan.

Jika, sebelum bola dalam permainan, salah satu perkara berikut berlaku:

- kesalahan oleh penendang atau rakan sepasukannya
 - jika bola masuk ke gol, sepakan dibuat semula
 - jika bola tidak masuk ke gol, pengadil menghentikan permainan dan mulakan semula dengan sepakan percuma tidak terus

kecuali bagi perkara-perkara berikut di mana permainan akan dihentikan dan dimulakan semula dengan sepakan percuma tidak terus, tanpa mengira gol dijaringkan atau tidak:

- sepakan penalti disepak ke belakang
- rakan sepasukan penendang yang dikenal pasti membuat sepakan; pengadil memberi amaran kepada pemain yang membuat sepakan
- membuat acahan untuk menyepak bola setelah penendang menamatkan larian (acahan semasa larian adalah dibenarkan); pengadil memberi amaran kepada penendang

- kesalahan oleh penjaga gol:
 - jika bola masuk ke gol, gol dibenarkan
 - jika bola tersasar dari gol atau melantun dari palang atau tiang gol, sepakan hanya dibuat semula jika kesalahan penjaga gol jelas memberi impak kepada penendang
 - jika bola dihalang dari memasuki gol oleh penjaga gol, sepakan dilakukan semula

Jika kesalahan oleh penjaga gol mengakibatkan sepakan perlu dilakukan semula, penjaga gol diberi amaran lisan bagi kesalahan pertama di dalam perlawanan dan amaran(YC) bagi kesalahan seterusnya di dalam perlawanan berkenaan

- kesalahan oleh rakan penjaga gol:
 - jika bola masuk ke gol, gol dibenarkan
 - jika bola tidak masuk ke gol, sepakan dilakukan semula
- pemain kedua-dua pasukan melakukan kesalahan, sepakan dilakukan semula kecuali pemain melakukan kesalahan yang lebih serius (cth. acahan yang tidak dibenarkan - *'illegal' feinting*)
- penjaga gol dan penendang melakukan kesalahan serentak, penendang diberi amaran (YC) dan permainan dimulakan semula dengan sepakan percuma tidak terus kepada pasukan bertahan

Jika, sepakan sepakan penalti diambil:

- penendang menyentuh semula bola sebelum disentuh oleh pemain lain:
 - sepakan percuma tidak terus (atau sepakan percuma terus jika kesalahan memegang bola) diberikan
- bola disentuh oleh anasir luar semasa ia bergerak ke hadapan:
 - sepakan dilakukan semula kecuali bola menuju ke gol dan gangguan berkenaan tidak menghalang penjaga gol atau pemain bertahan untuk memainkan bola, di mana gol dibenarkan jika bola masuk ke gol (walaupun berlaku sentuhan ke atas bola) kecuali gangguan tersebut dilakukan oleh pasukan penyerang

- bola melantun ke dalam padang permainan dari penjaga gol, atau palang gol atau tiang-tiang gol dan disentuh oleh anasir luar:
 - pengadil memberhentikan permainan
 - mulakan semula permainan dengan jatuhnya bola di tempat bola disentuh oleh anasir luar


3. Jadual ringkasan

Hasil sepakan penalti		
	Gol	Tidak Goal
Serbuan oleh pemain penyerang	Sepakan semula	Sepakan percuma tidak terus
Serbuan oleh pemain pertahanan	Gol	Sepakan semula
Serbuan oleh pemain penyerang dan pertahanan	Sepakan semula	Sepakan semula
Kesalahan penjaga gol	Gol	Tidak diselamatkan: sepakan tidak dibuat semula (kecuali penendang terkesan dengan impak oleh PG) Diselamatkan: sepakan semula dan amaran lisan kepada PG; amaran (YC) bagi kesalahan seterusnya
Penjaga gol dan penendang melakukan kesalahan serentak	Sepakan percuma tidak terus dan amaran kepada penendang	Sepakan percuma tidak terus dan amaran kepada penendang
Bola disepak ke belakang	Sepakan percuma tidak terus	Sepakan percuma tidak terus
'Illegal' feinting	Sepakan percuma tidak terus dan amaran kepada penendang	Sepakan percuma tidak terus dan amaran kepada penendang
Wrong kicker	Sepakan percuma tidak terus dan amaran kepada <i>wrong kicker</i>	Sepakan percuma tidak terus dan amaran kepada <i>wrong kicker</i>



Undang-Undang

15



Lontaran ke Dalam

Lontaran ke dalam diberikan kepada pihak lawan pemain yang akhir sekali menyentuh bola apabila keseluruhan bola melintasi garisan tepi, di tanah atau di udara.

Gol tidak boleh dijangkau terus dari lontaran ke dalam:

- jika bola masuk ke gol lawan – sepakan gol diberikan
- jika bola masuk ke gol pelontar – sepakan penjurong diberikan

1. Prosedur

Semasa melakukan lontaran ke dalam, pelontar mesti:

- berdiri dan mengadap ke padang permainan
- sebahagian daripada kakinya di atas garisan atau di atas tanah di luar garisan tepi
- melontar bola dengan kedua-dua tangan dari belakang dan melalui atas kepala dari tempat bola keluar di garisan tepi

Semua pemain lawan mesti berdiri sekurang-kurangnya 2 m (2 ela) dari titik di garisan tepi, tempat di mana lontaran diambil.

Bola dikira dalam permainan sebaik sahaja ia masuk ke dalam padang permainan. Jika bola mencecah tanah sebelum masuk ke padang permainan, lontaran ke dalam dilakukan semula oleh pasukan yang sama dari tempat yang sama. Jika lontaran tidak dilakukan dengan sempurna, lontaran ke dalam akan dilakukan oleh pasukan lawan.

Jika pemain, semasa mengambil lontaran ke dalam dengan betul, sengaja melontar bola ke pemain lawan bertujuan untuk memainkannya semula tetapi tidak secara cuai, melulu atau menggunakan daya berlebihan, pengadil membenarkan permainan diteruskan.

Pelontar tidak boleh menyentuh bola semula sehingga ia disentuh oleh pemain lain.

2. Pelanggaran dan hukuman

Jika, setelah bola dalam permainan, pelontar menyentuh bola semula sebelum disentuh oleh pemain lain, satu sepakan percuma tidak terus diberi; jika pelontar melakukan kesalahan memegang bola:

- sepakan percuma terus diberikan
- sepakan penalti diberi jika kesalahan berlaku di dalam kawasan penalti pelontar kecuali bola dipegang oleh penjaga gol pasukan bertahan maka dalam kes ini sepakan percuma tidak terus diberikan

Pemain lawan yang secara tidak adil mengganggu atau mengadang pelontar (termasuk bergerak lebih dekat dari 2 m (2 ela) ke tempat di mana lontaran itu akan diambil) diberi amaran kerana tidak semangat sukan dan jika lontaran telah dilakukan maka sepakan percuma tidak terus diberikan.

Bagi lain-lain kesalahan, lontaran ke dalam dilakukan oleh pemain lawan.


FIFA WOMEN'S WORLD CUP FRANCE 2019™

UNIVERSITY OF CALIFORNIA

VISA

VISA





Undang-Undang

16

Sepakan Gol

Sepakan gol diberikan apabila keseluruhan bola melintasi garisan gol, di tanah atau di udara, yang mana akhir sekali sentuh pemain pasukan penyerang dan gol tidak dijaringkan.

Gol boleh dijaringkan secara terus dari sepakan gol, tetapi hanya terhadap pasukan lawan; jika bola terus masuk ke golnya sendiri (penendang) sepakan penjuror diberikan kepada pihak lawan.

1. Prosedur

- Bola mesti statik dan disepak dari mana-mana bahagian di dalam kawasan gol oleh pemain pasukan bertahan
- Bola dalam permainan apabila disepak dan jelas bergerak
- Pihak lawan mesti berada di luar kawasan penalti sehingga bola dalam permainan

2. Pelanggaran dan hukuman

Jika, selepas bola dalam permainan, penendang menyentuh bola semula sebelum disentuh oleh pemain lain, sepakan percuma tidak terus diberikan; jika penendang melakukan kesalahan memegang bola:

- sepakan percuma terus diberikan
- sepakan penalti diberi jika kesalahan berlaku di dalam kawasan penalti penendang kecuali penendang adalah penjaga gol maka dalam kes ini sepakan percuma tidak terus diberikan

Jika, apabila sepakan gol dilakukan, mana-mana pemain lawan yang berada di dalam dan tidak sempat untuk meninggalkan kawasan penalti, pengadil membenarkan permainan diteruskan. Sekiranya pemain lawan ini yang berada dalam kawasan penalti apabila sepakan gol dilakukan, atau memasuki kawasan penalti sebelum bola dalam permainan, menyentuh atau mencabar untuk bola sebelum bola dalam permainan, sepakan gol dilakukan semula.


Jika pemain memasuki kawasan penalti sebelum bola dalam permainan dan melakukan kekasaran atau dikasari oleh pemain lawan, sepakan gol dilakukan semula dan pemain yang bersalah boleh diberikan amaran atau perintah keluar tertakluk kepada kesalahannya.

Bagi lain-lain kesalahan sepakan gol dilakukan semula.



Undang-Undang

17



Sepakan Penjuru

Sepakan penjuru diberikan apabila keseluruhan bola melintasi garisan gol, di tanah atau di udara, yang mana akhir sekali disentuh oleh pemain pasukan bertahan dan gol tidak dijaringkan.

Gol boleh dijaringkan terus dari sepakan penjuru, tetapi hanya terhadap pasukan lawan; jika bola masuk terus ke gol penendang, sepakan penjuru diberikan kepada pihak lawan.

1. Prosedur

- Bola mesti diletakkan di kawasan penjuru yang hampir dengan tempat di mana bola melintasi garisan gol
- Bola mesti statik dan disepak oleh pemain pasukan penyerang
- Bola dalam permainan apabila disepak dan jelas bergerak; ianya tidak perlu keluar dari kawasan penjuru
- Tiang bendera penjuru tidak boleh dialihkan
- Pihak lawan mesti kekal sekurang-kurangnya 9.15 m (10 ela) dari lengkung penjuru sehingga bola dalam permainan

2. Pelanggaran dan hukuman


Jika, selepas bola dalam permainan, penendang menyentuh bola semula sebelum disentuh oleh pemain lain, sepakan percuma tidak terus diberikan; jika penendang melakukan kesalahan memegang bola:

- sepakan percuma terus diberikan
- sepakan penalti diberi jika kesalahan berlaku di dalam kawasan penalti penendang kecuali penendang adalah penjaga gol maka dalam kes ini sepakan percuma tidak terus diberikan

Jika pemain, semasa mengambil sepakan penjuru dengan betul, sengaja menyepak bola ke pemain lawan bertujuan untuk memainkannya semula tetapi tidak secara cuai, melulu atau menggunakan daya berlebihan, pengadil membenarkan permainan diteruskan.

Bagi lain-lain kesalahan sepakan penjuru dilakukan semula.





Protokol Video assistant referee (VAR)

Protokol – prinsip, praktikal dan prosedur

Protokol VAR, seboleh mungkin selaras dengan prinsip-prinsip dan falsafah Undang-Undang Permainan.

Penggunaan VAR hanya dibenarkan di mana pengelola perlawanan/pertandingan memenuhi keperluan Implementation Assistance and Approval Programme (IAAP) seperti yang ditetapkan dalam dokumen FIFA's IAAP, dan menerima kebenaran bertulis dari FIFA.

1. Prinsip

Penggunaan VAR dalam perlawanan adalah berdasarkan beberapa prinsip yang mesti dipatuhi bagi setiap perlawanan yang menggunakan VARs.

1. VAR adalah seorang pegawai perlawanan, yang bebas melakukan akses kepada rakaman perlawanan, boleh memberi bantuan kepada pengadil hanya bagi situasi **'kesilapan yang jelas dan nyata' (clear and obvious error)** atau **'gagal mengesan insiden yang serius' (serious missed incident)** berkaitan dengan:
 - a. **Gol / tidak gol**
 - b. **Penalti / tidak penalti**
 - c. **Kad merah secara terus** (bukan amaran kedua)
 - d. **Kesilapan identiti** (apabila pengadil memberi amaran atau perintah keluar kepada pemain yang silap dari pasukan yang bersalah)
2. Pengadil perlu sentiasa membuat keputusan, cth. pengadil ditegah memberi 'tiada keputusan' dan kemudiannya merujuk VAR untuk membuat keputusan; keputusan untuk meneruskan permainan setelah kesalahan yang didakwa dapat disemak semula.
3. Keputusan asal oleh pengadil tidak berubah melainkan semakan video jelas menunjukkan keputusan berkenaan adalah kesilapan yang jelas dan nyata.

4. Hanya pengadil yang boleh membuat permintaan *review*; VAR (dan pegawai perlawanan lain) hanya boleh mencadangkan '*review*' kepada pengadil.
5. Keputusan muktamad adalah tanggungjawab pengadil, sama ada berdasarkan informasi dari VAR atau setelah pengadil merujuk ***on-field review (OFR)***.
6. Tiada had masa dalam proses semakan kerana ketepatan adalah lebih penting dari kepantasan.
7. Semua pemain dan pegawai pasukan ditegah mengerumuni pengadil atau cuba mempengaruhinya jika sesuatu keputusan sedang disemak, proses semakan dan keputusan akhir.
8. Pengadil mestilah sentiasa dapat 'dilihat' semasa proses semakan untuk memastikan ketelusan.
9. Jika permainan diteruskan selepas kejadian yang kemudiannya disemak, tindakan disiplin yang diambil/diperlukan semasa tempoh selepas kejadian tidak dibatalkan, walaupun keputusan asalnya diubah (kecuali amaran/perintah keluar kerana menghentikan atau mengganggu suatu serangan yang baik atau *DOGSO*).
10. Jika permainan dihentikan dan telah dimulakan semula, pengadil ditegah membuat '*review*' kecuali bagi situasi kesilapan identiti atau kesalahan yang berpotensi diperintah keluar kerana berkelakuan ganas, meludah, menggigit atau serangan keterlaluan, menghina dan/atau perlakuan kesat.
11. Tempoh masa permainan sebelum dan selepas insiden yang boleh disemak tertakluk kepada Undang-Undang Permainan dan protokol VAR.
12. Oleh kerana VAR secara automatik melakukan '*check*' bagi semua situasi/keputusan, maka tiada keperluan bagi jurulatih atau pemain untuk membuat permintaan '*review*'.

2. Semakan keputusan/insiden yang mengubah keputusan perlawanan

Pengadil boleh menerima bantuan dari VAR hanya yang berkaitan bagi empat kategori perubahan keputusan perlawanan. Bagi semua situasi ini, penggunaan VAR hanya setelah pengadil melakukan keputusan (pertama / asal, termasuk meneruskan permainan), atau gagal mengesan insiden yang serius/tidak dilihat oleh pegawai perlawanan.

Keputusan asal pengadil tidak berubah kecuali terdapat 'kesilapan yang jelas dan nyata' (ini meliputi apa jua keputusan pengadil berdasarkan informasi daripada pegawai perlawanan lain, cth. ofsaid).

Kategori-kategori keputusan/insiden yang disemak dalam situasi ini ialah potensi 'kesilapan ketara dan jelas' atau 'kegagalan mengesan insiden serius', iaitu:

a. Gol/ tidak gol

- kesalahan pasukan penyerang semasa mengatur serangan atau menjaringkan gol (handball, kekasaran, ofsaid dll)
- bola keluar dari permainan sebelum gol dijaringkan
- keputusan gol/tidak gol
- kesalahan oleh penjaga gol dan/atau penendang semasa sepakan penalti atau serbuan oleh penyerang atau pertahanan yang seterusnya terlibat secara langsung selepas sepakan penalti melantun dari tiang, palang gol atau penjaga gol

b. Penalti /tidak penalti

- kesalahan pasukan penyerang semasa mengatur serangan hingga berlakunya insiden penalti (handball, kekasaran, ofsaid dll))
- bola keluar dari permainan sebelum insiden berlaku
- lokasi kesalahan (di dalam atau di luar kawasan penalti)
- keputusan penalti yang salah
- kesalahan penalti yang tidak dihukum

c. Kad merah secara terus (bukan amaran kedua)

- *DOGSO* (terutamanya posisi kesalahan dan pemain-pemain lain)
- bermain dengan amat kasar (atau cabaran melulu)
- berkelakuan ganas, menggigit atau meludah terhadap seseorang
- penggunaan serangan, menghina dan/atau perlakuan kesat

d. Kesilapan identiti (kad merah atau kad kuning)

Jika pengadil menghukum sesuatu kesalahan dan memberikan kad merah atau kad kuning kepada pemain yang salah oleh pasukan bersalah, identiti pesalah boleh disemak; kesalahan sebenar tidak boleh disemak melainkan ianya berkaitan jaringan gol, penalti atau kad merah secara terus.

3. Praktikal

Penggunaan VAR semasa perlawanan melibatkan susun atur praktikal berikut:

- VAR akan menonton perlawanan di *video operation room (VOR)* dibantu oleh *assistant VAR (AVAR)* dan *replay operator (RO)*
- Tertakluk kepada bilangan sudut pandang kamera (dan lain-lain pertimbangan) ianya mungkin melibatkan lebih dari seorang AVAR atau RO
- Hanya mereka yang dipertanggungjawabkan saja dibenarkan memasuki VOR atau berkomunikasi dengan VAR/AVAR/RO semasa perlawanan
- VAR punyai akses bebas untuk, dan mengawal ulang-tayang siaran rakaman TV
- VAR dihubungkan dengan sistem komunikasi yang digunakan oleh pegawai perlawanan dan boleh mendengar tentang apa saja yang diperkatakan; VAR hanya boleh berkomunikasi dengan pengadil dengan menekan butang (untuk mengelakkan gangguan kepada pengadil akan perbualan di dalam VOR)
- Jika VAR sibuk dengan urusan '*check*' atau '*review*', AVAR boleh berkomunikasi dengan pengadil, terutamanya apabila permainan perlu dihentikan atau untuk memastikan permainan tidak dimulakan semula
- Jika pengadil memutuskan untuk merujuk rakaman ulangan-tayang, VAR akan memilih sudut pandang/kederaan ulang-tayang yang terbaik; pengadil boleh membuat permintaan lain/sudut pandang tambahan/kederaan yang berbeza

4. Prosedur

Keputusan asal

- Pengadil dan lain-lain pegawai perlawanan mestilah sentiasa membuat keputusan awal (termasuk sebarang tingkah laku disiplin) seperti ianya tanpa VAR (kecuali bagi insiden yang 'gagal' dikesan)
- Pengadil dan lain-lain pegawai perlawanan ditegah daripada memberi 'tiada keputusan' kerana ini memperlihatkan peranan mereka 'lemah/ragu-ragu', terlalu kerap membuat '*review*' dan masalah yang signifikan jika berlaku kegagalan teknologi
- Hanya pengadil berhak membuat keputusan akhir; VAR juga mempunyai status yang sama seperti lain-lain pegawai perlawanan dan hanya membantu pengadil
- Melengahkan isyarat bendera/wisel bagi sesuatu kesalahan hanya dibenarkan bagi *situasi serangan yang jelas* apabila seseorang pemain dalam keadaan akan menjangkan gol atau gerakan ke dalam/menuju ke kawasan penalti lawan

- Jika seseorang penolong pengadil melengahkan isyarat bendera bagi sesuatu kesalahan, penolong pengadil mesti mengisyaratkan bendera jika pasukan penyerang menjaringkan gol, diberikan sepakan penalti, sepakan percuma, sepakan penjuru atau lontaran ke dalam, atau masih mempunyai penguasaan bola setelah serangan awal berakhir; bagi semua situasi lain, penolong pengadil sepatutnya membuat keputusan samada mengibarkan bendera atau sebaliknya, tertakluk kepada keperluan semasa perlawanan

Check

- VAR secara automatik melakukan '*check*' rakaman kamera TV bagi setiap potensi atau jaringan gol sebenar, keputusan/insiden penalti, atau kad merah secara terus atau kes kesilapan identiti, menggunakan pelbagai sudut pandang kamera dan kederasan ulang tayang
- VAR boleh melakukan semakan rakaman ulang tayang dalam kederasan normal dan/atau gerak perlahan tetapi, pada keseluruhannya gerak perlahan hanya bagi perkara fakta, cth. Posisi kesalahan/pemain, titik sentuh kesalahan fizikal dan memegang bola, bola keluar dari permainan (termasuk gol/tidak gol); kederasan normal sepatutnya digunakan bagi '*intensiti*' sesuatu kesalahan atau untuk memutuskan ianya adalah kesalahan memegang bola
- Jika '*check*' tidak menunjukkan '*kesilapan yang jelas dan nyata*' atau '*kegagalan mengesan insiden serius*', kebiasaannya tidak diperlukan untuk VAR berkomunikasi dengan pengadil – ini dianggap '*silent check*'; bagaimanapun, ianya kadangkala membantu pengadil/penolong pengadil dalam menguruskan pemain/perlawanan jika VAR pasti tiada '*kesilapan yang jelas dan nyata*' atau '*kegagalan mengesan insiden serius*' berlaku ,
- Jika permulaan semula permainan perlu dilengahkan untuk '*check*', pengadil akan memberi isyarat dengan jelas memegang peranti di telinga dan satu tangan lagi diunjurkan; isyarat ini mesti dikekalkan sehingga '*check*' selesai, ini untuk menunjukkan bahawa pengadil sedang menerima informasi (kemungkinan daripada VAR atau lain-lain pegawai perlawanan)
- Jika '*check*' mengesan kemungkinan berlaku '*kesilapan ketara dan jelas*' atau '*kegagalan mengesan insiden serius*', VAR akan menyampaikan informasi kepada pengadil yang akan memutuskan sama ada perlu atau tidak melakukan '*review*'

Review

- Pengadil boleh mulakan inisiatif '*review*' bagi insiden yang mempunyai potensi 'kesilapan jelas dan nyata' atau 'gagal mengesan insiden serius' apabila:
 - VAR (atau lain-lain pegawai perlawanan) mengesyorkan tindakan '*review*'
 - pengadil merasakan ada sesuatu yang serius yang 'gagal' dikesan'
- Jika permainan telah dihentikan, pengadil akan melengahkan permulaan semula permainan
- Jika permainan belum dihentikan, pengadil akan menghentikannya apabila bola berada di dalam zon/situasi neutral (kebiasaannya di dalam keadaan tiada gerakan serangan oleh mana-mana pasukan) dan mengisyaratkan 'signal TV'
- VAR akan memerihalkan kepada pengadil tentang apa yang dapat dilihat dalam ulang tayang TV dan pengadil seterusnya:
 - menunjukkan isyarat 'signal TV' (jika masih belum ditunjukkan) dan menuju ke RRA untuk melihat rakaman ulang tayang – '*on-field review*' (OFR) – sebelum membuat keputusan akhir. Lain-lain pegawai perlawanan tidak akan melihat rakaman ulang tayang kecuali, dalam situasi tertentu, atas permintaan pengadil *atau*
 - membuat keputusan muktamad berdasarkan persepsi pengadil sendiri serta informasi daripada VAR, dan, di mana bersesuaian, menerima maklumat daripada lain-lain pegawai perlawanan – VAR – hanya sekadar *review*
- Setelah selesai kedua-dua proses *review*, pengadil mesti segera menunjukkan isyarat 'signal TV' berserta keputusan akhir
- Bagi keputusan-keputusan yang subjektif, cth. intensiti kekasaran, gangguan semasa ofsaid, pertimbangan memegang bola, ketepatan adalah berdasarkan '*on-field review*' (OFR)
- Bagi keputusan yang jelas, cth. posisi pemain yang bersalah (ofsaid), titik sentuhan (*handball*/kekasaran), lokasi (di dalam atau di luar kawasan penalti), bola di dalam atau di luar permainan dll, semakan oleh VAR kebiasaannya adalah tepat tetapi penggunaan '*on-field review*' (OFR) boleh diguna pakai dalam menentukan keputusan jelas sekiranya ia dapat membantu pengurusan pemain/perlawanan atau membuat keputusan yang diterima bila 'keadaan memerlukan'. (cth. membuat keputusan bagi perlawanan penting pada akhir permainan).
- Pengadil boleh membuat permintaan untuk melihat sudut pandangan kamera yang berbeza/kederaan ulang tayang tetapi, secara umumnya, kederaan ulang

tayang hanya bagi situasi fakta, spt. posisi pesalah/pemain, titik sentuh bagi kesalahan fizikal dan memegang bola, bola di luar permainan (termasuk gol/tidak gol); kederasan normal digunakan bagi melihat 'intensiti' sesuatu kesalahan atau menentukan kesalahan memegang bola

- Bagi keputusan/insiden berkaitan jaringan gol, penalti/bukan penalti dan kad merah kerana menggagalkan peluang jelas menjaringkan gol (*DOGSO*), adalah diperlukan untuk membuat rujukan fasa serangan sesuatu permainan yang akan menjurus kepada keputusan/insiden; ini meliputi bagaimana pasukan penyerang memperoleh kawalan bola dalam permainan terbuka
- Undang-Undang Permainan tidak membenarkan keputusan permulaan semula (sepakan penjuru, lontaran ke dalam dll.) diubah setelah permainan dimulakan semula, dengan demikian ianya tidak dapat disemak
- Jika permainan telah dihentikan dan dimulakan semula, pengadil hanya boleh membuat tindakan '*review*', dan melaksanakan tindakan disiplin, bagi situasi salah identiti atau bagi kesalahan yang ada potensi diperintah keluar seperti, meludah berkelakuan ganas, menggigit atau serangan keterlaluan, menghina dan/atau perlakuan kesat
- Proses semakan perlu dilaksanakan dengan seberapa efisien yang boleh, namun ketepatan keputusan akhir adalah lebih utama berbanding membuat keputusan pantas. Oleh itu, dan dengan pelbagai situasi yang kompleks melibatkan beberapa semakan semula keputusan/insiden, maka tiada had masa bagi proses semakan

Keputusan akhir

- Setelah proses *review* selesai, pengadil mestilah menunjukkan isyarat 'signal TV' dan menyampaikan keputusan akhir
- Pengadil seterusnya mengambil tindakan/mengubah/membatalkan sebarang tindakan disiplin (yang bersesuaian) dan memulakan semula permainan berdasarkan Undang-Undang Permainan

Pemain, pengganti dan pegawai pasukan

- VAR akan membuat '*check*' secara automatik kesemua situasi/insiden, tiada keperluan bagi jurulatih atau pemain melakukan permintaan '*check*' atau '*review*'
- Pemain, pengganti dan pegawai pasukan tidak boleh cuba mempengaruhi atau mengganggu proses *review*, termasuk ketika keputusan akhir dikomunikasi
- Semasa proses semakan, pemain harus kekal di dalam padang permainan; pengganti dan pegawai pasukan mesti kekal di luar padang permainan

- Pemain/pengganti/pemain yang diganti/pegawai pasukan yang menunjukkan isyarat 'signal TV' secara keterlaluan atau menceroboh kawasan RRA akan diberi amaran
- Pemain/pengganti/pemain yang diganti/pegawai pasukan yang menceroboh bilik VOR akan diperintah keluar

Kesahan perlawanan

Secara prinsipnya, perlawanan tidak dibatalkan kerana:

- kepincangan teknologi VAR (seperti *goal line technology (GLT)*)
- keputusan yang salah melibatkan VAR (kerana VAR adalah pegawai perlawanan)
- keputusan untuk tidak melakukan 'review' insiden
- *review(s)* bagi situasi/insiden yang tidak perlu 'review'

Ketidakupayaan VAR, AVAR atau replay operator (RO)


Undang-Undang 6 – Lain-Lain Pegawai Perlawanan menyatakan: "Peraturan pertandingan mesti menyatakan dengan jelas, pegawai perlawanan yang akan menggantikan pegawai lain jika beliau tidak dapat bertugas atau meneruskan tugas dan lain pertukaran yang berkaitan. " Di dalam perlawanan yang menggunakan VAR, ianya juga terpakai bagi RO.

Latihan khusus dan kelayakan khas adalah diperlukan sebagai seorang *video match official* (VMO)/RO maka prinsip berikut mesti disertakan dalam peraturan pertandingan:

- VAR, AVAR atau RO yang tidak dapat bertugas atau gagal meneruskan tugas boleh diganti oleh seseorang yang memenuhi syarat untuk peranan itu
- Jika tiada pengganti yang berkelayakan untuk peranan VAR atau RO*permainan mesti diteruskan/disambung tanpa penggunaan VARs
- Jika tiada pengganti yang berkelayakan untuk peranan AVAR,* permainan mesti diteruskan/disambung tanpa penggunaan VARs kecuali, pengecualian bagi situasi tertentu, kedua-dua pasukan bersetuju secara bertulis bahawa perlawanan boleh diteruskan/disambung hanya dengan penggunaan VAR dan RO

*Ini tidak terpakai bila mana terdapat lebih dari seorang AVAR/replay operator.





FIFA Quality Programme

FIFA Quality Programme

FIFA Quality Programme menetapkan kriteria, berdasarkan kajian yang terperinci, untuk produk, permukaan permainan dan teknologi yang digunakan dalam bola sepak. Sebagai syarat tambahan kepada kualiti mandatori dalam beberapa bidang pengaplikasian, cadangan yang seragam ditawarkan untuk perkara-perkara lain, dengan mengambil kira pihak penganjur pertandingan akan dapat menentukan peraturan pertandingan mereka sendiri.

Institut pengujian bebas mengesahkan fungsi produk, permukaan permainan dan teknologi mengikut standard masing-masing. Institut yang menjalankan ujian ini adalah tertakluk kepada kelulusan FIFA. Tanda kualiti berikut mengenal pasti produk berkenaan, permukaan padang permainan dan teknologi yang diuji dan disahkan mengikut keperluan yang ada .



FIFA Basic*

Keperluan ujian untuk standard ini dirancang bagi mengenal pasti produk yang memenuhi kriteria prestasi asas, ketepatan, keselamatan dan ketahanan untuk bola sepak. Tumpuannya adalah untuk menetapkan standard minimum sambil memastikan kemampuan untuk digunakan di semua peringkat permainan.

FIFA Quality

Keperluan ujian menekankan ketahanan dan keselamatan produk, permukaan permainan dan teknologi lebih daripada standard FIFA Basic. Kriteria prestasi dan ketepatan asas diuji, tetapi fokus utama adalah memastikan penggunaannya meluas.

FIFA Quality Pro


Penekanan syarat ujian adalah pada prestasi, ketepatan dan keselamatan kelas pertama. Produk, permukaan permainan dan teknologi dengan tanda kualiti ini direka untuk prestasi dan penggunaan optimum pada tahap tertinggi.



Untuk maklumat lebih lanjut mengenai *FIFA Quality Programme*, setiap standard dan produk yang diperakui, permukaan dan teknologi permainan, lawati **<https://football-technology.fifa.com>**

* FIFA Basic akan menggantikan *International Match Standard (IMS)*. Bola dan permukaan permainan yang diuji mengikut standard sebelumnya tetap layak digunakan sehingga tempoh pensijilannya tamat





Pindaan Undang-Undang **2021/22**

Ringkasan Pindaan Undang-Undang

Dengan ini digariskan pindaan utama/klarifikasi.

Pindaan yang merangkumi lebih dari satu Undang-Undang

Nota Undang-Undang Permainan (semua Undang-Undang) – unit metric

- Klarifikasi bahawa, jika terdapat perbezaan antara unit metrik dan imperial, unit metrik adalah sah

Undang-Undang 4, 5, 12 dan protokol VAR – tingkah laku tidak sopan yang tidak ganas

- Untuk membenarkan beberapa tingkah laku tidak ganas yang tidak wajar tetapi dianggap 'menyinggung perasaan, menghina atau kasar' dan mengakibatkan diperintah keluar, 'kelakuan/tindakan' menggantikan 'gerak isyarat/isyarat' dalam deskripsi yang relevan

Undang-Undang 1, 2 dan 4 – FIFA Quality Programme

- Maklumat mengenai *FIFA Quality Programme* sekarang disertakan setelah protokol VAR - perincian telah dikeluarkan dari teks Undang-Undang

Pindaan Undang-Undang (mengikut aturan Undang-Undang)

Undang-Undang 1 – Padang Permainan

- Tiang dan palang gol (dan gol) mesti sama bentuk
- Isyarat GLT boleh dihantar ke bilik *video operation room* (VOR)

Undang-Undang 6 – Lain-Lain Pegawai Perlawanan

- Kini terdapat senarai *FIFA international video match officials* (VMOs)

Undang-Undang 7 – Jangka Masa Permainan

- Masa pemberhentian berkait dengan masa bermain yang 'terbuang'

Undang-Undang 11 – Ofsaid

- Disertakan dalam Undang-Undang 12 definisi di mana lengan berakhir (bawah ketiak - *armpit*) untuk tujuan menentukan posisi ofsaid/onside

Undang-Undang 12 – Kesalahan dan Kelakuan Tidak Sopan

- Memegang Bola:
 - Bukan setiap sentuhan bola dengan tangan/lengan adalah suatu kesalahan
 - Posisi tangan/lengan pemain harus dinilai berdasarkan pergerakan badan mereka dalam situasi tertentu
 - Memansuhkan memegang bola secara tidak sengaja oleh penyerang merujuk kepada 'rakan sepasukan' dan 'menghasilkan satu peluang menjaringkan gol'
- Kesalahan melakukan 'muslihat' bertujuan mempersendakan Undang-Undang oleh penjaga gol dengan memegang bola yang jelas disepak oleh rakan, kini terpakai bagi situasi sepakan gol; pesalah akan diberi amaran (YC)
- Sepakan percuma/sepakan penalti hanya dapat diberikan kerana kesalahan terhadap seseorang dalam senarai pasukan atau pegawai perlawanan

Protokol VAR

- Kebenaran bertulis bagi penggunaan VARs hanya diperlukan daripada FIFA
- Prinsip telah dimuktamadkan bagi senario kegagalan *Video Match Officials (VMO)* atau *replay operator (RO)* memulakan atau meneruskan permainan



Perincian semua pindaan Undang-Undang

Berikut ini adalah pindaan pada Undang-Undang Permainan untuk edisi 2021/22. Bagi setiap pindaan, perkataan baru/diubah/tambahan disertakan, bersama dengan kata-kata lama, jika sesuai - diikuti dengan penjelasan mengenai pindaan tersebut.

Pindaan melibatkan lebih daripada satu Undang-Undang

Nota Undang-Undang Permainan (semua Undang-Undang) – unit metrik (p.17)

Bahasa lain

(...)

Ukuran

Jika terdapat sebarang keraguan di antara sistem metrik dan imperial, maka unit metrik adalah diutamakan.

Undang-Undang 4, 5, 12 dan Protokol VAR – tingkah laku tidak sopan yang tidak wajar

Bagi membenarkan tingkah laku tidak sopan yang tidak wajar (cth. menyentuh orang lain secara ofensif) dianggap sebagai ‘menyinggung, menghina atau kesat’ dan dihukum perintah keluar, ‘perlakuan/tindakan’ menggantikan ‘gerak laku/isyarat’ dalam undang-undang berikut:

Undang-Undang 4 – Peralatan Pemain

- 5. Slogan, kenyataan, imej dan iklan – Tafsiran Undang-Undang

Undang-Undang 5 – Pengadil

- 4. Video assistant referee (VAR) – Semakan selepas permainan dimulakan semula

Undang-Undang 12 – Kesalahan dan kelakuan tidak sopan

- 2. Sepakan percuma tidak terus

- 3. Tindakan disiplin – Meraikan jaringan gol
- 3. Tindakan disiplin – Kesalahan perintah keluar
- 3. Tindakan disiplin – Pegawai pasukan

Protokol video assistant referee (VAR)

- 1. Prinsip
- 2. Semakan keputusan/insiden yang mengubah keputusan perlawanan
- 4. Prosedur

Undang-Undang 1, 2 and 4 –Program FIFA Quality

Terdapat bahagian baharu yang menghuraikan *Program FIFA Quality* (FQP). Beberapa perincian mengenai FQP dan yang berkaitan dengan standard telah dimansuhkan daripada Undang-Undang supaya sebarang perubahan masa hadapan berkaitan FQP tidak memerlukan perubahan Undang-Undang. Hasil pindaan adalah seperti berikut:

Undang-Undang 1 – Padang Permainan (p.31)

1. Permukaan padang

Pindaan teks

Apabila permukaan artifisial digunakan di dalam pertandingan dalam kalangan pasukan kebangsaan yang bergabung dengan FIFA atau perlawanan kelab antarabangsa, ianya mestilah memenuhi piawaian *FIFA Quality Programme for Football Turf* ~~atau the International Match Standard~~, kecuali pengecualian khas diberikan oleh IFAB.

Undang-Undang 1 – Padang Permainan (p.36 dan 38)

11. Goal line technology (GLT)

Pindaan teks

Sistem GLT boleh digunakan untuk mengesahkan gol telah dijangkau bagi menyokong keputusan pengadil.

~~Sekiranya GLT digunakan, modifikasi kerangka gol adalah dibenarkan selaras dengan spesifikasi FIFA Quality Programme for GLT dan Undang-Undang Permainan. Penggunaan GLT mesti dinyatakan dalam peraturan pertandingan. (...)~~

Keperluan dan spesifikasi GLT

Sekiranya GLT digunakan dalam pertandingan, pengelola pertandingan perlu memastikan sistem berkenaan (meliputi modifikasi yang dibenarkan bagi kerangka gol atau teknologi di dalam bola) ~~adalah mencapai salah satu paksi berikut:~~ memenuhi keperluan oleh FIFA Quality Programme for GLT

.

- ~~FIFA Quality PRO~~
- ~~FIFA Quality~~
- ~~IMS – INTERNATIONAL MATCH STANDARD~~

~~Sebuah badan bebas mesti mengesahkan ketepatan dan kefungsiannya pelbagai pembekal sistem teknologi selaras dengan FIFA Quality Programme for GLT Testing Manual. Di mana GLT digunakan, pengadil perlu menguji kefungsiannya sistem teknologi sebelum perlawanan seperti yang termaktub dalam Manual Ujian. Jika teknologi berkenaan tidak berfungsi selaras dengan Manual Ujian, pengadil ditekankan menggunakan sistem GLT dan mesti melaporkannya kepada pihak yang berkuasa~~

~~Di mana GLT digunakan, pengadil mestilah menguji fungsi teknologi berkenaan sebelum perlawanan seperti terkandung di dalam Testing Manual.~~

Undang-Undang 2 – Bola (p.41)

1. Kualiti dan ukuran

Pindaan teks

Semua bola yang digunakan di dalam perlawanan rasmi di bawah naungan FIFA atau konfederasi mesti ~~tertakluk kepada perkara-perkara berikut~~ memenuhi piawaian dan mempunyai salah satu tandaan *FIFA Quality Programme for Football*.

Setiap tandaan menunjukkan (...) dan mesti diluluskan oleh The IFAB. ~~Badan yang menguruskan ujian adalah tertakluk kepada kelulusan FIFA..~~

~~Di mana goal line technology (GLT) digunakan, bola yang menggunakan teknologi gabungan mesti menggunakan salah satu tandaan yang disenaraikan..~~

Undang-Undang 4 – Peralatan pemain (p.55)

4. Peralatan lain

Electronic performance and tracking systems (EPTS)

Pindaan teks

Di mana pemakaian alatan teknologi (...) pengelola pertandingan mesti memastikan bahawa teknologi yang dipasang pada alatan pemain tidak berbahaya dan memenuhi ~~salah satu standard berikut. IMS (International Match Standard) keperluan pemakaian EPTS di bawah *FIFA Quality Programme for EPTS*.~~

~~Badan yang menguruskan ujian adalah tertakluk kepada kelulusan FIFA. (...)~~

~~Standard profesional telah dibangunkan oleh FIFA dan diluluskan oleh IFAB dengan tujuan *FIFA Quality Programme for EPTS* menyokong pengelola pertandingan (...)~~

~~Tandaan berikut menjelaskan EPTS (boleh pakai atau optikal) telah diuji secara rasmi dan memenuhi keperluan dan terma kebolehpercayaan dan ketepatan dalam penyataan data bola sepak.~~

Pindaan Undang-Undang (mengikut urutan)

Undang-Undang 1 – Padang Permainan (p.36)

10. Gol

Pindaan teks

Sesebuah gol terdiri dari (...) Tiang dan palang gol diperbuat daripada bahan yang diluluskan ~~hanya mestilah berbentuk segi empat sama, segi empat tepat, bulat, bujur atau kombinasi bentuk-bentuk berkenaan dan tidak berbahaya.~~ Tiang dan palang kedua-dua gol mesti sama bentuk iaitu sama ada berbentuk segi empat sama, segi empat tepat, bulat, bujur atau gabungan.

Adalah disarankan kesemua gol yang digunakan dalam perlawanan rasmi di bawah kelolaan FIFA atau konfederasinya mencapai keperluan *FIFA Quality Programme for Football Goals*.

Penerangan

- Tiang dan palang gol mestilah mempunyai bentuk yang sama; kedua-dua gol adalah sama.
- Rujukan kepada *FIFA Quality Programme for Football Goals* telah ditambah.

Undang-undang 1 – Padang Permainan (p.38)

11. Goal line technology (GLT)

Pindaan teks

Prinsip GLT

Indikator samada gol telah dijangkau mestilah pantas dan disahkan secara automatik dalam tempoh satu saat dengan sistem GLT dan hanya kepada pengadil (via: jam, gegaran dan isyarat visual); ia juga boleh dihantar ke *video operation room (VOR)*.

Penerangan

Di mana VAR digunakan, isyarat GLT boleh dihantar ke bilik operasi video (VOR).

Undang-undang 6 – Lain-lain Pegawai Perlawanan (p.69)

Pindaan teks

VAR dan AVAR adalah ‘*video match officials*’ (VMOs) dan membantu pengadil berdasarkan Undang-Undang Permainan dan protokol VAR seperti yang ~~dinyatakan oleh The IFAB.~~

Penerangan

Kini FIFA telah menyenaraikan pegawai video antarabangsa (International video match officials - VMO’s).

Undang-undang 7 – Jangka masa Permainan (p.77)

3. Peruntukan masa yang terbangung

Pindaan teks

Peruntukan hendaklah dibuat oleh pengadil pada setiap separuh masa untuk jumlah masa bermain yang terbangung melalui(...)

Penerangan

Penerangan sebagai penjelasan, contohnya berlaku suatu pemberhentian permainan di penghujung masa permainan dan ianya melebihi dari tempoh masa permainan sebenar, ‘tambahan masa’ (turut dipamerkan oleh pegawai ke-4) adalah tempoh baki masa permainan, ianya bukan tempoh masa pemberhentian.

Undang-Undang 11 – Ofsaid (p.93)

1. Posisi ofsaid

Pindaan teks

Bahagian tangan dan lengan semua pemain, termasuk penjaga gol tidak diambil kira. Bagi tujuan menentukan ofsaid, sempadan atas lengan ialah separas dengan bahagian bawah ketiak.

Penerangan

Bahagian bahu bukanlah komponen lengan bagi situasi *handball*. Maka ianya adalah anggota badan yang sah jika digunakan untuk menjaringkan gol dan perlu diberi pertimbangan ketika membuat penilaian ofsaid.

Undang-Undang 12 – Kesalahan dan Kelakuan Tidak Sopan (p.98)

1. Sepakan percuma terus

Pindaan teks

Sepakan percuma terus diberi jika pemain melakukan kesalahan berikut:

- (...)
- menggigit atau meludah seseorang yang tersenarai dalam senarai pasukan atau pegawai perlawanan

Penerangan

Sepakan percuma/sepakan penalti hanya diberikan bagi kesalahan terhadap seseorang di dalam senarai pasukan (pemain, pengganti, pemain yang diganti, pemain yang diperintah keluar dan pegawai pasukan) atau pegawai perlawanan.

Undang-Undang 12 – Kesalahan dan Kelakuan tidak sopan (p.98)

1. Sepakan percuma terus – Memegang bola

Teks asal (petunjuk dimansuhkan)

(...)

Adalah menjadi kesalahan apabila seseorang pemain:

- sengaja menyentuh bola dengan tangan/lengan, ~~termasuk~~ menggerakkan tangan/lengan kepada bola
- melakukan jaringan ke gol lawan secara terus dari tangan/lengan, walaupun secara tidak sengaja termasuk oleh penjaga gol
- setelah bola mengenai tangan/lengan pemain ~~atau rakannya~~ walaupun secara tidak sengaja, dan dengan serta-merta:
 - melakukan jaringan ke gol lawan
 - ~~mencetuskan peluang menjaringkan gol~~
- ~~menyentuh bola dengan tangan/lengan apabila:~~
 - ~~tangan/lengan menjadikan tubuh badan besar secara tidak natural~~
 - ~~tangan/lengan berada di atas paras bahu (melainkan pemain jelas memainkan bola) dan seterusnya bola mengenai tangan/lengan mereka)~~

~~Kesemua kesalahan di atas terpakai walaupun bola mengenai tangan/lengan pemain secara terus dari kepala atau badan (termasuk dari kaki) pemain lain yang berhampiran.~~

~~Pengecualian dari senarai kesalahan di atas, adalah tidak menjadi kesalahan jika bola mengenai tangan/lengan pemain:~~

- ~~terus dari kepala atau badan pemain sendiri (termasuk dari kaki)~~
- ~~terus dari kepala atau badan pemain lain (termasuk dari kaki) yang berhampiran~~
- ~~jika tangan/lengan adalah hampir kepada badan dan tidak menjadikannya dibesarkan secara tidak natural~~
- ~~sekiranya seseorang pemain jatuh dan kedudukan tangan/lengannya di bumi dengan tujuan menyokong badannya, tetapi ia tidak diunjurkan secara melintang atau menegak menjauhi badannya~~

Teks baru

(...)

Bukan semua sentuhan tangan/lengan pemain ke bola merupakan satu kesalahan.

Adalah menjadi kesalahan sekiranya pemain:

- sengaja menyentuh bola dengan tangan/lengan, contohnya menggerakkan tangan/lengan ke bola
- menyentuh bola dengan tangan/lengan bila mana mereka membesarkan tubuh secara tidak natural. Seseorang pemain dianggap membesarkan tubuh mereka secara tidak natural apabila posisi tangan/lengan adalah tidak perlu, atau tidak dapat dijustifikasikan dengan pergerakan tubuh mereka bagi situasi spesifik berkenaan. Posisi tangan/lengan yang sedemikian menjadikan pemain mengambil risiko tangan/lengan mereka terkena bola dan dihukum
- melakukan jaringan ke gol pihak lawan:
 - secara terus dari tangan/lengan walaupun secara tidak sengaja termasuk oleh penjaga gol
 - serta-merta setelah bola mengenai tangan/lengan walaupun tidak sengaja

Penerangan

- Bukan semua sentuhan di antara tangan/lengan dengan bola adalah satu kesalahan.
 - Pengadil mesti membuat penilaian 'kukuh' berhubung posisi tangan/lengan pemain adalah berkait dengan apa yang sedang dilakukan oleh pemain pada situasi berkenaan.
 - Sentuhan yang tidak sengaja oleh rakan sepasukan sebelum gol dijaringkan dan sentuhan tidak sengaja yang mencetuskan peluang menjaringkan gol telah dimansuhkan dari senarai kesalahan.
-

Undang-Undang 12 – Kesalahan dan Kelakuan tidak sopan (p.100 dan 104)

2. Sepakan percuma tidak terus

Pindaan teks

Sepakan percuma tidak terus diberikan jika pemain:

- (...)
 - merencanakan satu helah yang disengajakan untuk bola dihantar (termasuk dari satu sepakan percuma atau sepakan gol) kepada penjaga gol dengan menggunakan kepala, dada, lutut dan lain-lain dengan tujuan mempersendakan Undang-Undang, tanpa mengira sama ada penjaga gol menyentuh bola dengan tangan atau tidak; penjaga gol dihukum jika dia adalah perencana helah yang disengajakan itu
 - melakukan kesalahan lain (...)
- (...)

3. Tindakan disiplin - Amaran kerana berkelakuan tidak bersemangat sukan

Pindaan teks

Terdapat beberapa keadaan berbeza di mana pemain diberi amaran kerana berkelakuan tidak bersemangat sukan termasuk jika pemain:

- (...)
- ~~menggunakan~~ merencanakan helah dengan sengaja melakukan hantaran bola to-pass the ball (termasuk dari sepakan percuma atau sepakan gol) kepada penjaga gol menggunakan kepala, dada, lutut dll. untuk tujuan mempersendakan Undang-Undang, sama ada penjaga gol menyentuh bola dengan tangan atau tidak; penjaga gol diberi amaran jika menjadi perencana helah berkenaan

Penerangan

Kesalahan melakukan 'helah' untuk mempersendakan Undang-Undang bagi mengelak penjaga gol memegang bola yang sengaja disepak oleh rakan sepasukan kini juga terpakai semasa sepakan gol. Penjaga gol diberi amaran jika berperanan merencanakan 'helah' berkenaan

Undang-Undang 12 – Kesalahan dan Kelakuan tidak sopan (pp.109-110)

4. Permulaan semula selepas kesalahan dan kelakuan tidak sopan

Pindaan teks

Jika bola di dalam permainan dan pemain melakukan kesalahan fizikal di dalam padang permainan terhadap:

- pihak lawan – sepakan percuma terus atau tidak terus atau sepakan penalti
- rakan sepasukan, pengganti, pemain yang diganti atau pemain yang diperintah keluar, pegawai pasukan atau pegawai perlawanan – sepakan percuma terus atau sepakan penalti
- orang lain – jatuhnya bola

Semua kesalahan lisan dihukum dengan sepakan percuma tidak terus.

Jika pengadil menghentikan permainan atas kesalahan yang dilakukan oleh pemain, di dalam atau di luar padang permainan, terhadap anasir luar, permainan dimulakan semula dengan jatuhnya bola, kecuali sepakan percuma diberikan kerana meninggalkan padang permainan tanpa kebenaran pengadil.

Penerangan

Sepakan percuma/sepakan penalti hanya boleh diberikan bagi kesalahan terhadap seseorang dalam senarai pasukan (pemain, pengganti, pemain yang diganti, pemain yang diperintah keluar, pegawai pasukan) atau pegawai perlawanan. Jika permainan dihentikan kerana insiden yang melibatkan orang lain, binatang, objek, dsbg. (anasir luar), permainan dimulakan semula dengan jatuhnya bola, kecuali bila mana sepakan percuma diberikan kerana meninggalkan padang permainan tanpa kebenaran pengadil

Protokol video assistant referee (VAR) - (p.135)

Pindaan teks

Penggunaan VAR hanya dibenarkan di mana pengelola perlawanan/pertandingan memenuhi keperluan *Implementation Assistance and Approval Programme (IAAP)* protokol VAR dan implementasi seperti yang ditetapkan dalam ~~the VAR Handbook~~ dokumen FIFA's IAAP, dan menerima kebenaran bertulis dari ~~The IFAB~~ dan FIFA.

Penerangan

Kebenaran bertulis untuk menggunakan VAR hanya diperolehi daripada FIFA (rujuk Undang-Undang 5.4).

Protokol *video assistant referee* (VAR) - (p.142)

4. Prosedur

Pindaan teks

Ketidakupayaan VAR, AVAR atau replay operator (RO)

Undang-Undang 6 – Lain-Lain Pegawai Perlawanan menyatakan: "Peraturan pertandingan mesti menyatakan dengan jelas, pegawai perlawanan yang akan menggantikan pegawai lain jika beliau tidak dapat bertugas atau meneruskan tugas dan lain pertukaran yang berkaitan. " Di dalam perlawanan yang menggunakan VAR, ianya juga terpakai bagi RO

Latihan khusus dan kelayakan khas adalah diperlukan sebagai seorang *video match official* (VMO)/RO maka prinsip berikut mesti disertakan dalam peraturan pertandingan:

- VAR, AVAR atau RO yang tidak dapat bertugas atau gagal meneruskan tugas boleh diganti oleh seseorang yang memenuhi syarat untuk peranan itu
- Jika tiada pengganti yang berkeelayakan untuk peranan VAR atau RO*permainan mesti diteruskan/disambung tanpa penggunaan VARs
- Jika tiada pengganti yang berkeelayakan untuk peranan AVAR,* permainan mesti diteruskan/disambung tanpa penggunaan VARs kecuali, pengecualian bagi situasi tertentu, kedua-dua pasukan bersetuju secara bertulis bahawa perlawanan boleh diteruskan/disambung hanya dengan penggunaan VAR dan RO

*Ini tidak terpakai bila mana terdapat lebih dari seorang AVAR/replay operator

Penerangan

Sesebuah pertandingan mesti menyatakan di dalam peraturannya tentang prinsip-prinsip yang perlu diikuti jika *video match official* (VMO) atau *replay operator* (RO) tidak berupaya menjalankan tugas sebelum atau semasa permainan.

Glosari – Terminologi bola sepak (p.173)

Menyinggung, menghina atau bahasa/perlakuan kesat


Perlakuan lisan atau fizikal yang bersifat keterlaluan, menyakitkan hati, tidak menghormati: dihukum dengan perintah keluar (kad merah)

Glosari – Referee terms (p.179)

'Video' match officials (VMOs)

Adalah VAR dan AVAR yang membantu pengadil berdasarkan Undang-Undang Permainan dan protokol VAR.





Glosari

Glosari mengandung kata-kata/frasa yang memerlukan klarifikasi atau penjelasan di luar perincian kandungan Undang-Undang dan/atau yang tidak selalu mudah diterjemahkan ke bahasa lain.

Badan bola sepak

The IFAB – The International Football Association Board

Badan yang terdiri daripada empat FA Inggeris dan FIFA yang bertanggungjawab untuk Undang-undang Permainan di seluruh dunia. Pada prinsipnya, pindaan Undang-Undang hanya diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan yang biasanya diadakan pada bulan Februari atau Mac

FIFA – Fédération Internationale de Football Association

Badan yang bertanggungjawab untuk bola sepak di seluruh dunia

Konfederasi

Badan yang bertanggungjawab untuk bola sepak di benua. Enam konfederasi itu ialah AFC (Asia), CAF (Afrika), Concacaf (Amerika Utara, Tengah dan Caribbean), CONMEBOL (Amerika Selatan), OFC (Oceania) dan UEFA (Eropah)

Persatuan bola sepak kebangsaan

Badan yang bertanggungjawab untuk bola sepak di satu-satu negara

Istilah bola sepak

A

Abandon (Penangguhan)

Menghentikan/menamatkan perlawanan sebelum tamat masa perlawanan

Additional time (Masa tambahan)

Masa yang ditambah pada akhir setiap separuh masa permainan untuk menggantikan masa yang 'terbuang' kerana penggantian, kecederaan, tindakan disiplin, meraikan jaringan gol dll.

Advantage (Advantej)

Pengadil membenarkan permainan diteruskan apabila berlaku kesalahan sekiranya ini memberi kelebihan kepada pasukan yang tidak bersalah

Assessment of injured player (Menilai kecederaan pemain)

Pemeriksaan segera kecederaan, biasanya oleh pegawai perubatan, untuk menilai sama ada pemain memerlukan rawatan

Away goals rule (Peraturan jaringan tempat lawan)

Kaedah untuk menentukan pemenang perlawanan/seri apabila kedua-dua pasukan telah menjaringkan jumlah gol yang sama; gol dijaringkan di tempat lawan dikira dua kali ganda

B

Brutality (Brutal)

Perbuatan yang biadab, kejam atau ganas dengan sengaja

C

Caution (Amaran)

Tindakan disiplin yang dilaporkan kepada pihak berkuasa; diisyaratkan dengan menunjukkan kad kuning; dua amaran dalam perlawanan yang sama mengakibatkan pemain atau pegawai pasukan diperintah keluar

Challenge (Mencabar)

Tindakan ketika pemain mencabar/bersaing dengan lawan untuk bola

Charge (an opponent) (Merempuh (pemain lawan))

Cabaran fizikal terhadap pemain lawan, biasanya menggunakan bahu dan lengan atas (yang dirapatkan dengan badan)

'Cooling' break (Rehat kesegaran)

Demi kepentingan kesejahteraan dan keselamatan pemain, peraturan pertandingan boleh membenarkan, dalam keadaan cuaca tertentu (kelembapan dan suhu tinggi), rehat kesegaran (biasanya sembilan puluh saat hingga tiga minit) untuk membolehkan suhu badan turun; ini berbeza dengan selang rehat minum

D

Deceive (Memperdaya)

Bertindak untuk melakukan helah/memperdayakan pengadil agar memberikan keputusan yang tidak betul/tindakan disiplin yang menguntungkan pemain yang memperdaya/atau pasukan mereka

Deliberate (Sengaja)

Satu tindakan yang diniatkan/dimaksudkan oleh pemain; ia bukan 'refleks' atau reaksi yang tidak disengajakan

Direct free kick (Sepakan percuma terus)

Sepakan percuma di mana gol dapat dijaringkan dengan menyepak bola terus ke gol lawan tanpa perlu sentuhan pemain lain

Discretion (Budi bicara/kebijaksanaan)

Pertimbangan yang digunakan oleh pengadil atau pegawai perlawanan lain ketika membuat keputusan

Dissent (Membantah)

Bantahan umum atau tidak setuju (lisan dan/atau fizikal) dengan keputusan pegawai perlawanan dihukum dengan amaran (kad kuning)

Distract (Alih perhatian)

Mengganggu, mengelirukan atau menarik perhatian (biasanya secara tidak adil)

'Drinks' break (Selang rehat minum)

Peraturan pertandingan boleh membenarkan rehat 'minuman' (tidak lebih dari satu minit) untuk pemain menghidrasi semula; ini berbeza dengan rehat 'kesegaran'

Dropped ball (Jatuhan bola)

Satu kaedah untuk memulakan semula permainan - pengadil menjatuhkan bola kepada seorang pemain pasukan yang terakhir menyentuh bola (kecuali di dalam kawasan penalti di mana bola dijatuhkan untuk penjaga gol); bola dikira dalam permainan apabila menyentuh tanah

E

Electronic performance and tracking system (EPTS)

Sistem yang merekod dan menganalisis data mengenai prestasi fizikal dan fisiologi pemain

Endanger the safety of an opponent (Membahayakan keselamatan lawan)

Meletakkan pemain lawan dalam bahaya atau risiko (kecederaan)

Excessive force (Daya berlebihan)

Menggunakan daya/tenaga yang lebih dari sewajarnya

Extra time (Tambahan masa)

Kaedah untuk menentukan keputusan perlawanan yang melibatkan dua jangka masa permainan yang sama tidak melebihi 15 minit setiap satu

F

Feinting (Acahan)

Tindakan yang bertujuan mengelirukan pihak lawan. Undang-Undang menjelaskan acahan yang dibenarkan dan acahan yang tidak sah

Field of play (pitch) (Padang permainan)

Kawasan permainan disempadani oleh garisan tepi dan garisan gol dan jaring gol di mana ianya digunakan

G

Goal line technology (GLT) (Teknologi garisan gol)

Sistem elektronik yang memaklumkan kepada pengadil dengan segera apabila gol telah dijaringkan cth keseluruhan bola melintasi garisan gol ke dalam gol (rujuk Undang-Undang 1 untuk perincian)

H

Holding offence (Memegang)

Kesalahan memegang berlaku hanya apabila pemain melakukan sentuhan terhadap pemain lawan dengan badan atau peralatan yang menghalang pergerakan lawan

Hybrid system (Sistem hibrid)

Kombinasi material artifisial dan natural bagi tujuan menghasilkan permukaan permainan yang memerlukan cahaya matahari, air, pengudaraan, dan pemotongan rumput,

I

Impede (Menghalang)

Melengahkan, mengadang, mencegah pergerakan atau perlakuan pemain lawan

Indirect free kick (Sepakan percuma tidak terus)

Sepakan percuma yang mana gol hanya boleh dijaringkan setelah bola disentuh oleh pemain lain (mana-mana pasukan) setelah ianya disepak

Intercept (Memintas)

Memintas bola dari sampai ke destinasi yang dituju

K

Kick (Sepak)

Bola telah disepak apabila pemain melakukan sentuhan dengan kaki dan/atau pergelangan kaki

Kicks from the penalty mark (Sepakan dari tanda penalti)

Kaedah untuk menentukan keputusan perlawanan dengan setiap pasukan secara berselang-seli mengambil sepakan sehingga satu pasukan berjaya menjaringkan satu gol lebih dari pasukan lawan dan kedua-dua pasukan telah mengambil jumlah sepakan yang sama (kecuali semasa 5 sepakan pertama untuk setiap pasukan, satu pasukan tidak dapat menyamai jaringan lawan walaupun mereka menjaringkan gol dari baki semua sepakan)

N

Negligible (Diabaikan)

Tidak signifikan atau terlalu minima

O

Offence (Kesalahan)

Tindakan melanggar/mencabar Undang-Undang Permainann

Offensive, insulting or abusive language/action(s) (Bahasa /perlakuan yang menyinggung, menghina atau biadap)

Perlakuan lisan atau fizikal yang bersifat keterlaluan, menyakitkan hati, tidak menghormati: dihukum dengan perintah keluar (kad merah)

Outside agent (Anasir Luar)

Binatang, objek atau struktur, dll., termasuk mana-mana individu yang bukan pegawai perlawanan atau nama terdapat dalam senarai pasukan (pemain, pengganti dan pegawai pasukan)

P

Penalise (Menghukum)

Menghukum, kebiasaannya dengan memberhentikan permainan dan beri sepakan percuma atau sepakan penalti kepada pasukan lawan (rujuk juga Advantej)

Play (Main)

Tindakan pemain melakukan sentuhan terhadap bola

Playing distance (Jarak permainan)

Jarak dengan bola yang membenarkan pemain untuk menyentuh bola melalui jangkauan pergelangan kaki/kaki atau melompat atau untuk penjaga gol melompat dengan jangkauan lengan. Jarak ini bergantung kepada saiz fizikal pemain

Q

Quick free kick (Sepakan percuma pantas)

Sepakan percuma yang diambil dengan pantas (dengan kebenaran pengadil) selepas permainan diberhentikan

R

Reckless (Melulu)

Sebarang tindakan (biasanya takel atau cabaran) yang dilakukan oleh pemain tanpa mempedulikan (abaikan) bahaya kepada atau akibat terhadap pemain lawan

Restart (Permulaan semula)

Sebarang kaedah untuk memulakan semula permainan selepas sesuatu pemberhentian

Restart position (Posisi permulaan semula)

Kedudukan pemain semasa permulaan semula permainan ditentukan oleh kedudukan kaki mereka atau mana-mana bahagian badan mereka yang menyentuh tanah, kecuali seperti yang dijelaskan dalam Undang-Undang 11 - Ofsaid

S

Sanction (Hukuman)

Tindakan disiplin yang diambil oleh pengadil

Save (Menyelamatkan)

Tindakan oleh pemain untuk menghentikan atau cuba menghentikan bola apabila ianya menuju ke dalam gol atau hampir ke gol dengan menggunakan anggota badan kecuali tangan/lengan (kecuali penjaga gol dalam kawasan penaltinya sendiri)

Sending-off (Perintah keluar)

Tindakan disiplin apabila pemain dikehendaki meninggalkan padang bagi baki perlawanan setelah melakukan kesalahan perintah keluar (ditunjukkan dengan kad merah); jika perlawanan telah dimulakan (sepak mula) pemain tidak boleh diganti. Pegawai pasukan juga boleh diperintah keluar.

Serious foul play (Bermain dengan amat kasar)

Takel atau mencabar untuk bola yang membahayakan keselamatan pemain lawan atau menggunakan daya yang berlebihan atau brutal; dihukum dengan perintah kelaar (kad merah)

Signal (Isyarat)

Isyarat fizikal daripada pengadil atau mana-mana pegawai perlawanan; kebiasaannya melibatkan gerakan tangan atau lengan atau bendera atau penggunaan wisel (pengadil sahaja)

Simulation (Simulasi)

Tindakan yang menimbulkan implikasi yang salah bahawa sesuatu telah berlaku sedangkan ianya tidak berlaku (lihat juga *Deceive*); dilakukan oleh pemain untuk memperoleh kelebihan yang tidak adil

Spirit of the game (semangat permainan)

Perkara utama/prinsip penting/etika bola sepak sebagai sukan tetapi juga dalam konteks sesuatu perlawanan (rujuk Undang-undang 5)

Suspend (Penggantungan)

Untuk memberhentikan permainan bagi satu tempoh masa dengan dengan berkemungkinan memulakan semula permainan cth, kabus tebal, hujan lebat, ribut petir, kecederaan serius

T

Tackle (Takel)

Cabaran untuk bola menggunakan kaki (di tanah atau di udara)

Team list (Senarai pasukan)

Dokumen rasmi pasukan kebiasaanya menyenaraikan pemain, pengganti dan pegawai pasukan

Team official (Pegawai pasukan)

Individu lain yang bukan pemain tersenarai dalam senarai pasukan cth. Jurulatih, fisioterapi, doktor (rujuk Technical staf)

Technical area (Kawasan teknikal)

Kawasan yang ditetapkan (di stadium) untuk pegawai pasukan termasuk tempat duduk (rujuk Undang-Undang 1 untuk perincian)

Technical staff (Staf teknikal)

Pegawai pasukan yang bukan pemain tersenarai dalam senarai pasukan cth. jurulatih, fisioterapi, doktor (rujuk Team official)

Temporary dismissal (Penggantungan sementara)

Penggantungan sementara kepada pemain dari mengambil bahagian seterusnya dalam permainan kerana bersalah untuk beberapa/kesemua kesalahan amaran bergantung kepada peraturan pertandingan)

U

Undue interference (Gangguan yang tidak wajar)

Tindakan/pengaruh yang tidak wajar

Unsporting behaviour (Berkelakuan tidak semangat sukan)

Tindakan/kelakuan yang tidak adil; dihukum dengan amaran

V

Violent conduct (Berkelakuan ganas)

Tindakan, yang tidak bertujuan mencabar untuk bola, yang menggunakan atau cuba menggunakan daya yang berlebihan atau brutal terhadap lawan atau ketika pemain dengan sengaja memukul seseorang di kepala atau muka kecuali kekuatan yang digunakan boleh diabaikan

Istilah Pengadil

Match official(s) (Pegawai perlawanan)

Istilah umum bagi individu atau individu-individu yang bertanggungjawab mengawal perlawanan bola sepak bagi pihak persatuan bola sepak dan / atau pertandingan di bawah bidang kuasa di mana pertandingan ini dimainkan

Referee (Pengadil)

Pegawai perlawanan utama yang bertugas di padang permainan pada sesuatu perlawanan. Lain-lain pegawai perlawanan bertugas di bawah kawalan dan arahan pengadil. Pengadil membuat keputusan akhir/muktamad

Other match officials (Lain-lain pegawai perlawanan)

'On-field' match officials (Pegawai perlawanan lapangan)

JK pertandingan boleh melantik lain-lain pegawai perlawanan untuk membantu pengadil:

- **Assistant referee (Penolong pengadil)**

Pegawai perlawanan yang bertugas dengan menggunakan bendera di sebahagian garisan tepi membantu pengadil khususnya bagi situasi ofsaid dan sepakan gol/sepakan penjuru/lontaran ke dalam.

- **Fourth official (Pegawai keempat)**

Pegawai yang bertanggungjawab untuk membantu pengadil bagi urusan di dalam dan di luar padang permainan termasuk memantau kawasan teknikal, menyelia penggantian dll.

- **Additional assistant referee (AAR) (Penolong pengadil tambahan)**

Pegawai yang bertugas di garisan gol yang fungsi utamanya untuk membantu situasi di dalam/sekitar kawasan penalti serta keputusan gol/tidak gol

- **Reserve assistant referee (Penolong pengadil simpanan)**

Penolong pengadil yang akan menggantikan penolong pengadil (dan, jika peraturan pertandingan membenarkan, pegawai keempat dan/ atau AAR) yang tidak dapat meneruskan tugas

'Video' match officials (VMOs)


Adalah VAR dan AVAR yang membantu pengadil berlandaskan Undang-Undang Permainan dan protokol VAR

- ***Video assistant referee (VAR)***

Pengadil semasa atau bekas pengadil yang dilantik untuk membantu pengadil dengan menyampaikan maklumat dari rakaman ulang tayang hanya berkaitan dengan 'kesilapan yang ketara dan jelas' atau 'insiden serius yang terlepas' dalam salah satu kategori yang boleh disemak semula.

- ***Assistant video assistant referee (AVAR)***

Pengadil semasa atau bekas pengadil yang dilantik untuk membantu penolong pengadil video (VAR)



Garis panduan praktikal pegawai perlawanan

Pengenalan

Garis panduan ini mengandungi nasihat praktikal untuk pegawai perlawanan yang melengkapkan maklumat di bahagian Undang-Undang Permainan.

Rujukan dibuat dalam Undang-Undang 5 untuk pengadil beroperasi mengikut kerangka Undang-Undang Permainan dan 'semangat permainan'. Pengadil diharapkan menggunakan pertimbangan akal dan menerapkan 'semangat permainan' ketika mengaplikasikan Undang-Undang Permainan, terutama ketika membuat keputusan yang berkaitan dengan sama ada perlawanan berlangsung dan/atau berlanjutan

Hal ini berlaku terutama untuk bola sepak di peringkat rendah di mana Undang-Undang ini tidak selalu dapat dilaksanakan dengan tegas. Sebagai contoh, kecuali jika ada masalah keselamatan, pengadil harus membenarkan permainan dimulakan/diteruskan jika:

- satu atau lebih tiang bendera penjuru tiada
- terdapat ketidaktepatan kecil pada tanda-tanda padang seperti kawasan penjuru, bulatan tengah dsbg.
- tiang dan palang gol tidak berwarna putih

Dalam kes seperti itu, pengadil harus, dengan persetujuan kedua-dua pasukan, bermain/meneruskan perlawanan dan harus menyerahkan laporan kepada pihak yang bertanggungjawab yang sesuai.

Key:

- AR = penolong pengadil
- AAR = penolong pengadil tambahan

Posisi, pergerakan dan kerja berpasukan


1. Posisi dan pergerakan umum

Posisi terbaik adalah di mana pengadil dapat membuat keputusan yang betul. Semua cadangan mengenai posisi mesti disesuaikan menggunakan informasi khusus mengenai pasukan, pemain dan kejadian dalam perlawanan.

Posisi yang disarankan dalam grafik adalah panduan asas. Rujukan ke "zon" menekankan bahawa posisi yang disarankan adalah kemungkinan paling efektif bagi pengadil. Zon mungkin lebih besar, lebih kecil atau bentuk berbeza bergantung pada kesesuaian keadaan perlawanan.

Rekomendasi:

- Kedudukan permainan harus di antara pengadil dan AR utama
- AR utama harus berada dalam pandangan pengadil maka pengadil biasanya harus menggunakan sistem pepenjuru yang luas
- Berada ke arah luar pergerakan permainan menjadikannya lebih mudah untuk meletakkan permainan dan AR utama dalam penglihatan pengadil
- Pengadil harus berada berhampiran untuk melihat permainan tanpa mengganggu permainan
- "Apa yang perlu dilihat" tidak selalu berada di sekitar bola. Pengadil juga harus memberi tumpuan:
 - konfrontasi pemain tanpa bola
 - kemungkinan kesalahan di kawasan yang menuju ke arah permainan sedang tuju
 - kesalahan yang berlaku setelah bola dimainkan



Posisi Penolong Pengadil (AR) dan Penolong Pengadil Tambahan (AAR)

AR mesti separas dengan pemain pertahanan kedua terakhir atau bola jika ianya lebih hampir ke garisan gol daripada pemain pertahanan kedua terakhir. AR mesti sentiasa menghadap padang permainan, walaupun ketika sedang berlari. Pergerakan sisi harus digunakan untuk jarak pendek. Ini sangat penting ketika menilai ofsaid kerana memberikan AR pandangan yang lebih baik.

Kedudukan AAR adalah berada di belakang garisan gol kecuali jika perlu bergerak ke garisan gol bagi menilai situasi jaringan gol/tidak gol. AAR tidak dibenarkan memasuki padang permainan kecuali ada keadaan-keadaan yang tertentu.



Goalkeeper

(Penjaga gol)



Defender

(Pertahanan)



Attacker

(Penyerang)



Referee

(Pengadil)



Assistant Referee

(Penolong Pengadil)



Additional Assistant Referee

(Penolong Pengadil Tambahan)


2. Posisi dan kerja berpasukan

Konsultasi

Semasa menangani masalah disiplin, hubungan mata dan isyarat tangan asas yang tidak ketara kepada pengadil mungkin mencukupi. Apabila berunding secara langsung diperlukan, AR boleh maju sejauh 2-3 meter ke dalam padang permainan jika perlu. Semasa bercakap, pengadil dan AR harus sama-sama menghadap ke padang permainan agar tidak didengar oleh orang lain dan memerhatikan pemain dan padang permainan.



Sepakan penjuru



Kedudukan AR untuk sepakan penjuru adalah di belakang tiang bendera penjuru separas dengan garisan gol tetapi AR tidak boleh mengganggu pemain yang mengambil sepakan penjuru dan mesti memeriksa bahawa bola ditempatkan dengan betul di kawasan penjuru.



Sepakan percuma

Kedudukan AR untuk sepakan percuma mesti separas dengan pemain pertahanan kedua terakhir untuk mengawal garisan ofsaid. Walau bagaimanapun, AR mesti bersedia untuk mengikut bola dengan bergerak sepanjang garisan tepi ke arah tiang bendera penjuru jika ada sepakan terus ke arah gol.






Gol/tidak gol

Apabila gol telah dijaringkan dan tidak ada keraguan mengenai keputusannya, pengadil dan penolong pengadil mesti membuat hubungan mata dan penolong pengadil kemudian mesti bergerak dengan pantas 25-30 meter di sepanjang garisan tepi menuju ke garisan tengah tanpa mengisyaratkan bendera.

Ketika gol telah dijaringkan tetapi bola kelihatan masih dalam permainan, penolong pengadil mesti mengisyaratkan bendera terlebih dahulu untuk menarik perhatian pengadil kemudian melakukan prosedur gol yang normal dengan berlari 25-30 meter di sepanjang garisan tepi menuju ke garisan tengah.


Dalam keadaan ketika keseluruhan bola tidak melintasi garisan gol dan permainan diteruskan seperti biasa kerana gol belum dijaringkan, pengadil mesti membuat hubungan mata dengan penolong pengadil dan jika perlu berikan isyarat tangan yang tidak ketara.



Sepakan gol


AR mesti memeriksa terlebih dahulu jika bola berada di dalam kawasan gol. Sekiranya bola tidak diletakkan dengan betul, AR tidak boleh bergerak dari posisi dan mesti melakukan hubungan mata dengan pengadil dan isyaratkan bendera. Setelah bola diletakkan dengan betul di dalam kawasan gol, AR mesti mengambil kedudukan untuk mengawal garisan ofsaid.

Namun, jika ada AAR, AR harus mengambil posisi separas dengan garis ofsaid dan AAR mesti berada pada di tanda pertemuan garisan gol dan kawasan gol, dan menilai sama ada bola ditempatkan di dalam kawasan gol. Sekiranya bola tidak diletakkan dengan betul, AAR mesti memaklumkan kepada pengadil .




Penjaga gol melepaskan bola

AR mesti mengambil posisi separas dengan hujung kawasan penalti dan memastikan bahawa penjaga gol tidak mengendalikan bola di luar kawasan penalti. Setelah penjaga gol melepaskan bola, AR mesti mengambil posisi untuk mengawal garisan ofsaid.




Sepak mula

AR mesti separas dengan pemain pertahanan kedua terakhir.




Sepakan dari tanda penalti

Satu AR mesti berada di tanda pertemuan garisan gol dan kawasan gol. AR yang lain mesti berada di bulatan tengah untuk mengawal pemain. Sekiranya terdapat AAR, mereka mesti berada di setiap persimpangan garisan gol dan kawasan gol, di sebelah kanan dan kiri gol, kecuali di mana GLT digunakan, hanya satu AAR diperlukan. Dalam kes ini AAR2 dan AR1 harus memantau pemain di bulatan tengah dan AR2 dan pegawai keempat pula memantau kawasan teknikal.




Sepakan penalti

AR mesti diberada di tanda pertemuan garisan gol dan kawasan penalti.



Di mana terdapat AARs, mereka mesti berada di tanda pertemuan garisan gol dan kawasan gol dan AR mengambil posisi separas dengan tanda penalti (yang merupakan garisan offside).



Konfrontasi besar-besaran (*Mass confrontation*)

Dalam situasi konfrontasi besar-besaran, AR terdekat boleh memasuki padang permainan untuk membantu pengadil. AR yang lain mesti memerhatikan dan merekod perincian kejadian. Pegawai keempat harus tetap berada di sekitar kawasan teknikal.

Jarak yang diperlukan

Apabila sepakan percuma diberikan berhampiran dengan AR, AR boleh masuk ke padang permainan (biasanya atas permintaan pengadil) untuk membantu memastikan pemain berada pada kedudukan 9.15 m (10 ela) dari bola. Dalam kes ini, pengadil mesti menunggu sehingga AR kembali dalam posisi sebelum memulakan semula permainan.

Penggantian

Sekiranya tidak ada pegawai keempat, AR bergerak ke garis tengah untuk membantu prosedur penggantian; pengadil mesti menunggu sehingga AR kembali ke posisi sebelum memulakan semula permainan.

Sekiranya ada pegawai keempat, AR tidak perlu bergerak ke garis tengah kerana pegawai keempat akan menjalankan prosedur penggantian kecuali apabila ada beberapa penggantian berlaku pada masa yang sama, dalam hal ini AR bergerak ke garisan tengah untuk membantu pegawai keempat.



Bahasa badan, komunikasi dan wisel

1. Pengadil

Bahasa badan

Bahasa badan adalah satu alat yang digunakan oleh pengadil untuk:

- membantu mengawal perlawanan
- menunjukkan autoriti dan kawalan diri

Bahasa badan bukanlah penjelasan mengenai keputusan.

Isyarat

Rujuk Undang-Undang 5 untuk diagram isyarat

Wisel

Penggunaan wisel adalah perlu untuk:

- permulaan permainan (separuh masa pertama dan kedua permainan normal dan masa tambahan), serta permulaan permainan selepas jaringan gol
- memberhentikan permainan:
 - untuk sepakan percuma terus atau sepakan penalti
 - sama ada permainan ditangguhkan atau ditunda
 - tamat setiap separuh masa
- permulaan semula permainan untuk:
 - sepakan percuma apabila jarak bersesuaian diminta/diperlukan
 - sepakan penalti
- permulaan semula permainan selepas diberhentikan untuk:
 - amaran atau perintah keluar

- kecederaan
- penggantian pemain

Penggunaan wisel TIDAK diperlukan bagi:

- pemberhentian permainan yang jelas:
 - sepakan gol, sepakan penjuru, lontaran ke dalam atau gol
- permulaan semula permainan dari:
 - kebanyakan sepakan percuma, dan sepakan gol, sepakan penjuru, lontaran ke dalam atau jatuhan bola

Wisel yang digunakan secara kerap/tidak perlu akan kurang memberi impak apabila diperlukan.

Sekiranya pengadil mahu pemain menunggu wisel sebelum memulakan semula permainan (cth ketika memastikan pemain bertahan berada 9.15 m (10 ela) dari bola semasa sepakan percuma) pengadil mesti memberitahu pemain penyerang dengan jelas untuk menunggu wisel.

Sekiranya pengadil meniup wisel secara tidak sengaja dan permainan berhenti, permainan dimulakan semula dengan jatuhan bola.

2. Penolong pengadil

Isyarat Beep

Sistem isyarat beep adalah isyarat tambahan yang hanya digunakan untuk mendapatkan perhatian pengadil. Bunyi isyarat *beep* boleh digunakan bagi situasi termasuk:

- ofsaid
- kesalahan (di luar penglihatan pengadil)
- lontaran ke dalam, sepakan penjuru, sepakan gol dan gol (*tight decision*)

Sistem komunikasi elektronik

Di mana sistem komunikasi elektronik digunakan, pengadil akan menasihati AR tentang masa yang sesuai untuk menggunakan sistem komunikasi dengan, atau sebaliknya, hanya isyarat fizikal.

Teknik isyarat bendera

Bendera AR mesti selalu direntangkan dan dilihat oleh pengadil. Ini biasanya bermaksud bendera dibawa di tangan yang paling hampir dengan pengadil. Semasa membuat isyarat, AR berhenti berlari, menghadap ke padang permainan, membuat hubungan mata dengan pengadil dan mengisyaratkan bendera (tidak tergesa-gesa atau keterlaluan). Isyarat bendera harus seperti lengan yang dipanjangkan. AR mesti mengisyaratkan bendera menggunakan tangan yang akan digunakan untuk isyarat seterusnya. Sekiranya keadaan berubah dan tangan yang lain mesti digunakan, AR harus menggerakkan bendera ke tangan yang bertentangan di bawah pinggang. Sekiranya AR memberi isyarat bahawa bola di luar permainan, isyarat mesti dikekalkan sehingga pengadil mengakuinya

Sekiranya AR memberi isyarat untuk kesalahan perintah keluar dan isyarat tidak dapat dilihat dengan segera:

- jika permainan telah dihentikan, permulaan semula dapat diubah sesuai dengan Undang-Undang (sepakan percuma, sepakan penalti, dll.)
- jika permainan telah dimulakan semula, pengadil masih boleh mengambil tindakan disiplin tetapi tidak menghukum kesalahan itu dengan sepakan percuma atau sepakan penalti.

Gerak laku

Sebagai peraturan umum, AR tidak boleh menggunakan isyarat tangan yang jelas. Walau bagaimanapun, dalam beberapa keadaan, isyarat tangan yang tidak ketara dapat membantu pengadil. Isyarat tangan harus mempunyai makna yang jelas yang semestinya telah dipersetujui dalam perbincangan sebelum perlawanan.

Isyarat

Rujuk Undang-Undang 6 untuk diagram isyarat

Sepakan penjuru/sepakan gol

Apabila keseluruhan bola melepasi garisan gol, AR mengisyaratkan bendera dengan tangan kanan (garis penglihatan yang lebih baik) untuk memberitahu pengadil bahawa bola di luar permainan dan kemudian jika:

- hampir dengan AR - isyaratkan sama ada ianya sepakan gol atau sepakan penjuru
- jauh dari AR – lakukan hubungan mata dan ikut keputusan pengadil

Apabila bola melintasi garisan gol dengan jelas, AR tidak perlu mengisyaratkan bendera untuk menunjukkan bahawa bola telah meninggalkan padang permainan. Sekiranya keputusan sepakan gol atau sepakan penjurong jelas, tidak perlu diberikan isyarat, terutama ketika pengadil memberikan isyarat.

Kesalahan

AR mesti mengisyaratkan bendera apabila pelanggaran atau kesalahan berlaku di kawasan sekitarnya atau di luar penglihatan pengadil. Dalam semua situasi lain, AR mesti menunggu dan memberikan pendapat sekiranya diperlukan dan kemudian memaklumkan kepada pengadil perkara yang dilihat dan didengar, serta pemain mana yang terlibat.

Sebelum memberi isyarat untuk kesalahan, AR mesti menentukan:

- kesalahan itu di luar penglihatan pengadil atau penglihatan pengadil terhalang
- pengadil tidak akan mengaplikasikan advantage

Apabila berlaku kesalahan yang memerlukan isyarat dari AR, AR mesti:

- isyaratkan bendera dengan tangan yang sama yang akan digunakan untuk memberikan isyarat arah seterusnya - ini memberi pengadil petunjuk yang jelas mengenai siapa yang akan diberikan sepakan percuma
- membuat hubungan mata dengan pengadil
- kibarkan bendera sedikit secara bolak-balik (elakkan pergerakan berlebihan atau agresif)

AR mesti menggunakan "teknik tunggu dan lihat" untuk membenarkan permainan diteruskan dan tidak mengisyaratkan bendera ketika pasukan yang dilakukan kesalahan akan mendapat keuntungan dari advantage; Oleh itu, sangat penting bagi AR untuk membuat hubungan mata dengan pengadil.

Kesalahan di dalam kawasan penalti

Apabila kesalahan dilakukan oleh pemain pertahanan di dalam kawasan penalti, di luar penglihatan pengadil, terutama jika hampir dengan posisi AR, AR mesti terlebih dahulu melakukan hubungan mata dengan pengadil untuk melihat posisi pengadil dan tindakan yang telah diambil. Jika pengadil belum mengambil tindakan, AR mesti memberi isyarat dengan bendera, menggunakan isyarat elektronik beep dan kemudian bergerak di sepanjang garis tepi ke bendera penjurong.

Kesalahan di luar kawasan penalti

Apabila kesalahan dilakukan oleh pemain pertahanan di luar kawasan penalti (berhampiran sempadan kawasan penalti), AR mesti melakukan hubungan mata dengan pengadil untuk melihat posisi pengadil dan tindakan yang telah diambil, dan memberi isyarat dengan bendera jika perlu. Dalam situasi serangan balas, AR seharusnya dapat untuk memberi maklumat seperti sama ada kesalahan telah dilakukan atau tidak dan sama ada kesalahan telah dilakukan di dalam atau di luar kawasan penalti, dan tindakan tatatertib yang harus diambil. AR harus membuat pergerakan yang jelas di sepanjang garisan tepi ke arah garisan tengah untuk menunjukkan kesalahan itu berlaku di luar kawasan penalti.

Gol – tidak gol

Apabila jelas, keseluruhan bola telah melintasi garisan gol sepenuhnya di dalam gol, AR harus melakukan hubungan mata dengan pengadil tanpa memberikan isyarat tambahan.

Apabila gol telah dijangka tetapi tidak jelas sama ada bola telah melintasi garisan gol, AR harus terlebih dahulu mengisyaratkan bendera untuk menarik perhatian pengadil dan kemudian mengesahkan gol.

Ofsaid

Tindakan pertama AR untuk keputusan ofsaid adalah mengisyaratkan bendera (menggunakan tangan kanan, untuk memberikan garis penglihatan yang lebih baik kepada AR) dan kemudian, jika pengadil berhentikan bermain, gunakan bendera untuk menunjukkan kawasan di padang permainan di mana kesalahan itu berlaku. Sekiranya bendera tidak segera dilihat oleh pengadil, AR mesti mengekalkan isyarat sehingga ia diakui atau bola jelas berada dalam kawalan pasukan bertahan.

Sepakan penalti

Sekiranya penjaga gol secara terang-terangan bergerak keluar dari garisan gol sebelum bola disepak dan mencegah gol dijangka, AR harus mengisyaratkan pencerobohan mengikut arahan pra-perlawanan dari pengadil.

Penggantian

Setelah AR dimaklumkan (oleh pegawai keempat atau pegawai pasukan) bahawa penggantian diminta, AR mesti memberi isyarat ini kepada pengadil pada pemberhentian permainan seterusnya.

Lontaran ke dalam

Apabila keseluruhan bola melintasi garisan tepi:

- hampir dengan AR - isyaratkan secara terus untuk menunjukkan arah lontaran
- jauh dari AR dan keputusan lontaran ke dalam adalah jelas - AR harus memberikan isyarat secara terus untuk menunjukkan arah lontaran
- jauh dari AR dan AR meragui arah lontaran ke dalam - AR mesti mengisyaratkan bendera untuk memaklumkan pengadil bahawa bola di luar permainan, membuat hubungan mata dengan pengadil dan mengikuti isyarat pengadil

3. Penolong pengadil tambahan

AAR menggunakan sistem komunikasi radio (bukan bendera) untuk berkomunikasi dengan pengadil. Sekiranya sistem komunikasi radio gagal berfungsi, AAR akan menggunakan isyarat elektronik *beep flagstick*. AAR tidak menggunakan isyarat tangan yang jelas tetapi, dalam beberapa keadaan, isyarat tangan yang tidak ketara dapat memberi sokongan berharga kepada pengadil. Isyarat tangan harus mempunyai makna yang jelas dan isyarat seperti itu harus dipersetujui dalam perbincangan pra perlawanan.

AAR, setelah menilai bahawa keseluruhan bola telah melintasi garisan gol dalam gol, mesti:

- segera memaklumkan pengadil melalui sistem komunikasi bahawa bola telah melintasi garisan gol
- buat isyarat yang jelas dengan lengan kiri tegak lurus ke garisan gol yang menunjuk ke arah tengah padang (*flagstick* dipegang dengan tangan kiri). Isyarat ini tidak diperlukan ketika bola telah melintasi garisan gol dengan jelas.

Pengadil akan membuat keputusan akhir.

Nasihat lain

1. Advantej

Pengadil boleh memberi advantej setiap kali berlaku kesalahan tetapi harus mempertimbangkan perkara berikut dalam memutuskan sama ada akan mengaplikasikan advantej atau memberhentikan permainan:

- tahap kesalahan - jika kesalahan itu memerlukan perintah keluar, pengadil mesti berhentikan permainan dan perintah keluar pemain kecuali ada peluang yang jelas untuk menjaringkan gol
- kedudukan di mana kesalahan itu dilakukan - semakin hampir dengan gol lawan, semakin efektif advantej tersebut
- peluang untuk melakukan serangan yang segera, serangan yang baik,
- atmosfera perlawanan

2. Peruntukan masa yang terbang

Banyak pemberhentian dalam permainan adalah natural (cth. Lontaran ke dalam, sepakan gol)


Peruntukan hanya dibuat apabila kelewatan tersebut adalah berlebihan.

3. Memegang pemain lawan


Pengadil diingatkan untuk membuat intervensi awal dan menangani dengan tegas kesalahan memegang pemain melakukan kesalahan, terutama di dalam kawasan penalti pada sepakan penjurong dan sepakan percuma. Untuk menangani situasi ini:

- pengadil mesti menegur mana-mana pemain yang memegang lawan, sebelum bola dalam permainan
- beri amaran kepada pemain jika kesalahan memegang terus berlarutan sebelum bola dalam permainan
- beri sepakan percuma terus atau sepakan penalti dan amaran kepada pemain sekiranya ianya berlaku selepas bola dalam permainan


4. Offsайд



Pemain penyerang **dalam kedudukan offsайд (A)**, tidak mengganggu pemain lawan, **sentuh bola**. AR mesti mengisyaratkan bendera apabila pemain tersebut **menyentuh bola**.




Pemain penyerang **dalam kedudukan offsайд (A)**, tidak mengganggu pemain lawan, **tidak menyentuh bola**. Pemain itu tidak menyentuh bola, maka tidak boleh dihukum.




Pemain penyerang **dalam kedudukan ofsaid** (A) bergerak menuju ke arah bola dan rakan sepasukan **dalam kedudukan onside** (B) juga bergerak menuju ke arah bola dan memainkannya. (A) tidak menyentuh bola maka tidak boleh dihukum.




Seorang pemain **dalam kedudukan ofsaid** (A) boleh dihukum sebelum menyentuh atau memainkan bola, jika, pada pendapat pengadil, tidak ada rakan sepasukan lain yang berada dalam kedudukan *onside* mempunyai peluang untuk memainkan bola.




Pemain penyerang **dalam kedudukan offsaide** (1) bergerak ke arah bola dan **tidak menyentuh** bola. AR mesti memberi isyarat **“sepakan gol”**.




Pemain penyerang **dalam kedudukan offsaide** (A) secara jelas menghalang garis penglihatan penjaga gol. Pemain itu mesti dihukum untuk menghalang pemain lawan daripada bermain atau dapat bermain bola.



Pemain penyerang **dalam kedudukan ofsaid (A)** **tidak** menghalang secara jelas garis penglihatan penjaga gol atau mencabar pemain lawan untuk bola.




Pemain penyerang **dalam kedudukan ofsaid (A)** bergerak ke arah bola tetapi tidak menghalang pemain lawan daripada bermain atau dapat bermain bola. (A) **tidak** mencabar pemain lawan (B) untuk bola.




Pemain penyerang **dalam kedudukan ofsaid** (A) bergerak menuju ke arah bola menghalang pemain lawan (B) daripada bermain atau dapat bermain bola dengan mencabar pemain lawan untuk bola.


(A) mencabar pemain lawan (B) untuk bola.




Pemain penyerang **dalam kedudukan ofsaid** (B) dihukum kerana **memainkan atau menyentuh bola** yang melantun, membias atau dimainkan dari *deliberate save* oleh penjaga gol apabila berada **dalam kedudukan ofsaid** dan bola akhir sekali disentuh atau dimainkan oleh rakan sepasukan.




Pemain penyerang **dalam kedudukan ofsaid** (B) dihukum kerana **memainkan atau menyentuh bola** yang melantun, membias atau dimainkan dari *deliberate save* oleh pemain pasukan bertahan (C) apabila berada **dalam kedudukan ofsaid** dan bola akhir sekali disentuh atau dimainkan oleh rakan sepasukan.



Sepakan ke arah gol oleh rakan sepasukan (A) melantun daripada penjaga gol (B) yang berada dalam kedudukan *onside* dan memainkan bola, (C) **dalam kedudukan ofsaid** tidak dihukum kerana pemain itu tidak mendapat keuntungan dengan berada pada kedudukan tersebut kerana pemain itu tidak menyentuh bola



Sepakan ke arah gol oleh rakan sepasukan (A) melantun atau membias daripada pemain lawan ke pemain penyerang (B) dihukum untuk **memainkan atau menyentuh bola** yang sebelumnya telah berada **dalam kedudukan offsaidd**.



Pemain penyerang (C) **dalam kedudukan offsaidd**, tidak mengganggu pemain lawan, apabila rakan sepasukan (A) membuat hantaran ke pemain (B1) yang berada dalam kedudukan *onside* yang bergerak ke arah gol lawan (B2) dan membuat hantaran ke rakan sepasukan (C). Penyerang (C) berada **dalam kedudukan onside** apabila bola dimainkan, maka tidak boleh dihukum.

5. Kecederaan

Keselamatan pemain adalah sangat penting dan pengadil harus mempermudah urusan pegawai perubatan, terutama jika berlaku kecederaan serius dan / atau penilaian kecederaan kepala. Ini termasuk menghormati dan membantu penilaian / protokol rawatan yang dipersetujui.

6. Rawatan/penilaian kecederaan selepas amaran/perintah keluar

Sebelum ini, seorang pemain cedera yang mendapat rawatan perubatan di padang permainan harus meninggalkan padang sebelum permainan dimulakan semula. Ini boleh mengakibatkan keadaan yang tidak adil jika pemain lawan yang menyebabkan kecederaan kerana pasukan yang menyerang mempunyai bilangan pemain yang lebih ketika permainan dimulakan semula. .

Walau bagaimanapun, syarat ini diperkenalkan kerana pemain sering menggunakan kecederaan untuk melambatkan permulaan permainan sebagai satu taktikal.

Sebagai keseimbangan antara dua situasi yang tidak adil ini, IFAB telah memutuskan hanya untuk kesalahan fizikal di mana pihak lawan diberi amaran atau diperintah keluar, pemain yang cedera dapat dinilai dengan cepat/dirawat dan kemudian tetap berada di padang permainan.

Secara prinsipnya, kelewatan ini tidak boleh lebih lama daripada sela masa ketika pegawai perubatan masuk ke padang untuk menilai kecederaan. Perbezaannya adalah tempoh di mana pengadil gunakan untuk meminta petugas perubatan dan pemain untuk beredar, sekarang adalah tempoh di pegawai perubatan meninggalkan padang tetapi pemain kekal di padang.

Untuk memastikan pemain yang cedera tidak menggunakan / melambatkan permulaan semula secara tidak adil, pengadil dinasihatkan untuk:

- berhati-hati dengan situasi perlawanan dan sebarang sebab taktikal yang berpotensi untuk melambatkan permulaan semula permainan
- maklumkan kepada pemain yang cedera bahawa jika rawatan perubatan diperlukan, ia mesti dilakukan dengan segera
- memberi isyarat kepada pegawai perubatan (bukan *stretchers*) dan ingatkan mereka supaya jalankan prosedur dengan segera

Apabila pengadil memutuskan permainan harus dimulakan semula:

- pegawai perubatan meninggalkan padang dan pemain kekal atau
- pemain meninggalkan padang untuk rawatan lanjut (isyarat *stretcher* mungkin diperlukan)

Sebagai panduan umum, tempoh masa permulaan semula permainan tidak boleh melebihi dari 20–25 saat ketika semua orang bersedia untuk bermain untuk memulakan semula permainan, kecuali jika berlaku kecederaan serius dan/atau penilaian kecederaan kepala.

Pengadil mesti memperuntukkan tambahan masa untuk pemberhentian tersebut.

Nota

Nota

Nota

Nota

Nota

Nota

Nota

IFAB[®]

THE INTERNATIONAL FOOTBALL ASSOCIATION BOARD



FIFA[®]





IFAB

